

# TINJAUAN PMKS MSME INSIGHTS

2021

PMKS ke arah Pemulihan yang Mampan  
*MSMEs towards Sustainable Recovery*



Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)  
*National Entrepreneur and SME Development Council (NESDC)*

# KANDUNGAN

## 02 Perutusan YAB Perdana Menteri

## 05 BAB 1

### Dasar, Inisiatif dan Program Pembangunan PMKS

- Artikel Khas: Program Pembangunan PMKS pada Tahun 2021 dan 2022
- Artikel Khas: *Malaysian SME Programme Efficiency Review* oleh Bank Dunia (World Bank)
- Artikel Khas: Pembangunan Modal Insan PMKS

## 25 BAB 2

### Agenda PMKS pada Peringkat Global & Serantau dan Pengantarabangsaan

- Artikel Khas: Dialog Dasar APEC mengenai Rangka Kerja PKS dan Keusahawanan: *Let's be Coherent and Cohesive*
- Artikel Khas: Program Pembangunan bagi Pengekspo
- Artikel Khas: Program Rantaian Global PKS (*GLOCAL Lingkages SME Programme, GLOSMEP*)



## 41 BAB 3

### Ekosistem Pembiayaan untuk PMKS

- Artikel Khas: Kemudahan Pembiayaan untuk PMKS yang Terjejas Akibat Pandemik COVID-19
- Artikel Khas: Pembiayaan Berkaitan Kelestarian

## 61 BAB 4

### Teknologi, Inovasi dan Pendigitalan

- Artikel Khas: Buku Panduan Digital PKS
- Artikel Khas: MyAssist MSME

## 71 SOROTAN KHAS

### Membangun Semula dengan Lebih Baik untuk PMKS Malaysia

- Artikel Khas: Inisiatif Pemulihan pada Tahun 2021 dan 2022

## 87 KISAH INSPIRASI

- Usaha Tangga Kejayaan
- Daripada Perunding IT kepada Petani Bandar
- Menuju ke arah Automasi Rumah Pintar
- Terbang Tinggi di Aeroangkasa

## 97 MELANGKAH KE HADAPAN

### PMKS Malaysia ke arah Kelestarian

## 103 LAMPIRAN

- Lampiran 1 – Senarai Program Pembangunan PMKS dan Keusahawanan Terpilih pada Tahun 2022
- Lampiran 2 – Glosari Singkatan
- Lampiran 3 – Definisi PMKS

## 247 RUJUKAN



## Perutusan YAB Perdana Menteri

Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) merupakan pemangkin dalam memacu pemulihan ekonomi Malaysia agar menjadi lebih kukuh dan mampan ketika pascapandemik COVID-19. Kepentingan PMKS sebagai tonggak kepada ekonomi Malaysia sememangnya tidak dapat disangkal. PMKS yang mewakili lebih 1.2 juta atau 97.4% daripada jumlah entiti perniagaan di negara ini, menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara pada tahun 2021, iaitu sebanyak 37.4% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), 11.7% daripada jumlah eksport dan 47.8% daripada jumlah guna tenaga.

Pandemik COVID-19 telah mencetuskan krisis ekonomi global terbesar pada abad ini, sehingga mengakibatkan kejutan yang tidak pernah dialami oleh peduduk dunia sepanjang dua tahun lepas. Seiring dengan pemulihan di peringkat global, ekonomi Malaysia telah meningkat kembali pada tahun 2021 dengan mencatatkan pertumbuhan positif dalam KDNK, pelaburan dan perdagangan. Langkah-langkah strategik daripada segi dasar, strategi dan bantuan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menangani krisis sejak bulan Mei 2020 terbukti berkesan dalam mengurangkan impak terhadap PMKS yang telah bangkit kembali mencapai pertumbuhan positif pada tahun 2021. Walaupun sumbangannya rendah kepada ekonomi Malaysia, namun ini merupakan satu kejayaan bagi PMKS dengan mengambil kira cabaran yang dihadapi di peringkat domestik dan global.

Bagi memenuhi keperluan dan memastikan kelangsungan perniagaan, Kerajaan telah memberi perhatian khusus kepada PMKS melalui pelbagai pakej rangsangan. Sejak bermulanya pandemik, sejumlah RM196 bilion telah diperuntukkan bagi membantu PMKS menangani isu kritikal khususnya dalam pembiayaan, aliran tunai, pengekalan pekerjaan, pembangunan modal insan, serta penerapan penggunaan teknologi dan pendigitalan. Pada tahun 2021, sebanyak 210 program pembangunan PMKS telah dilaksanakan oleh 15 buah Kementerian, enam buah agensi tunggal dan 53 buah agensi dengan jumlah peruntukan RM11.7 bilion yang memanfaatkan 774,694 PMKS.

Selain ancaman ketidaktentuan ekonomi dalam dan luar negara, peningkatan ketara dalam kos makanan, perang di Ukraine yang mungkin meruncitkan pertumbuhan global dan mengakibatkan peningkatan inflasi, Kerajaan sedar isu dan cabaran besar yang dihadapi oleh PMKS selepas pascapandemik COVID-19 ialah jurang pendigitalan; produktiviti rendah dalam kalangan pekerja; kurang akses pembiayaan dan rangkaian rantai bekalan; dan peningkatan kerentanan ekonomi.

Justeru, pemulihan dan pembangunan berterusan dalam sektor PMKS adalah perlu untuk membolehkannya berkembang, dengan mengambil kira strategi jangka panjang yang akan membantu menghadkan impak krisis pada masa akan datang dan membangunkan PMKS dinamik yang berdaya tahan, proaktif, mahir untuk lebih berkemampuan menghadapi kejutan pada masa hadapan serta meningkatkan sumbangan ekonomi PMKS. Penekanan mesti diberikan kepada tiga bidang tumpuan yang dapat memastikan pertumbuhan PMKS yang mampan, iaitu penyertaan dalam rantai nilai industri berimpak tinggi, pengantarabangsaan, serta pendigitalan dan automasi.

Pandemik telah memperkuuh keperluan untuk tindakan iklim dalam kepenggunaan. Pematuhan kepada amalan persekitaran, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*) menjadi semakin penting di peringkat global dalam kalangan pelabur, penggubal dasar dan pihak berkepentingan utama lain untuk melindungi perniagaan daripada risiko pada masa hadapan. Sehubungan itu, dalam melangkah ke hadapan amat kritikal bagi PMKS mengambil langkah mematuhi ESG agar perniagaan mereka dapat berkembang maju pada hari ini dan kalis masa hadapan. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan komited memperkenalkan inisiatif yang menggalakkan PMKS menerapkan prinsip ESG dalam operasi mereka, agar dapat menyertai pasaran global dan memperoleh pembiayaan pada masa akan datang.

Pembangunan PMKS yang progresif menjadi agenda utama Kerajaan ke arah melonjak dan membina semula ekonomi sebagai usaha merealisasikan visi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2025, di samping mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara keusahawanan menjelang tahun 2030. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) menunjukkan komitmen Kerajaan bagi memastikan kemakmuran, keterangkuman dan kelestarian ekonomi Malaysia, termasuk mewujudkan ekosistem PMKS yang kondusif dan holistik serta mesra ESG. Ini bagi meningkatkan keupayaan keusahawanan dan juga mengukuhkan landskap perniagaan agar dapat melahirkan PMKS yang berdaya tahan, mampan dan berdaya saing di peringkat global.

Kerajaan sedang mempergiatkan usaha dengan mengambil pendekatan secara menyeluruh bagi memastikan momentum pemulihan ekonomi PMKS sentiasa berterusan dan meningkatkan sumbangan ekonominya melangkaui prestasi pra-pandemik. Pakej pembiayaan di bawah Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia (SemarakNiaga) bernilai RM40 bilion untuk mengembalikan keupayaan perniagaan akan merangsang peningkatan sektor PMKS pada tahun 2022. Saya optimis bahawa melalui usaha strategik dan bersepadau oleh Kerajaan dan sektor swasta, kita akan berjaya dalam memperkasakan PMKS agar dapat mengharungi masa hadapan dengan jayanya.

Disokong dengan asas ekonomi yang kukuh, kita akan dapat mengatasi segala ujian dan cabaran dalam memulihkan ekonomi Malaysia dan muncul sebagai sebuah negara yang teguh dan berdaya tahan selain makmur, inklusif dan mampan. Berlandaskan semangat dan aspirasi Keluarga Malaysia, marilah kita mengambil peluang ini untuk bekerjasama membina semula ekonomi Malaysia dan menjadikannya sebuah negara yang lebih baik dan kukuh.



**YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob**  
Perdana Menteri Malaysia





# **Dasar, Inisiatif dan Program Pembangunan PMKS**

Bab

**1**

**Bab 1**

# Dasar, Inisiatif dan Program Pembangunan PMKS

Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) selama ini telah menunjukkan kepimpinan yang sangat baik dalam mengkaji prestasi terdahulu, sasaran sedia ada dan hala tuju masa depan untuk pembangunan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Penubuhan Majlis Pembangunan Keusahawanan Nasional pada tahun 2020 akan memacu lagi pembangunan dan pertumbuhan PMKS di samping bertindak sebagai platform komunikasi antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Ini akan mengukuhkan ekosistem keusahawanan semasa merentas semua peringkat.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021 - 2025, transformasi PMKS sebagai pemacu pertumbuhan baharu akan menjadi pemacu perubahan. Transformasi PMKS akan meningkatkan sumbangan PMKS terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan eksport, meningkatkan daya saing PMKS, meningkatkan keupayaan usahawan Bumiputera dan menangani penerapan teknologi dan digital yang berada di tahap rendah. Inisiatif akan dijalankan bagi meningkatkan akses kepada pasaran dan keupayaan PMKS dengan mengukuhkan penyertaan PMKS ke dalam ekonomi.

## MAJLIS PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN PKS KEBANGSAAN (MPUPK) DAN INISIATIF UTAMA

Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) merupakan badan tertinggi yang membuat keputusan mengenai perkara berkaitan dengan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Majlis tersebut memutuskan dasar, strategi dan pelan tindakan berkenaan dengan pembangunan usahawan dan PMKS secara menyeluruh merentasi semua sektor ekonomi. Ia juga bertindak untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta dan menyokong agenda nasional bagi membangunkan usahawan yang berdaya saing dan mampan.

Keahlian MPUPK terdiri daripada Perdana Menteri sebagai Pengerusi dan tidak lebih daripada 20 wakil peringkat tertinggi daripada sektor awam dan sektor swasta yang dilantik oleh Pengerusi. Ahli daripada sektor awam bagi Majlis terdiri daripada menteri dan wakil peringkat tertinggi daripada Kementerian dan agensi yang terlibat dalam pembangunan PMKS.

Manakala, ahli daripada sektor swasta yang menghadiri MPUPK melalui jemputan merangkumi wakil-wakil terpilih daripada persatuan perdagangan seperti Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia, Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia dan Persatuan Bank-bank dalam Malaysia serta individu yang memiliki pengetahuan, kepakaran dan pengalaman.

**Dasar dan peraturan mesra PMKS diutamakan bagi memastikan ia selaras dengan usaha Kerajaan untuk memudah cara pemulihan manakala usahawan diberi insentif untuk menerapkan teknologi dan pendigitalan yang membolehkan mereka kekal relevan dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran pada masa depan**

Kerajaan mengambil berat tentang cabaran yang dihadapi oleh PMKS yang terjejas oleh pandemik COVID-19 dan dengan itu, telah melancarkan pelbagai inisiatif untuk membantu mempercepatkan pemulihan. Dasar dan peraturan mesra PMKS diutamakan bagi memastikan ia selaras dengan usaha Kerajaan untuk memudah cara pemulihan manakala usahawan diberi insentif untuk menerapkan teknologi dan pendigitalan yang membolehkan mereka kekal relevan dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran pada masa depan.

Mesyuarat MPUPK ke-26 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri telah diadakan pada 30 April 2021. Berikut merupakan keputusan utama yang telah dibuat dalam mesyuarat tersebut:

- Mengkaji semula Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 (Akta 539).
- Menyertakan wakil dari Sabah dan Sarawak dalam Pasukan Petugas Peringkat Tertinggi (*High Level Task Force*, HLTF) untuk Pembangunan Usahawan dan PKS dan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Keusahawanan Nasional.
- MPUPK akan menjalankan fungsi baharu yang berikut:
  - Meluluskan dasar, strategi dan pelan tindakan untuk pembangunan usahawan dan PMKS secara menyeluruh merentasi semua sektor ekonomi.
  - Mengkaji semula peranan dan tanggungjawab Kementerian dan agensi Kerajaan berkenaan dengan pembangunan usahawan dan PKS secara menyeluruh merentasi semua sektor ekonomi.
  - Meningkatkan kerjasama dan penyelarasan antara agensi Kerajaan dan sektor swasta untuk pelaksanaan dasar dan pelan tindakan pembangunan usahawan dan PMKS yang lebih berkesan.
  - Meningkatkan sokongan sektor swasta dalam pembangunan usahawan dan PMKS merentasi semua sektor ekonomi.
  - Menjalankan fungsi lain apabila diperlukan.

Carta 1.1: Struktur Tadbir Urus MPUPK Baharu



## MAJLIS PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN NASIONAL (MPKN)

Majlis Pembangunan Keusahawanan Nasional (MPKN) ditubuhkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sebagai sebuah platform komunikasi antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri bagi mengukuhkan ekosistem keusahawanan pada peringkat kebangsaan dan negeri.

Keahlian MPKN terdiri daripada Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi sebagai pengurus, Ketua Setiausaha Kementerian dan ketua-ketua agensi, Menteri dan Setiausaha Tetap Kementerian yang bertanggungjawab bagi pembangunan keusahawanan bagi negeri Sabah dan Sarawak serta Kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan agensi Kerajaan berkenaan. Ahli-ahli mesyuarat yang lain adalah termasuk Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau EXCO yang bertanggungjawab dalam pembangunan keusahawanan.

MPKN menyelaras dasar dan hala tuju pembangunan keusahawanan, menentukan skop kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta menyokong langkah dan inisiatif strategik secara holistik dan bersepadu bagi mengatasi cabaran yang dihadapi oleh usahawan di pelbagai peringkat.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi mempengerusikan Mesyuarat MPKN yang pertama iaitu diadakan secara maya pada 9 Februari 2021. Salah satu agenda utama adalah perbincangan mengenai kerjasama strategik antara KUSKOP dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis untuk meningkatkan dan membangunkan usahawan dan PMKS di kedua-dua negeri itu.


KUSKOP juga mencadangkan untuk mengkaji kaedah dan inisiatif yang dapat membantu usahawan di Sabah dan Sarawak, terutamanya mereka yang berada di kawasan pedalaman untuk mempelbagaikan produk dan perkhidmatan mereka. Inisiatif untuk menyediakan infrastruktur, meningkatkan produktiviti dan memperluaskan jangkauan pasaran produk PMKS dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak juga akan diberi perhatian.

MPKN akan mengenal pasti langkah strategik dan proaktif bagi membantu usahawan yang menghadapi cabaran ketika ketidaktentuan ekonomi berikutkan pandemik. Hal ini, bersama-sama dengan pelaksanaan inisiatif keusahawanan yang diselaraskan pada peringkat Persekutuan dan Negeri selari dengan dasar dan perancangan sosioekonomi negara semasa, akan menyumbang ke arah pembangunan ekosistem keusahawanan yang lebih menyeluruh dan inklusif.

MPKN memainkan peranan utama dalam menyokong KUSKOP bagi merangka strategi pembangunan keusahawanan yang terancang dan bersepadu selaras dengan misi Kementerian untuk menyokong agenda pembangunan sosioekonomi negara dan merealisasikan aspirasi Malaysia sebagai Negara Keusahawanan yang unggul menjelang 2030.

MPKN memainkan peranan utama dalam menyokong KUSKOP bagi merangka strategi pembangunan keusahawanan yang terancang dan bersepadu selaras dengan misi kementerian untuk menyokong agenda pembangunan sosioekonomi negara dan merealisasikan aspirasi Malaysia sebagai Negara Keusahawanan yang unggul menjelang 2030


Carta 1.2: Struktur Keahlian MPKN



## Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

Pada 27 September 2021, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia telah membentangkan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi tempoh 2021 hingga 2025. RMKe-12 menetapkan hala tuju strategik untuk mencapai objektif 'Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan', yang memberi tumpuan kepada usaha untuk memberi nafas baharu kepada pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara diagihkan dengan lebih adil dan saksama, serta mengekalkan kelestarian persekitaran. Ia juga merupakan usaha Kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara yang mampan selaras dengan semangat Keluarga Malaysia, aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama dan Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan.

RMKe-12 memperkenalkan pendekatan transformatif baharu berdasarkan tiga tema, empat pemangkin dasar dan 14 pemasu perubahan. RMKe-12 bertunjangkan tiga tema utama iaitu:



Bagi menyokong tema utama ini, empat pemangkin dasar telah diperkenalkan untuk membentuk asas dan komponen penting pembangunan masa depan Malaysia. Empat pemangkin dasar tersebut ialah:



Dalam tempoh RMKe-12, ekonomi global dijangka mencapai kembali momentum pertumbuhan berikutan pemulihan daripada pandemik COVID-19. Perdagangan dunia dijangka meningkat sebanyak 5.3% setiap tahun, disokong terutamanya oleh prestasi perdagangan yang lebih baik daripada pasaran sedang pesat membangun dan ekonomi membangun. Seiring dengan pemulihan ekonomi global, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.5% dan 5.5% setiap tahun, menyebabkan PNK per kapita yang lebih tinggi iaitu RM57,882 atau USD14,842 pada tahun 2025.

PMKS terus memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi sepanjang tempoh RMKe-12 iaitu sejumlah 1.2 juta pertubuhan dikategorikan sebagai PMKS, mencakupi 97.4% daripada jumlah pertubuhan perniagaan pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu dan cabaran yang menghalang pertumbuhan PMKS ini. PMKS kekal tidak berdaya saing disebabkan oleh penerapan teknologi yang rendah, kekurangan bakat yang berkemahiran dan pengetahuan mengenai pengurusan serta menghadapi akses terhad kepada perbiayaan. Penerapan teknologi yang rendah dan kebergantungan yang tinggi terhadap pekerja tidak mahir telah melebarkan jurang produktiviti antara PMKS dan firma besar serta menjadikan PMKS tempatan kurang berdaya saing pada peringkat global. Tambahan lagi, terdapat PMKS yang kurang memahami mengenai proses dan pematuhan terhadap keperluan untuk memperoleh pembiayaan. Peraturan dan perundangan sedia ada berkaitan dengan prosedur pembiayaan perniagaan tidak menyokong pertumbuhan mampan PMKS dan keusahawanan berasaskan inovasi. Kekurangan program pembangunan keusahawanan yang menyeluruh dan bersepadan telah menghalang peluasan pasaran, inovasi dan kemampuan. Pandemik COVID-19 telah menjelaskan lagi prestasi PMKS berikutan permintaan yang lebih rendah untuk barang & perkhidmatan dan gangguan dalam rantai bekalan.

Oleh itu, langkah untuk PMKS di bawah RMKe-12 digariskan terutamanya dalam Tema 1, Pemacu Perubahan III: Mentransformasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana sebagai Pemacu Pertumbuhan Baru.

## Langkah-langkah Utama Terpilih untuk PMKS

### BAB 3: Melonjakkan Pertumbuhan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi serta PMKS

Strategi	Langkah-langkah
Strategi A1: Merangsang Industri Elektrik dan Elektronik untuk Berlalih kepada Rantaian Nilai yang Lebih Tinggi	Pelaksanaan Lighthouse Project akan dipergiatkan untuk menggalakkan syarikat multinasional membantu PMKS tempatan dalam menguasai pendigitalan dan <i>Globalisation 4.0</i> dalam model perniagaan mereka. Di samping itu, penubuhan platform perniagaan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) akan memberi peluang kepada syarikat E&E dan PMKS untuk mempercepatkan penerapan teknologi 4IR dan inovasi.
Strategi A3: Mewujudkan Industri Aeroangkasa yang Mampan	Industri aeroangkasa akan ditransformasi untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lebih kompleks. Inisiatif ini akan termasuk membangunkan ekosistem yang mampan, mewujudkan kluster dan zon aktiviti aeroangkasa, mewujudkan sistem digital aeroangkasa dan meneroka sumber tenaga yang mampan.
Strategi A4: Memaksimumkan Potensi Industri Kreatif	Langkah untuk mempercepatkan pertumbuhan industri kreatif termasuk membangunkan ekosistem yang menyeluruh, meningkatkan kemahiran bakat untuk memenuhi keperluan industri serta memperkuuh pembangunan dan promosi produk.
Strategi A5: Mencergaskan Semula Industri Pelancongan	Industri pelancongan akan dicergaskan semula untuk memenuhi keperluan pelancong susulan permintaan yang lebih tinggi terhadap langkah keselamatan dan kebersihan yang lebih baik. Ini termasuk mengembalikan keyakinan pelancong, menyediakan produk dan perkhidmatan yang lebih berkualiti, meningkatkan kemampuan produk pelancongan, memperkuuh kedudukan dan promosi jenama, menginstitusi pembaharuan tadbir urus dan mempergiat pelancongan domestik.
Strategi A6: Meningkatkan Daya Saing Industri Halal yang Inklusif	Peranan PMKS akan dipertingkat untuk menjadi pemacu utama bagi pembangunan industri halal. PMKS yang berprestasi tinggi akan dibimbing untuk menjadi jaguh halal tempatan. Ini akan melibatkan peningkatan kapasiti pengeluaran dan kualiti produk serta mempromosikan jenama tempatan supaya setanding dengan jenama global bagi menambah baik akses kepada pasaran antarabangsa.

Strategi	Langkah-langkah
Strategi A7: Mempergiat Aktiviti Pertanian Pintar	Pendekatan pertanian pintar akan dilaksanakan merentas semua subsektor dalam sektor pertanian. Ini akan dijalankan dengan membangunkan rangka kerja pertanian pintar yang komprehensif, mempercepatkan penerapan teknologi moden, menambah baik penyebaran maklumat mengenai teknologi dan pembangunan bakat, meningkatkan penyertaan penyedia teknologi dan memperkasakan komuniti setempat.
Strategi B1: Mewujudkan Usahawan yang Inovatif dan Mampan	<p><b>Mempertingkatkan Program Pembangunan Keusahawanan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Program pembangunan keusahawanan akan terus dipertingkat untuk memupuk minda yang bersesuaian kepada mereka yang berminat menjadi usahawan</li> <li>- Kemudahan inkubator akan diwujudkan di kawasan luar bandar dan kawasan kurang membangun bagi menyokong mereka yang berminat menjadi usahawan</li> <li>- Program jangkuan akan dipergiatkan bagi meningkatkan keupayaan dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan belia, Bumiputera dan kumpulan sasaran</li> <li>- Pembangunan <i>intrapreneurship</i> dalam organisasi akan diperluaskan untuk menyediakan peluang kepada pekerja untuk menjadi usahawan.</li> </ul> <p><b>Menggalakkan Usahawan Dipacu oleh Inovasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Meningkatkan bilangan usahawan yang berinovatif, termasuk belia, Bumiputera dan kumpulan sasaran khusus dalam industri strategik dan berimpak tinggi</li> <li>- Usahawan akan digalakkan untuk terus berinovasi dengan menerapkan teknologi canggih dan digital termasuk dalam operasi dan pengurusan perniagaan.</li> </ul>
Strategi B2: Menggalakkan Penyertaan Inklusif melalui PMKS, Koperasi dan Persatuan Berasaskan Pertanian	Penyertaan PMKS, koperasi dan persatuan berdasarkan pertanian dalam ekonomi akan diperkuuhkan bagi memastikan pertumbuhan yang inklusif.
	<p><b>Meningkatkan Sumbangan PMKS kepada Ekonomi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Inisiatif untuk mempercepatkan pewujudan firma yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan inovatif akan merangkumi penambahbaikan bantuan bersasar dalam automasi, pendigitalan, kecerdasan minda (<i>artificial intelligence</i>, AI) dan teknologi 4IR yang lain</li> <li>- Tumpuan akan diberikan untuk memperkuuh ekosistem syarikat pada peringkat permulaan dalam industri masa hadapan dengan mewujudkan kluster keusahawanan berdasarkan teknologi dan digital</li> <li>- Bantuan bersasar dan akses kepada pembiayaan akan ditambah baik untuk pembangunan dan penerapan teknologi baru</li> <li>- Program latihan dan pembangunan yang berkaitan dengan automasi, pendigitalan dan teknologi 4IR akan diperkuuhkan</li> <li>- Pelan hala tuju pendigitalan PMKS kebangsaan akan diperkenalkan bagi memacu penerapan pendigitalan.</li> <li>- Program Pembangunan Vendor (<i>Vendor Development Programme</i>, VDP) akan diperluaskan dalam mewujudkan lebih banyak vendor Bumiputera yang kompeten dalam kalangan PMKS.</li> </ul> <p><b>Memperluas Akses Pasaran dan Peluang Perdagangan Antarabangsa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Langkah untuk meningkatkan akses dan peluang pasaran akan diperluaskan lagi</li> <li>- Perolehan Kerajaan akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk menyokong PMKS</li> <li>- Jalinan kerjasama dengan firma besar, terutamanya syarikat multinasional akan diperkuuhkan dalam membolehkan PMKS mempunyai akses kepada pasaran yang lebih besar; syarikat multinasional digalakkan menggunakan bahan keluaran tempatan oleh PMKS</li> <li>- Peluang perniagaan kepada perniagaan (<i>business-to-business</i>, B2B) akan diperluaskan melalui inisiatif yang menggalakkan syarikat besar memperoleh bekalan secara tempatan daripada PMKS - Kempen 'Beli Barang Malaysia' akan dipergiatkan</li> <li>- Usaha juga akan dilaksanakan untuk manfaatkan faedah perjanjian perdagangan bebas (<i>free trade agreements</i>, FTAs) dalam memperluaskan akses kepada pasaran dan mempercepatkan pengantarabangsaan PMKS</li> </ul>

Strategi	Langkah-langkah																		
	<p><b>Memanfaatkan Koperasi, Persatuan Berasaskan Pertanian dan Perusahaan Sosial dalam Membangunkan Usahawan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gerakan koperasi dalam kalangan B40 dan komuniti luar bandar akan digalakkan lagi</li> <li>- Blueprint Perusahaan Sosial 2021 - 2025 akan diperkenalkan bagi memperkuuhkan lagi pembangunan perusahaan sosial</li> <li>- Program Perolehan Impak Sosial Kerajaan (PPISK) akan diperkenalkan bagi membolehkan perusahaan sosial terlibat dalam sistem e-perolehan negara</li> </ul>																		
Strategi B3: Mewujudkan Ekosistem Keusahawanan yang Kondusif dan Menyeluruh	<p><b>Menambah Baik Tadbir Urus, Peraturan dan Peranan Institusi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kit panduan mengenai tadbir urus korporat untuk PMKS akan dibangunkan bagi meningkatkan kecekapan dan prestasi perniagaan</li> <li>- Undang-undang dan peraturan yang berkaitan akan ditambah baik bagi memastikan perniagaan dan koperasi kekal aktif</li> <li>- Langkah akan terus dilaksanakan bagi menggalakkan pendaftaran perniagaan dalam sektor tidak formal</li> <li>- Pesuruhjaya akan dilantik untuk memberi sokongan kepada perniagaan kecil dalam memastikan pembayaran yang tepat pada waktunya dan akan bertindak sebagai pengantara dalam menyelesaikan pertikaian pembayaran</li> <li>- Pangkalan data berpusat akan diwujudkan untuk menyediakan maklumat yang menyeluruh mengenai aktiviti keusahawanan; MyAssist MSME, Pusat Internet Komuniti (PIK) dan Pusat Internet Desa (PID) akan diperkuuhkan lagi</li> <li>- Peranan dan fungsi organisasi pembangunan keusahawanan (<i>entrepreneurship development organisations</i>, EDO) akan diperkuuhkan dan diperkermaskan</li> </ul> <p><b>Menambah Baik Akses kepada Pembiayaan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Inisiatif pembiayaan bersama antara sektor awam dan swasta akan dipergiatkan (usaha / perusahaan yang berpotensi tinggi dan berinovasi untuk meneroka produk dan perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah tinggi)</li> <li>- Peranan Institusi Kewangan Pembangunan (<i>Development Financial Institution</i>, DFIs) akan dimantapkan</li> <li>- Akses kepada pembiayaan untuk usahawan baharu, terutamanya syarikat pada peringkat permulaan juga akan ditambah baik</li> <li>- Prosedur dan proses pembiayaan akan dipermudahkan untuk mempercepatkan kelulusan dan penyaluran pembiayaan</li> <li>- Program intervensi akan diperkenalkan untuk membantu usahawan yang gagal dan mengurangkan risiko menjadi muflis</li> </ul>																		
	<p align="center"><b>Prestasi PMKS dan Sasaran</b></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>Prestasi pada tahun 2020</th> <th>Sasaran di bawah RMKe-12</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sumbangan PMKS kepada KDNK</td> <td>38.1%</td> <td>45.0%</td> </tr> <tr> <td>Sumbangan PMKS kepada Jumlah Eksport</td> <td>13.5%</td> <td>25.0%</td> </tr> <tr> <td>Pertumbuhan Tahunan Purata Produktiviti Buruh PMKS</td> <td>1.2% (2016 - 2020)</td> <td>3.5% (2021 – 2025)</td> </tr> <tr> <td>PMKS Mendigitalkan Operasi Perniagaan</td> <td>-</td> <td>90.0%</td> </tr> <tr> <td>Sumbangan Perusahaan Bumiputera kepada KDNK</td> <td>-</td> <td>15.0%</td> </tr> </tbody> </table>		Prestasi pada tahun 2020	Sasaran di bawah RMKe-12	Sumbangan PMKS kepada KDNK	38.1%	45.0%	Sumbangan PMKS kepada Jumlah Eksport	13.5%	25.0%	Pertumbuhan Tahunan Purata Produktiviti Buruh PMKS	1.2% (2016 - 2020)	3.5% (2021 – 2025)	PMKS Mendigitalkan Operasi Perniagaan	-	90.0%	Sumbangan Perusahaan Bumiputera kepada KDNK	-	15.0%
	Prestasi pada tahun 2020	Sasaran di bawah RMKe-12																	
Sumbangan PMKS kepada KDNK	38.1%	45.0%																	
Sumbangan PMKS kepada Jumlah Eksport	13.5%	25.0%																	
Pertumbuhan Tahunan Purata Produktiviti Buruh PMKS	1.2% (2016 - 2020)	3.5% (2021 – 2025)																	
PMKS Mendigitalkan Operasi Perniagaan	-	90.0%																	
Sumbangan Perusahaan Bumiputera kepada KDNK	-	15.0%																	

	Prestasi pada tahun 2020	Sasaran di bawah RMKe-12
Sumbangan PMKS kepada KDNK	38.1%	45.0%
Sumbangan PMKS kepada Jumlah Eksport	13.5%	25.0%
Pertumbuhan Tahunan Purata Produktiviti Buruh PMKS	1.2% (2016 - 2020)	3.5% (2021 – 2025)
PMKS Mendigitalkan Operasi Perniagaan	-	90.0%
Sumbangan Perusahaan Bumiputera kepada KDNK	-	15.0%

## Artikel Khas

# Program Pembangunan PMKS pada Tahun 2021 dan 2022

Pelan Tindakan Bersepadu PKS (*SME Integrated Plan of Action, SMEIPA*) memaparkan gambaran menyeluruh mengenai program pembangunan PMKS oleh pelbagai Kementerian dan agensi setiap tahun. Ia juga meliputi pencapaian program tahun sebelumnya. Maklumat yang digariskan dalam SMEIPA akan memudah cara penyelaras dan kerjasama yang berkesan untuk memastikan sinergi yang lebih kukuh antara Kementerian dan agensi serta sektor swasta dalam menggubal dasar dan strategi untuk PMKS, pelaksanaan program pembangunan PMKS dan pemantauan hasil dan pencapaian.

### PROGRAM PADA TAHUN 2021

Pada tahun 2021, sebanyak 15 Kementerian, enam agensi tunggal dan 56 agensi terlibat dalam melaksanakan 210 program pembangunan PMKS, dengan perbelanjaan kewangan berjumlah RM11.7 bilion. Program ini telah memberi manfaat kepada 774,694 PMKS sepanjang tahun ini.

Jadual 1: Ringkasan Program pada Tahun 2021 mengikut Bidang Tumpuan

Bidang Tumpuan	Bilangan Program		Perbelanjaan Kewangan		Bilangan Benefisiari PMKS	
	Jumlah	Sumbangan (%)	RM juta	Sumbangan (%)	Jumlah	Sumbangan (%)
Akses kepada Pembiayaan	91	28.7	11,531.8	77.4	384,472	39.9
Pembangunan Modal Insan	90	28.4	2,482.9	16.7	349,588	36.3
Penerapan Inovasi & Teknologi	49	15.5	674.4	4.5	109,587	11.4
Akses kepada Pasaran	49	15.5	127.2	0.9	113,732	11.8
Infrastruktur	38	12.0	77.5	0.5	5,928	0.6

Nota: Setiap program boleh meliputi lebih daripada satu bidang tumpuan

Kebanyakan program yang dilaksanakan sepanjang tahun adalah untuk akses kepada pembiayaan yang berjumlah 91 program (28.7%) dengan perbelanjaan sebanyak RM11.5 bilion dan memberi manfaat kepada 384,472 PMKS. Sementara itu, program pembangunan modal insan telah memberi manfaat kepada 349,588 PMKS dengan peruntukan sejumlah RM2.5 bilion melalui 90 program. Program ini termasuk pembangunan keusahawanan serta meningkatkan kemahiran dan kecekapan pekerja. Sebanyak 49 program telah dijalankan bagi meningkatkan penerapan inovasi & teknologi dengan perbelanjaan sebanyak RM674.4 juta dan memberi manfaat kepada 109,587 PMKS.

## PROGRAM PADA TAHUN 2022


Dalam memastikan pemulihan dan pertumbuhan PMKS yang mampan, Kerajaan akan meneruskan usaha untuk memacu pertumbuhan PMKS yang lebih pesat dengan menyediakan sokongan melalui lima bidang tumpuan utama iaitu, akses kepada pembiayaan, pembangunan modal insan, akses kepada pasaran, penerapan inovasi & teknologi serta infrastruktur. Bagi tahun 2022, dengan jumlah peruntukan sebanyak RM14.7 bilion, Kerajaan kini melaksanakan 213 program yang dijangka memberi manfaat kepada 479,588 PMKS. Program ini akan dilaksanakan oleh 15 Kementerian, enam agensi tunggal dan 53 agensi. Akses kepada pembiayaan mempunyai majoriti program (29.5%) dan jumlah komitmen kewangan tertinggi sebanyak RM14.5 bilion. Bagi program yang lain, 26.5% daripada program adalah khusus untuk pembangunan modal insan, diikuti oleh akses kepada pasaran (17.1%), penerapan inovasi dan teknologi (13.6%) dan infrastruktur (13.3%).

Bagi tahun 2022, dengan jumlah peruntukan sebanyak RM14.7 bilion, Kerajaan kini melaksanakan 213 program yang dijangka memberi manfaat kepada 479,588 PMKS. Program ini akan dilaksanakan oleh 15 Kementerian, enam agensi tunggal dan 53 agensi

Jadual 2: Ringkasan Program pada Tahun 2022 mengikut Bidang Tumpuan

Bidang Tumpuan	Bilangan Program		Perbelanjaan Kewangan		Bilangan Benefisiari PMKS	
	Jumlah	Sumbangan (%)	RM juta	Sumbangan (%)	Jumlah	Sumbangan (%)
Akses kepada Pembiayaan	100	29.5	14,445.5	79.7	373,385	62.1
Pembangunan Modal Insan	90	26.5	2,020.1	11.2	125,970	20.9
Akses kepada Pasaran	58	17.1	1,111.5	6.1	42,839	7.1
Penerapan Inovasi & Teknologi	46	13.6	427.7	2.4	47,659	7.9
Infrastruktur	45	13.3	110.0	0.6	11,859	2.0

Nota: Setiap program boleh meliputi lebih daripada satu bidang tumpuan



## Artikel Khas

# **Malaysian SME Programme Efficiency Review oleh Bank Dunia (World Bank)**

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui SME Corp. Malaysia, telah bekerjasama dengan Bank Dunia untuk menjalankan *Malaysian SME Programme Efficiency Review* (PER) bagi menilai keberkesanan program sokongan PMKS negara. PER menilai kemampuan dan kesesuaian rangka kerja dasar untuk menyokong PMKS serta gabungan dasar dan program dalam menyokong usaha Kerajaan untuk memudah cara peningkatan pertumbuhan produktiviti yang dipacu oleh inovasi.

Dengan PMKS membentuk 97.4% daripada jumlah pertubuhan Malaysia dan menyumbang 37.4% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada tahun 2021 serta menjadi penyumbang penting kepada guna tenaga dan eksport, kajian ini penting dalam membantu pembuat dasar menyusun semula program sokongan untuk keberkesanan yang lebih tinggi dan membolehkan PMKS meningkatkan tahap prestasi dan produktiviti mereka.

Beberapa pemerhatian daripada kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:

### **Tahap Kebolehubahan yang Besar dalam Produktiviti Faktor Menyeluruh (TFP)**

Produktiviti faktor menyeluruh (*total factor productivity*, TFP) ialah ukuran penting mengenai kecekapan dan lantas merupakan petunjuk penting bagi pembuat dasar. Kajian ini menunjukkan kepelbagaiaan TFP yang ketara antara firma Malaysia yang berbeza saiz, dengan firma kecil yang secara amnya, berada ketinggalan di belakang firma yang lebih besar. Di Malaysia, firma 25.0% teratas dari segi pengagihan TFP adalah 11.6% kali lebih produktif berbanding firma 25.0% terendah. Jurang produktiviti ini adalah lebih besar berbanding di China dan negara di OECD dan rantau ASEAN dengan jurang purata kurang daripada empat kali ganda. Tahap kebolehubahan yang lebih besar dapat dijelaskan oleh tahap purata TFP firma besar dan kecil yang mempunyai pengagihan TFP yang lebih besar daripada firma bersaiz sederhana. Ini menunjukkan bahawa banyak PMKS tempatan tidak cekap berbanding dengan rakan mereka dari negara lain.

Satu lagi petunjuk tahap prestasi PMKS Malaysia adalah berkaitan perdagangan eksport iaitu firma besar mendominasi dan PMKS memainkan peranan yang lebih kecil dari segi penyepaduan ke dalam rantaian nilai global. Eksport merangkumi masing-masing sebanyak 50.0% dan 15.0% daripada keseluruhan jualan atau hasil firma pengekspor besar dan sederhana, manakala dianggarkan kurang daripada 5.0% PMKS telah mencapai eksport jualan atau hasil lebih daripada 10.0% daripada keseluruhan jualan.

**Tahap kebolehubahan yang lebih besar dapat dijelaskan oleh tahap purata TFP firma besar dan kecil yang mempunyai pengagihan TFP yang lebih besar daripada firma bersaiz sederhana. Ini menunjukkan bahawa banyak PMKS tempatan tidak cekap berbanding dengan rakan mereka dari negara lain.**

## Cabar dalam Penerapan Inovasi dan Teknologi

Walaupun krisis COVID-19 telah menyebabkan desakan terhadap penerapan inovasi dan teknologi oleh perniagaan untuk mengekalkan daya saing, PMKS Malaysia menghadapi beberapa cabaran asas dalam penerapan inovasi dan teknologi baru.

Sumbangan PMKS Malaysia yang melabur dalam penyelidikan dan pembangunan (*research & development, R&D*) adalah lebih rendah berbanding beberapa negara lain di ASEAN. PMKS tempatan juga ketinggalan dari segi penerapan teknologi digital berbanding lain-lain negara yang berpendapatan sederhana tinggi dan juga berkemungkinan kurang untuk menerapkan inovasi dan teknologi yang kompleks dalam operasi perniagaan dan amalan pengurusan mereka disebabkan oleh kekurangan keupayaan teknikal.

Dalam perubahan landskap perniagaan pesat yang disebabkan oleh kemunculan teknologi dan amalan perniagaan baharu yang inovatif, percubaan untuk menerapkan teknologi dan amalan perniagaan baharu bagi meningkatkan keupayaan adalah terhalang oleh kekurangan pekerja mahir serta kekurangan kemahiran pengurusan dan organisasi bagi meningkatkan produktiviti, merangsang inovasi dan membina daya tahan.

## Pembiayaan PMKS

Walaupun sumbangan pembiayaan oleh institusi kewangan telah meningkat dengan ketara sejak sedekad yang lalu, PMKS terus mengalamikekangan terhadap akses kepada pembiayaan, terutamanya apabila mereka tidak mampu menyediakan cagaran yang mencukupi.

Kaji selidik oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2018 mendapati bahawa PMKS terlalu bergantung kepada sumber pembiayaan tidak formal, dengan kira-kira 51.0% dibiayai sendiri dan 17.0% dibiayai oleh keluarga dan rakan-rakan manakala hanya 27.0% responden dilaporkan dibiayai oleh institusi kewangan. PMKS yang lebih muda, tanpa rekod prestasi atau cagaran yang mencukupi, sebahagian besarnya bergantung kepada pembiayaan sendiri walaupun pembiayaan luaran cenderung untuk meningkat apabila firma matang.



## CIRI-CIRI PROGRAM SOKONGAN PMKS

PER menganalisis komposisi dasar sokongan PMKS dan keusahawanan dengan objektif mengurangkan kelebihan dan meningkatkan kecekapan bagi memastikan keperluan PMKS yang paling mendesak ditangani sebaiknya.

Analisis kelebihan telah dijalankan ke atas 275 PMKS serta instrumen dan program sokongan keusahawanan yang berbeza. Program yang terlibat dalam kajian ini kebanyakannya dilaksanakan oleh agensi Kerajaan atau institusi berkaitan Kerajaan dan dilaporkan di bawah Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SME Integrated Plan of Action, SMEIPA). Instrumen seperti insentif cukai untuk PMKS atau program yang dibiayai sepenuhnya oleh inisiatif sektor swasta dikecualikan.

Beberapa penemuan penting hasil daripada kajian mengenai Program PMKS Malaysia adalah seperti berikut:

### **Kebanyakan Program Memberi Pinjaman kepada Firma dan Geran Membaiayai Bantuan Teknikal melalui Penyediaan Latihan dan Pendidikan serta Jaminan Kredit**

Jaminan kredit ialah konsep yang merujuk kepada agensi penjamin yang memberi cagaran atau menjamin urus niaga pinjaman PMKS sekiranya berlaku kegagalan membayar hutang. Di samping itu, nilai bagi program dalam kajian ini merujuk kepada jumlah perbelanjaan mengurus yang ditanggung oleh agensi bagi melaksanakan program, serta dengan penyaluran sebenar yang dibuat kepada beneficiari. Perlu diingat bahawa nilai jaminan kredit terikat dengan pinjaman atau kredit yang dikeluarkan.

### **Kebanyakan Penyaluran Tertumpu kepada Beberapa Program**

Analisis terhadap semua program yang dilaksanakan antara tahun 2016 hingga 2019 menunjukkan sebahagian besar daripada penyaluran hanya tertumpu kepada beberapa program sahaja iaitu lima yang tertinggi menyediakan pinjaman pembentukan kepada PMKS, mencakupi lebih 80.0% daripada jumlah nilai penyaluran. Pada masa yang sama, terdapat sejumlah besar program bersaiz kecil yang lazimnya mempunyai objektif yang hampir sama dan generik.

### **Pelaksanaan Program yang Tidak Tersusun**

Pelaksanaan program tidak tersusun disebabkan oleh penglibatan sejumlah besar Kementerian dan agensi. Dari tahun 2016 hingga 2019, lebih 270 program PMKS yang berbeza telah dilaksanakan oleh 80.0% daripada agensi merentasi kesemua Kementerian, lantas mewujudkan cabaran yang ketara terhadap penyelaras program.

### **Kebanyakan Program Tertumpu pada Peringkat Pertumbuhan dan Pengembangan**

Kebanyakan program PMKS dan usahawan adalah tertumpu pada peringkat pertumbuhan dan pengembangan firma sedia ada dengan lebih daripada 190 program dilaksanakan dan RM36.5 bilion disalurkan dari tahun 2016 hingga 2019. Pelbagai program pertumbuhan dan pengembangan ini adalah sangat berbeza dengan program yang tertumpu terhadap firma pada peringkat permulaan, dengan hanya 80 program dan RM5.2 bilion disalurkan bagi tempoh 2016 - 2019. Namun, di sebalik sokongan yang kukuh untuk program pertumbuhan dan pengembangan ini, hanya terdapat peningkatan yang terhad dalam

produktiviti PMKS iaitu tidak mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Pelan Induk PKS. Produktiviti pekerja PMKS di Malaysia juga jauh lebih rendah daripada negara lain. Situasi sedemikian menimbulkan persoalan tentang keberkesanan program gabungan dan sokongan yang telah disediakan.

### Kekurangan Program yang Menangani Keperluan Khusus

Hanya sebahagian kecil daripada jumlah program dan penyaluran memenuhi keperluan khusus dan kekurangan PMKS, termasuk yang berkaitan dengan R&D perniagaan, amalan pengurusan dan rantaian firma walaupun bidang sokongan ini penting untuk membolehkan PMKS meningkatkan prestasi inovasi dan produktiviti mereka. Sebahagian besar penyaluran dilihat tertumpu pada program-program yang direka untuk meningkatkan kapasiti umum PMKS melalui peruntukan kewangan bagi memperolehi aset tetap dan modal kerja. Program untuk menyokong penerapan teknologi dan inovasi bukan R&D telah meningkat dari segi sumbangan atau bahagian kepada jumlah program tetapi perkara ini tidak dilihat dalam peningkatan jumlah nilai penyaluran bagi program ini.



### MENENTUKAN SEMULA DASAR SOKONGAN AWAM UNTUK PMKS

Selama ini Kerajaan telah memperkenalkan, melaksanakan dan mengkaji semula pelbagai program dan instrumen untuk menyokong pelbagai aktiviti PMKS. Nilai program Malaysia berkadar dengan KDNK yang hampir 1.0% daripada KDNK pada tahun 2018 dan 0.6% pada tahun 2019 secara relatifnya agak tinggi berbanding dengan negara lain.

Penekanan terhadap dasar awam perlu lebih kepada pelaksanaan dasar dan program yang cekap untuk menyokong PMKS. Ketidaktentuan ekonomi semasa pandemik menimbulkan cabaran besar kepada Kerajaan dalam mengimbangi keperluan bagi memberikan bantuan segera kepada PMKS berbanding keperluan untuk memperuntukkan semula sumber dan mengkaji semula keutamaan bagi memudah cara pertumbuhan jangka panjang yang dipacu oleh produktiviti. Dalam jangka masa pendek dan sederhana, intervensi diperlukan untuk memudah cara pemulihan PMKS, manakala dalam jangka masa panjang, dasar perlu diberi tumpuan terhadap sokongan bagi berdaya tahan dan pertumbuhan jangka panjang. Dengan ruang fiskal Kerajaan yang terhad walaupun sebelum pandemik lagi, disebabkan oleh penurunan hasil dan peningkatan perbelanjaan, keperluan untuk mengkaji semula agenda sokongan Kerajaan untuk PMKS dan peralihan ke arah pemulihan pascapandemik yang dipacu oleh sektor swasta kini telah menjadi lebih mendesak.

## Artikel Khas

# Pembangunan Modal Insan PMKS

### INISIATIF KESELAMATAN SOSIAL

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) telah diperkenalkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2017. Skim ini yang menyediakan perlindungan keselamatan sosial terhadap bencana pekerjaan seperti penyakit akibat pekerjaan dan kemalangan, pada mulanya hanya terpakai kepada mereka yang menjalankan pekerjaan sendiri dalam perkhidmatan pengangkutan penumpang seperti pemandu teksi, e-panggilan dan bas. Perlindungan telah diperluaskan untuk meliputi 19 sektor lain mulai 1 Januari 2020:



Pengangkutan barang dan makanan



Pertanian



Penternakan



Perhutanan



Perikanan



Makanan



Pembuatan



Pembinaan



Penjaja



Premis penginapan



Perniagaan dalam talian



Teknologi maklumat



Pemprosesan data



Ejen



Perkhidmatan profesional



Perkhidmatan sokongan



Kesenian



Perkhidmatan isi rumah



Penjagaan perawatan dan pemulihan kesihatan



Jadual 1: Jenis Pelan Pembayaran Caruman

Pelan	Pendapatan Bulanan (RM)	Bayaran Caruman Tahunan (RM)	Bayaran Caruman Bulanan (RM)
1	1,050.00	157.20	13.10
2	1,550.00	232.80	19.40
3	2,950.00	442.80	36.90
4	3,950.00	592.80	49.40

Melalui Pelan Pemulihan Negara, Kerajaan telah tindak balas terhadap ketidaktentuan ekonomi berikutan pandemik dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif keselamatan sosial untuk memastikan PMKS dan golongan orang bekerja sendiri (OBS) dilindungi. PERKESO telah ditugaskan untuk melaksanakan inisiatif ini. PERKESO telah bekerjasama dengan KUSKOP, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Persatuan Pengguna Islam Malaysia dan pelbagai pihak lain dalam melaksanakan inisiatif tersebut, empat daripadanya ialah Program PenjanaGig, SPS Lindung, SPS Prihatin Wanita dan Program Subsidi Upah.

### i. Program PenjanaGig

Program PenjanaGig merupakan pakej bantuan Kerajaan untuk menyediakan keselamatan sosial dan kebajikan kepada orang bekerja sendiri dalam aktiviti pekerjaan ekonomi gig. Pekerja gig yang berdaftar diberi perlindungan percuma selama setahun di bawah Pelan 2 SKSPS. Selepas itu, sumbangan tahunan sebanyak RM232.80 akan disubsidiakan sebanyak 70.0% oleh Kerajaan dengan bakinya disumbangkan sama ada oleh pekerja gig sendiri atau platform penyedia perkhidmatan mereka.

### ii. SPS Lindung

SPS Lindung atau Skim Bencana Pekerjaan merupakan komponen SKSPS yang diperkenalkan di bawah pakej bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI). Skim ini, khususnya untuk orang bekerja sendiri iaitu melakukan aktiviti penghantaran barang atau makanan (*delivery riders*), adalah penambahbaikan daripada Program PenjanaGig, tidak seperti sebelumnya, Kerajaan akan menyumbang penuh kepada perlindungan penghantar ini. *Delivery riders* ditakrifkan sebagai mereka yang bekerja sendiri dan melakukan aktiviti penghantaran barang atau makanan dengan menggunakan motosikal, basikal atau berjalan kaki. Perlindungan selama setahun disediakan dengan sumbangan sebanyak RM232.80 di bawah Pelan 2 SKSPS. Permohonan untuk menyertai skim ini boleh dibuat terus kepada PERKESO oleh orang bekerja sendiri atau melalui platform penyedia perkhidmatan mereka.

### iii. SPS Prihatin Wanita

Program SPS Prihatin Wanita yang diperkenalkan di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) menyediakan perlindungan keselamatan sosial untuk semua wanita yang bekerja sendiri dalam sektor tidak formal. Program ini juga merupakan salah satu komponen SKSPS. Pelan sumbangan yang ditetapkan untuk Program ini ialah seperti di bawah Pelan 2 SKSPS, berjumlah sebanyak RM232.80 setahun. Bantuan oleh Kerajaan adalah berbentuk subsidi sebanyak 70.0% daripada caruman tahunan, dengan baki dibayar oleh orang bekerja sendiri.

### iv. Program Subsidi Upah

Program Subsidi Upah (PSU) merupakan bantuan kewangan oleh Kerajaan yang diperkenalkan pada 1 April 2020 untuk membantu majikan mengekalkan tenaga kerja mereka. Sebanyak RM25.71 bilion telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk PSU 1.0 sehingga PSU 4.0. Firma termasuk PMKS dengan pekerja yang memperoleh gaji RM4,000 dan ke bawah adalah layak untuk Program ini. Data statistik daripada PERKESO menunjukkan bahawa PSU 1.0 sehingga PSU 4.0 adalah penting dalam mengekang pengangguran secara besar-besaran pada tahun 2020 dan 2021, dengan 791,379 majikan dan 7.82 juta pekerja telah mendapat manfaat daripada Program ini. Hasilnya adalah terdapat tanda-tanda mengenai impak PSU bahawa majikan yang menghadapi cabaran kewangan dapat meneruskan operasi tanpa perlu memberhentikan pekerja semasa kejatuhan permintaan sertakekangan sosial dan ekonomi.

## PROGRAM LATIHAN UNTUK PMKS

Program Pembangunan PKS merupakan salah satu inisiatif di bawah PENJANA HRD Corp yang dilaksanakan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) bagi membina kemahiran dan meningkatkan pengetahuan tenaga kerja PMKS. Objektif inisiatif tersebut adalah:

- Menggalakkan majikan PMKS menjalankan latihan secara berterusan dan sistematik kepada pekerja mereka untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka;
- Melahirkan lebih ramai pekerja mahir untuk memenuhi keperluan pelbagai sektor ekonomi serta meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam industri bagi meningkatkan daya saing di pasaran antarabangsa;

- Mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor PMKS serta meningkatkan tahap pendapatan pekerja PMKS seiring dengan aspirasi Kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja berpendapatan tinggi sebelum 2030; dan
- Membangunkan keupayaan PMKS untuk meningkatkan produktiviti syarikat dan daya saing bagi menembusi pasaran ekspor serta pengembangan perniagaan pada peringkat antarabangsa.

Sehingga Disember 2021, inisiatif ini telah melatih seramai 9,814 pekerja dengan jumlah peruntukan sebanyak RM50 juta.

## PROGRAM USAHAWAN BELIA

Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) yang pertama kali dicetuskan pada Mac 2014 di Kongres Usahawan Muda Bumiputera, merupakan inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan belia mencebur入 bidang perniagaan. Program ini menyokong dasar pembangunan belia Kerajaan iaitu keusahawanan merupakan salah satu bidang tumpuan utama. Program ini juga direka bagi merangsang keusahawanan dalam kalangan belia, khususnya Bumiputera berumur antara 18 dan 30 tahun yang berminat mencebur入 bidang perniagaan dan mempunyai sijil kemahiran asas daripada institusi latihan tempatan atau pusat kemahiran serta menjadi anjakan paradigma dalam kalangan belia untuk menjadi penyedia pekerjaan dan bukannya sebagai pencari kerja. Program ini turut melibatkan golongan orang kurang upaya (OKU), asnaf dan orang asli.

Sejak mula dilaksanakan pada tahun 2014 dan sehingga tahun 2020, tujuh program TUBE telah dijalankan di seluruh negara, dengan terhasilnya 5,643 usahawan belia daripada 6,268 peserta. Pada tahun 2021, program TUBE 8.0 telah dijalankan bersama TUBE@IPT, lanjutan daripada program asal oleh SME Corp. Malaysia untuk menggalakkan graduan menerima bidang keusahawanan dan memilih perniagaan sebagai pilihan kerjaya mereka.

TUBE@IPT terbuka kepada pelajar universiti di semester akhir dan juga untuk graduan universiti awam yang memenuhi kriteria pemilihan seperti ditetapkan oleh lapan universiti yang mengambil bahagian iaitu terdiri daripada Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Malaysia Sarawak dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Kandungan program adalah seperti berikut:



Pendidikan dalam bidang keusahawanan dan latihan kemahiran keusahawanan, termasuk pengurusan, kewangan, perakaunan asas, perkhidmatan dan pemasaran produk serta pembangunan idea dan pembentangan pelan perniagaan.



Sistem *Buddy* merujuk kepada peserta yang dibimbing dan dipantau oleh kaunselor perniagaan dari SME Corp. Malaysia selama 12 bulan, iaitu pada akhir program peserta dianggap mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk mengurus perniagaan yang ingin diceburi dengan berkesan.



Tertakluk kepada keputusan pembentangan oleh Panel Penilai, peserta akan layak dipertimbangkan mendapat geran maksimum sehingga RM15,000.

Seramai 514 peserta TUBE 8.0 dan TUBE@IPT berjaya menamatkan latihan, iaitu 500 daripadanya berjaya mendapatkan geran untuk memulakan perniagaan mereka. Peserta yang telah menerima geran di bawah program TUBE boleh juga memohon bantuan tambahan daripada agensi Kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad dan TEKUN Nasional yang menawarkan bantuan untuk mengembangkan perniagaan. Program seperti TUBE@IPT telah terbukti bermanfaat bukan sahaja dalam memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan graduan tetapi juga dalam mengurangkan isu pengangguran siswazah, terutamanya sewaktu ketidaktentuan ekonomi ekoran pandemik COVID-19.





# Agenda PMKS pada Peringkat Global & Serantau dan Pengantarabangsaan

Bab  
**2**



## Bab 2

# Agenda PMKS pada peringkat Global & Serantau dan Pengantarabangsaan

Pengantarabangsaan telah menjadi semakin penting terhadap daya saing untuk semua saiz perusahaan. Dalam persekitaran hari ini, PMKS yang bermula dengan strategi global boleh bergerak dengan pantas bagi memanfaatkan aktiviti rentas sempadan yang menyediakan peluang bukan sahaja untuk pertumbuhan pendapatan malah bagi pertukaran pengetahuan dan peningkatan keupayaan, sekali gus mengukuhkan daya saing jangka panjang firma. Ini mewujudkan peluang untuk PMKS menerap limpahan teknologi dan pengetahuan pengurusan, meluaskan dan mendalami kemahiran mereka, berinovasi, berkembang maju dan meningkatkan produktiviti. Pendedahan antarabangsa, sama ada melalui import, eksport atau pelaburan langsung asing (*foreign direct investment, FDI*), lazimnya seiring dengan produktiviti yang lebih tinggi dan boleh menjadi pemacu penting pertumbuhan guna tenaga.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan melalui platform antarabangsa bagi menambahbaik persekitaran perniagaan, mengurangkan halangan perdagangan serta menurunkan kos eksport dan mengukuhkan lagi PMKS di persada antarabangsa. Malah, PMKS boleh mengambil peluang yang besar dalam rantau ini dengan memanfaatkan Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement, FTA*) sedia ada serta kumpulan serantau seperti Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (*Asia-Pacific Economic Cooperation, APEC*) dan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (*Association of Southeast Asian Nations, ASEAN*). Ini akan menjadi antara pemacu utama dalam intervensi dasar yang menyokong pengantarabangsaan PMKS.

## INISIATIF PENGANTARABANGSAAN APEC

Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) adalah forum ekonomi serantau yang bertujuan untuk membina komuniti Asia-Pasifik yang dinamik dan harmoni dengan memperjuangkan perdagangan dan pelaburan bebas dan terbuka; mempromosi dan mempercepatkan integrasi ekonomi serantau; menggalakkan kerjasama ekonomi dan teknikal; dan memudah cara persekitaran perniagaan yang menggalakkan dan mampan dalam kalangan 21 anggota ekonomi.

Pada tahun 2021, semua anggota ekonomi terus melaksanakan program di bawah lima bidang utama Pelan Strategik Kumpulan Kerja Perusahaan Kecil dan Sederhana (*Small and Medium Enterprises Working Group, SMEWG*) APEC 2021 - 2024, iaitu:



Dalam Mesyuarat Peringkat Menteri PKS APEC ke-26 yang telah diadakan secara maya di Wellington, New Zealand, pada 9 Oktober 2021, perkara utama dalam kenyataan menteri ialah mengenai usaha memacu pemulihan PKS daripada kesan pandemik COVID-19. Kenyataan tersebut merangkumi dua subtopik:

- Menyokong PKS melalui pandemik COVID-19; dan
- Menggalakkan pembangunan inklusif PKS yang mampan, berdaya tahan dan inovatif.

Bagi menyokong aktiviti dalam dua bidang tumpuan, APEC menjalankan pelbagai program dan memperkenalkan inisiatif yang memberi penekanan kepada ekonomi digital, etika perniagaan, akses pasaran dan pengantarabangsaan seperti berikut:

- Bengkel untuk PKS di APEC: Memperkasa Revolusi Perindustrian 4.0 dalam Meningkatkan Prestasi Ekonomi PKS Berorientasikan Eksport
- Bengkel APEC mengenai Transformasi Perniagaan dalam Era Digital
- Majlis Penasihat Perniagaan APEC (APEC Business Advisory Council, ABAC): Dialog Awam-Swasta mengenai Pembukaan Semula Sempadan untuk Perjalanan yang Selamat dan Lancar, anjuran bersama ABAC Singapura dan ABAC Hong Kong, China
- Bengkel APEC mengenai Masyarakat Digital Inklusif: Mengurangkan Kemiskinan dan Meningkatkan Taraf Hidup melalui Peningkatan Pertumbuhan Ekonomi
- Bengkel APEC mengenai Pelan Kelangsungan Perniagaan dengan Pengurusan Krisis untuk PKS / PMKS
- Dialog Perniagaan Kastam APEC 2021 Secara Maya dengan tema Membolehkan Penyertaan Lebih Besar dan Inklusif Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana dalam Perdagangan Global
- Simposium dan Bengkel APEC mengenai Pelan Hala Tuju Teknologi untuk Menggalakkan Industri 4.0 dalam Membangunkan Ekonomi APEC
- Jemputan ke Forum PMKS Global APEC 2021
- Bengkel APEC mengenai Peluang dan Cabaran PKS Runcit dalam Internet dan Ekonomi Digital
- Strategi Pengurusan Risiko Bencana APEC untuk Menyokong Kemampuan Perniagaan PMKS
- Forum dan Bengkel Ekosistem Inovasi Merentas Domain APEC

- Bengkel APEC mengenai Penggunaan Teknologi Digital dalam Bidang Fasilitasi Perdagangan Semasa Pandemik COVID-19 dan Selanjutnya dengan Tema Memperkasa PMKS untuk Menyertai Perdagangan Rentas Sempadan
- Bengkel APEC mengenai Memangkin Pertumbuhan Ekosistem Firma Permulaan yang Inklusif dan Mampu
- APEC SCSC: Persidangan APEC mengenai Pembungkusan dan Pelabelan Makanan Prapembungkusan
- Bengkel Dalam Talian APEC mengenai Pelan Tindakan Individu (*Individual Action Plan, IAP*) untuk Peningkatan Nisbah bagi Perwakilan Wanita dalam Kepimpinan
- Bengkel Pembelajaran mengenai Pengalaman Kecerdasan Buatan oleh Ekonomi APEC

Inisiatif utama yang sedang dijalankan di bawah SMEWG termasuk perkongsian amalan terbaik secara berterusan dalam kalangan anggota ekonomi pada mesyuarat SMEWG. Amalan terbaik berikut telah dikongsi semasa Mesyuarat APEC SMEWG ke-51 di Kanada dari 18 - 19 Mei 2021:

- Australia: Belanjawan yang diterajui PKS Australia untuk Membantu Memacu Pemulihian Ekonomi
- Kanada: Spektrum Sokongan Kanada untuk Usahawan, Perusahaan Kecil dan Sederhana & Pengantarabangsaan PKS & Pembiayaan bagi PKS
- Indonesia: Memupuk Ekosistem Negara bagi Keusahawanan dan Menyokong Pemulihian PKS dalam Meningkatkan Prestasi Ekonomi PKS Berorientasikan Eksport
- Jepun: Membina Perisyntiharhan Perkongsian antara Syarikat Besar dan PMKS di Jepun
- Singapura: Merebut Peluang terhadap Dunia Selepas COVID melalui Inovasi
- Hong Kong, China: Sokongan Hong Kong, China terhadap PKS untuk Memperoleh Peluang Perniagaan Global di bawah Normal Baharu Pascapandemik
- Malaysia: Memperkasakan Wanita melalui Akses kepada Modal dan Pasaran
- Chinese Taipei: Mengukuhkan Ketahanan Digital PKS
- Vietnam: Program Menyokong Transformasi Digital Perusahaan bagi Tempoh 2021 - 2025
- Thailand: Penstrukturkan Semula Hutang melalui Aset Penggudungan dengan Pilihan Beli Balik sebagai Sebahagian daripada Langkah Pemulihian Kewangan oleh Thailand
- Macao, China: Langkah Sokongan untuk PKS sebagai Tindak Balas terhadap COVID-19
- Chinese Taipei: Bagaimanakah Firma pada Peringkat Permulaan Memasuki Pasaran Kerajaan?

APEC turut mengeluarkan laporan berikut mengenai hasil bengkel yang merupakan sebahagian daripada Minggu Pengantarabangsaan PKS APEC:

- Perkongsian Perniagaan yang Semakin Berkembang APEC-Canada oleh Justin Kwan, Pengurus Program, Yayasan Asia Pasifik Kanada (Asia-Pacific Foundation of Canada, APFC)
- PKS Milikan Wanita yang Mengeksport: Mengatasi Halangan dan Berjaya pada Peringkat Antarabangsa oleh Jacqueline Palladini, Timbalan Pengarah, Hal Ehwal Global Kanada
- Etika Perniagaan bagi Inisiatif PKS APEC oleh Russell Williams, Naib Presiden Kanan, Diabetes Kanada
- Pemulihan dan Pengantarabangsaan PKS: Menghubungkan Kajian dengan Dasar oleh Eugene Boileau, Profesor, Universiti Calgary
- Pelaksanaan Pelan Hala Tuju La Serena untuk Wanita dan Pertumbuhan Inklusif (2019 - 2030)
- Melangkah ke Hadapan bagi Pelan Strategik 2021 - 24: Projek Pengesahan dan Pemantauan.

Mesyuarat APEC SMEWG ke-52 mengenai perkongsian amalan terbaik telah diadakan dari 23 - 24 September 2021 di New Zealand merangkumi perkara berikut:

- Hong Kong, China: Memupuk Persekutaran yang Kondusif untuk Firma pada Peringkat Permulaan Berasaskan Teknologi di Hong Kong, China
- Jepun: Langkah-langkah oleh Jepun untuk Mempromosikan Perniagaan pada Peringkat Permulaan
- New Zealand: Inisiatif Peningkatan Digital oleh New Zealand
- Singapura: Meningkatkan Keupayaan Digital PKS untuk Memperoleh Pertumbuhan Dalam Persekutaran Pandemik COVID-19
- Chinese Taipei: Pencapaian dan Prospek Ekosistem Inovasi Merentas Domain
- Macao, China: Memupuk Pendigitalan PKS - Pelan Faedah Penggunaan Elektronik
- Indonesia: Mempromosikan Akses PKS kepada Pembiayaan
- Korea: Pembiayaan Neutral Karbon: Dana Sokongan Sifar Karbon (Net-Zero) dan Program Baucar Inovasi Pengurusan Neutral Karbon 2021
- Thailand: Platform Pemfaktoran Digital untuk PKS

## INISIATIF PENGANTARABANGSAAN ASEAN


Berdasarkan Kaji Selidik Sentimen Perniagaan ASEAN 2020, PMKS mendominasi landskap perniagaan di ASEAN, menyumbang secara purata sebanyak 97.2% daripada jumlah perusahaan negara. Sumbangan PMKS kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di negara-negara ASEAN berpurata pada 41.1% dengan kadar pertumbuhan terkompaun sebanyak 2.3%.

PMKS adalah pencipta pekerjaan yang penting di ASEAN, menyumbang lebih 65.0% daripada jumlah pekerjaan di rantau ini sepanjang tahun 2010 hingga 2019. Kebanyakan pekerja PMKS berada dalam segmen borong dan runcit. Vietnam mencatatkan peningkatan tertinggi dalam guna tenaga PMKS berdasarkan kadar pertumbuhan tahunan terkompaun sebanyak 6.4%.

### Penyampaian Utama oleh Jawatankuasa Penyelaras ASEAN bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (ACCMSME)

SME Corp. Malaysia telah mengambil peranan dengan menyokong Jawatankuasa Penyelaras ASEAN bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (ASEAN Coordinating Committee on Micro, Small and Medium Enterprises, ACCMSME). Mesyuarat ACCMSME diadakan dua kali setahun mengikut giliran antara negara anggota ASEAN. Pada tahun 2021, Republik Demokratik Rakyat Lao menganjurkan mesyuarat ACCMSME ke-11 secara maya dari 5 - 9 April 2021 manakala mesyuarat ke-12 diadakan di Brunei dari 1 - 5 November 2021.

Penyampaian Utama ACCMSME untuk tahun 2021 adalah:



## Membolehkan Keupayaan Digital PKS Malaysia melalui Krisis COVID-19

Pada 15 Julai 2021, SME Corp. Malaysia bersama Majlis Perniagaan AS-ASEAN telah menganjurkan webinar mengenai Mendorong Keupayaan Digital PKS Malaysia melalui Krisis COVID-19. Topik yang dibincangkan di dalam webinar ini menekankan inisiatif dan bantuan yang ditawarkan kepada PMKS oleh pelbagai pihak berkepentingan seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia, VISA dan Facebook.

Lebih 200 peserta yang terdiri daripada pemilik perniagaan dan eksekutif PMKS Malaysia menghadiri program maya ini. Naib Presiden Kanan dan Pengarah Urusan Serantau Majlis Perniagaan AS-ASEAN, Michael W. Michalak menyampaikan ucapan alu-aluan dan program dirasmikan oleh Dato' Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi selaku Pengerusi ACCMSME 2021.

Sesi pertama webinar iaitu mengenai Program Pensosialan Malaysia untuk PMKS menampilkan wakil daripada SME Corp. Malaysia yang membuat pembentangan tentang portal MyAssist MSME dan MatchMe serta Akademi PKS ASEAN, platform pembelajaran dalam talian untuk perniagaan kecil di ASEAN.



## PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS (FREE TRADE AGREEMENT)

### Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership, CPTPP)

Jawatankuasa Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) bagi Kerjasama dan Pembinaan Kapasiti serta Jawatankuasa Pembangunan telah diadakan secara maya pada 6 dan 7 Julai 2021. Delegasi daripada ahli CPTPP yang mengambil bahagian adalah Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura dan Vietnam. Jawatankuasa ini telah dipengerusikan oleh wakil daripada Kementerian Luar Negeri, Jepun.

### Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (Regional Comprehensive Economic Partnership, RCEP)

Malaysia akan menjadi negara ke-12 menandatangan perjanjian, menyertai 11 negara lain iaitu Singapura, China, Jepun, Brunei, Kembuja, Laos, Thailand, Vietnam, Australia, New Zealand dan Korea Selatan yang telah melengkapkan proses ratifikasi.

Malaysia merupakan penandatangan kepada Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), perjanjian perdagangan antara 10 anggota ASEAN, China, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand. RCEP, inisiatif didorong oleh ASEAN, menandakan penggabungan perjanjian perdagangan bebas (free trade agreements, FTAs) sedia ada antara ASEAN dan negara kerjasama. Objektif utama RCEP adalah untuk mewujudkan kerjasama ekonomi yang moden, komprehensif, berkualiti tinggi dan menguntungkan kedua-dua belah pihak bagi memudah cara pengembangan perdagangan dan pelaburan serantau serta menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi global.

Bagi Bab PKS, bidang kerjasama merangkumi untuk menggalakkan inovasi dan penggunaan teknologi, menggalakkan kesedaran, pemahaman dan penggunaan berkesan sistem harta intelek, mempromosikan amalan pengawalseliaan baik dan membina kapasiti serta berkongsi amalan terbaik dalam meningkatkan keupayaan dan daya saing PKS.

Faedah RCEP kepada PKS meliputi:

-  65.0% pengurangan tarif untuk perdagangan barang
-  Perniagaan boleh menjalankan perdagangan dengan peraturan yang lebih jelas
-  Memudah cara penciptaan pekerjaan dan pelaburan baru
-  Mendapatkan akses kepada pasaran dan sumber bagi bahan mentah dan buruh
-  Memudah cara kerjasama teknikal canggih melalui pendigitalan dan pembuatan pintar
-  Membolehkan penyertaan yang lebih besar dalam rantaian bekalan global dan serantau
-  Memastikan ketelusan yang lebih baik dan disiplin yang lebih kukuh mengenai langkah bukan tarif
-  Prosedur kastam yang dipermudahkan dan kemudahan perdagangan dipertingkatkan

Bagi mewujudkan kesedaran kepada PKS dan perniagaan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Ministry of International Trade and Industry, MITI) bekerjasama dengan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (Federation of Malaysian Manufacturers, FMM) dalam menjalankan webinar mengenai Memacu Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP): Memahami Bab RCEP mengenai Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) dan Kerjasama Ekonomi & Teknikal (*Economic & Technical Cooperation, ECOTECH*) pada 26 Mac 2021 melalui platform maya, ZOOM. SME Corp. Malaysia mengambil bahagian dalam webinar ini untuk mendapat pemahaman yang lebih baik mengenai pelbagai bab dalam perjanjian RCEP bagi perniagaan memanfaatkan RCEP sebaik sahaja ia mendapat ratifikasi. Seramai lebih 80 orang peserta yang terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Besar, Pengurus Eksport dan Import, Pengurus Pembangunan Perniagaan dan Eksekutif telah mengambil bahagian dalam webinar ini.

### **Webinar mengenai Pasaran yang Mempunyai Harapan bagi PKS di Malaysia dan Georgia**

SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Kedutaan Georgia, telah berjaya menganjurkan 'Webinar PKS: Pasaran yang Mempunyai Harapan bagi PKS di Malaysia dan Georgia' pada 21 Jun 2021 secara maya. Webinar ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Timbalan Menteri Luar Negeri, Georgia.

Seramai lebih daripada 100 orang peserta dari Malaysia dan Georgia yang terdiri daripada PMKS, usahawan, pegawai Kerajaan, persatuan perniagaan, dewan perniagaan dan pihak berkepentingan industri mengambil bahagian dalam webinar ini. Penganjuran webinar ini merupakan sebahagian daripada bidang kerjasama dalam Memorandum Persefahaman antara SME Corp. Malaysia dan Enterprise Georgia bagi membolehkan pertukaran maklumat berkaitan pembangunan PMKS dan untuk memberi pemahaman kepada PMKS dan usahawan mengenai peluang pasaran dan pelaburan yang tersedia di kedua-dua buah negara.

Webinar ini dijalankan melalui sesi perkongsian interaktif dengan penglibatan penceramah daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (*Malaysian Investment Development Authority, MIDA*), Enterprise Georgia, Dewan Perniagaan & Industri Georgia dan SME Corp. Malaysia.

## Artikel Khas

32

# Dialog Dasar APEC mengenai Rangka Kerja PKS dan Keusahawanan: Let's be Coherent and Cohesive

Malaysia, melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan SME Corp. Malaysia, menganjurkan Dialog Dasar APEC mengenai Rangka Kerja PKS dan Keusahawanan: Let's be Coherent and Cohesive secara maya dari 7 - 9 September 2021.

Seramai 197 orang wakil daripada 15 ekonomi APEC iaitu Brunei Darussalam, Kanada, China, Indonesia, Jepun, Republik Korea, Malaysia, Mexico, Peru, Filipina, Singapura, Chinese Taipei, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam telah menyertai program tersebut. Para peserta terdiri daripada penceramah, moderator dan wakil-wakil yang merupakan pihak berkepentingan utama daripada sektor awam dan swasta serta ahli akademik.

### Objektif Dialog

Membangunkan dasar PKS dan keusahawanan yang inklusif dan komprehensif untuk diterima pakai oleh ekonomi APEC

Menyelaraskan peranan dasar dan program pembangunan usahawan untuk menyokong agenda ekonomi APEC

Mewujudkan ekosistem PKS dan keusahawanan yang kondusif dan bersepadu dalam kalangan ekonomi APEC



### Program Dialog

Dialog bersama wakil sektor awam dan swasta yang berkongsi amalan terbaik bagi membangunkan dasar PKS dan keusahawanan yang komprehensif

Enam sesi berkumpulan untuk bidang tumpuan: penerapan inovasi dan teknologi, pembangunan modal insan, akses kepada pembiayaan, akses pasaran, persekitaran perundangan & pengawalseliaan dan infrastruktur

Perbincangan meja bulat untuk membuat pertimbangan dan memberi cadangan dasar mengenai enam bidang tumpuan sebagai asas bagi rangka kerja dasar keusahawanan APEC

Sebanyak 27 cadangan dasar telah dirumuskan di bawah enam bidang tumpuan iaitu Penerapan Inovasi dan Teknologi, Pembangunan Modal Insan, Akses kepada Pembiayaan, Akses Pasaran, Persekitaran Perundangan & Pengawalseliaan dan Infrastruktur yang telah dikenal pasti sebagai penggerak untuk mempercepatkan pertumbuhan PKS.

Cadangan dasar tersebut dihasilkan berdasarkan tiga bidang yang perlu diguna pakai oleh PKS untuk memacu normal baharu, khususnya kemampunan, pendigitalan & inovasi serta keterangkuman. Cadangan dasar ini disahkan oleh APEC SMEWG pada 24 September 2021.

## PENEMUAN PENTING

Enam penemuan penting mengenai cadangan tersebut ialah:

**1**

Penekanan yang kukuh telah diberikan terhadap cadangan yang memperkasakan PKS melalui pendigitalan merentas enam teras, seperti keperluan ekonomi APEC untuk membangunkan pelan hala tuju negara masing-masing mengenai strategi pendigitalan PKS di samping memudah cara penerapan pendigitalan bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan.

**2**

Cadangan menubuhkan sebuah badan institusi khusus bagi menerajui pembiayaan hijau selaras dengan menggalakkan Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance, ESG*) dalam kalangan PKS. Di samping itu, cadangan pusat sokongan bersepada untuk pinjaman kewangan khas sementara bagi PKS memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi meningkatkan pemulihian PKS pascapandemik. Ini harus dilengkapi dengan mempergiatkan usaha mewujudkan kesedaran dalam kalangan PKS mengenai ekosistem pembiayaan semasa, termasuk teknologi kewangan.

**3**

Mengakui isu kesihatan mental dalam kalangan pekerja PMKS sebagai isu yang kritikal susulan pandemik, cadangan untuk membuat satu dasar bagi menyediakan bantuan bagi menangani kesihatan mental dan menyokong alat dan sistem maklum balas yang berkesan adalah tepat pada masanya.

**4**

Menggalakkan penyertaan PKS dalam rantaian nilai global telah menjadi agenda jangka panjang. Cadangan penubuhan konsortium PKS boleh membantu PKS menangani isu skala ekonomi.

**5**

Pegawai Kerajaan dalam ekonomi APEC perlu bekerjasama, termasuk kerjasama dengan sektor swasta, untuk memastikan isu pengawalseliaan yang umum dipertimbangkan keperluannya bagi meringankan beban kawal selia PKS.

**6**

Infrastruktur moden dan cekap dengan kesalinghubungan yang lebih baik diperlukan untuk memacu peluang pertumbuhan bagi PKS.

## Artikel Khas

# Program Pembangunan bagi Pengeksport

### PROGRAM TINDAKAN NILAI KELESTARIAN BAGI PENGEKSPORT

Program Nilai Tindakan Kelestarian untuk Pengeksport (*Sustainability Action Values for Exporters, SAVE*) adalah usaha sama antara Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan CIMB Group untuk membina kepercayaan bersama serta bekerjasama dalam menyediakan bengkel dan latihan untuk PKS terpilih. Memorandum Persefahaman mengenai Program SAVE telah ditandatangani pada 4 Februari 2020. Kandungan program disampaikan melalui rakan kongsi kelestarian yang dilantik oleh CIMB iaitu IMPACTO Sdn Bhd.



#### Objektif Program

Membantu PKS memahami kelestarian dalam konteks pasaran global dan perniagaan kecil, faedah, kos dan langkah tindakan

Membantu PKS menyusun strategi dan melaksanakan pelan kelestarian

Meningkatkan keupayaan pengeksport tempatan dalam isu ekonomi, persekitaran dan sosial (economic, environmental and social, EES)

#### Hasil Program

Sebanyak lapan webinar telah dijalankan sepanjang tahun 2020 - 2021 yang disertai oleh 196 peserta

### PROGRAM PEMBANGUNAN PENGEKSPORT BUMIPUTERA, WANITA DAN BELIA

Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera, Wanita dan Belia (*Bumiputera, Women & Youth Exporters Development Programme, BWYEDP*) merupakan program inklusif oleh MATRADE yang dimulakan pada tahun 2004 sebagai program jangkauan eksport untuk membangunkan pengeksport Bumiputera. Pada tahun 2005, program ini telah diperluaskan bagi merangkumi usahawan wanita manakala syarikat milikan belia diliputi dalam program pada tahun 2014.

#### Objektif Program

Memupuk syarikat Bumiputera, milikan wanita dan milikan belia yang baru hendak mengeksport dan bersedia mengeksport untuk meneroka pasaran antarabangsa serta mewujudkan kumpulan pengeksport yang berdaya saing dan berdaya tahan dalam kalangan mereka

BWYEDP menawarkan bantuan dan program sokongan bagi tempoh tiga tahun kepada syarikat terpilih daripada tiga segmen. BWYEDP adalah program yang meliputi latihan eksport yang disesuaikan dengan keperluan syarikat iaitu merangkumi latihan pembinaan kapasiti, pendedahan kepada pasaran dan perniagaan antarabangsa, rangkaian, bimbingan serta pembangunan kepimpinan dan keusahawanan. Ini dilakukan untuk meningkatkan daya saing dan kemampuan perniagaan bagi pengembangan pasaran luar negara.

**KRITERIA KELAYAKAN**

- ✓ **Berdaftar**  
di bawah Akta Syarikat 2016 sebagai Syarikat Sendirian Berhad (Sdn Bhd)
- ✓ **51.0% Pemilikan**
- ✓ **Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Urusan**
- ✓ **3 Tahun**  
dalam pasaran domestik & bersedia untuk mengeksport
- ✓ **Berdaftar**  
sebagai Ahli MATRADE & melengkapkan Alat Penilaian Kesediaan Eksport (*Export Readiness Assessment Tools*, ERAT)

### Hasil Program

- Sejak penubuhannya pada tahun 2004, BWYEDP telah meluluskan sebanyak 430 penyertaan syarikat Bumiputera, Wanita dan Belia ke dalam program.
- Sehingga Januari 2022, sebanyak 342 syarikat telah tamat menjalani program dengan 88 syarikat yang masih menjalani program.

Perkara	Bumiputera	Wanita	Belia (20 - 40 tahun)	Jumlah
Bilangan Syarikat	216	163	51	430
Bilangan Syarikat Tamat Menjalani Program	182	130	30	342
Bilangan Syarikat yang Masih Menjalani Program	34	33	21	88

## PROGRAM eTRADE 2.0

Program eTRADE direka untuk memudah cara PKS Malaysia mempercepatkan eksport mereka dengan menyenaraikan produk dan perkhidmatan dalam platform e-dagang antarabangsa. Program ini telah bermula pada Oktober 2014 dengan kerjasama MDEC dan mulai tahun 2017 dan seterusnya dikendalikan oleh MATRADE di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Program eTRADE 2.0 adalah kesinambungan daripada Program eTRADE sebelum ini yang dilaksanakan oleh MATRADE.

### Objektif Program

Membantu PMKS Malaysia untuk mempercepatkan eksport mereka melalui penyertaan dalam platform e-dagang rentas sempadan

Meningkatkan kehadiran mereka dalam talian melalui pemasaran digital dan aktiviti latihan e-dagang

Di bawah Program eTRADE 2.0, terdapat dua skim kewangan untuk dimanfaatkan oleh PMKS Malaysia, iaitu Skim Onboarding dan Skim Pemasaran & Latihan Digital (*Digital Marketing & Training, DMT*). Melalui Skim Onboarding, syarikat boleh menikmati sehingga RM5,000 bagi menampung sebahagian daripada kos *onboarding* untuk menyertai platform e-dagang rentas sempadan. Melalui Skim DMT, syarikat boleh menggunakan sehingga RM20,000 untuk menjalankan aktiviti pemasaran digital dan program latihan bagi tujuan eksport.

Melalui risikan pasaran, MATRADE menyedari bahawa pengimport daripada rakan dagangan utama Malaysia semakin menggunakan e-dagang untuk aktiviti perniagaan mereka. Oleh itu, MATRADE mengambil langkah untuk menambah baik dan meningkatkan program e-dagang untuk membantu pengeksport Malaysia, selaras dengan trend global.

Pada tahun 2021, sebanyak 39 aktiviti kesedaran dan jangkauan telah dijalankan, kebanyakannya melalui webinar, yang terdiri daripada sesi taklimat dan Hari Konsultasi eTRADE. Sebanyak 2,100 syarikat dan 6,664 peserta telah menyertai program ini.

## Artikel Khas



# Program Rantaian Global PKS (*Glocal Linkages SME Programme, GLOSMEP*)

SME Corp. Malaysia memperkenalkan Program Rantaian Global PKS (GLOSMEP) pada tahun 2021 sebagai platform bersepadu bagi PMKS dan rakan kongsi perniagaan yang berpotensi untuk memulakan perbincangan dan mewujudkan rangkaian bagi akses kepada rantaian nilai domestik dan global.

### Objektif Program

Mendedahkan PMKS kepada peluang pasaran di dalam dan luar negara

Menyediakan platform untuk mewujudkan rangkaian perniagaan antara PMKS dan syarikat besar di dalam dan luar negara

Meningkatkan peluang rantaian bekalan produk dan perkhidmatan PMKS kepada syarikat besar di dalam dan luar negara

### Pelbagai Aktiviti di bawah GLOSMEP

Perkongsian maklumat mengenai peluang pasaran di pasaran tempatan dan antarabangsa melalui seminar atau webinar

Pembangunan rangkaian secara maya dan platform padanan perniagaan untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan PMKS kepada syarikat besar

Penganjuran aktiviti rangkaian dan padanan perniagaan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan PMKS sebagai sebahagian daripada rantaian bekalan syarikat besar

Platform MatchMe yang diperkenalkan pada Jun 2021 merupakan salah satu komponen utama GLOSMEP untuk memudahkan cara akses PMKS kepada pasaran dengan menyediakan rangkaian ke pasaran antarabangsa yang berpotensi melalui jaringan maya dan padanan perniagaan. Platform ini mempunyai tiga ciri utama:

- 1**  Mempamerkan produk atau perkhidmatan kepada pasaran tempatan dan antarabangsa
- 2**  Menyediakan akses pangkalan data yang aktif kepada rakan kongsi perniagaan yang berpotensi pada peringkat tempatan dan global
- 3**  Menjalankan rangkaian bersemuka dan mesyuarat perniagaan

Sebagai sebuah platform maya yang boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja, MatchMe menerapkan pendekatan paling kos efektif berbanding mesyuarat konvensional bagi aktiviti padanan perniagaan.

Sejak pembangunannya, platform ini telah menjadi hos kepada 740 PMKS, 93 syarikat multinasional (*multinational corporations*, MNCs) dan syarikat besar dari Malaysia dan luar negara dalam sesi padanan perniagaan secara maya dan menjana jualan dengan nilai potensi sebanyak RM38 juta. Hasil ini dicapai melalui mesyuarat jarak jauh, mempamerkan kuasa pendigitalan dalam membantu perniagaan mengatasi cabaran berikut pandemik.

SME Corp. Malaysia juga bekerjasama dengan penghubung pasaran untuk memanfaatkan tinjauan dan rangkaian dalam bidang perniagaan tertentu dan lokasi geografi bagi membantu PMKS mendapatkan akses yang lebih luas kepada pasaran yang lebih baik.

Enam webinar telah diadakan pada tahun 2021 untuk mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi mengenai peluang akses kepada pasaran dalam kalangan PMKS, termasuk panduan perniagaan bagi pasaran domestik tertentu seperti pasar raya besar, rantai pasar raya di stesen minyak dan pasaran antarabangsa seperti Amerika Syarikat, Perancis dan China.



SME Corp. Malaysia juga bekerjasama dengan penghubung pasaran untuk memanfaatkan tinjauan dan rangkaian dalam bidang perniagaan tertentu dan lokasi geografi bagi membantu PMKS mendapatkan akses yang lebih luas kepada pasaran yang lebih baik



Pada bulan Ogos 2021, webinar mengenai *Riding the Wave of RCEP into China* telah diadakan bagi berkongsi pandangan mengenai peluang untuk PMKS apabila RCEP berkuat kuasa untuk Malaysia pada 18 Mac 2022. RCEP, perjanjian perdagangan bebas terbesar di dunia, mempunyai 15 negara sebagai penandatangan dan meliputi gabungan 2.2 bilion atau 29.5% daripada penduduk dunia. Berlatarbelakangkan ini, SME Corp. Malaysia akan terus memudah cara akses PMKS Malaysia kepada pasaran melalui mengukuhkan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan daripada kedua-dua sektor awam dan swasta serta badan bukan kerajaan yang bertujuan untuk mencapai tahap sinergi yang optimum bagi situasi sama menang untuk semua, terutamanya bagi memanfaatkan PMKS di Malaysia.





# Ekosistem Pembiayaan untuk PMKS

Bab 3



## Bab 3

# Ekosistem Pembiayaan untuk PMKS

Sistem kewangan di Malaysia hari ini adalah hasil daripada usaha berterusan dan pembaharuan selama beberapa dekad, yang mana teras telah dibina dan meletakkan sektor kewangan Malaysia di landasan yang lebih kukuh, bukan sahaja untuk mengharungi kejutan pandemik dan bencana alam baru-baru ini, tetapi menjadi sumber kekuatan bagi mengurangkan impak ekonomi seperti yang ditumpukan dalam Pelan Sektor Kewangan 2022 - 2026. Salah satu inisiatif utama di bawah Pelan ini adalah penambahbaikan ekosistem pembiayaan untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Selain pembiayaan daripada bank, sumber pembiayaan alternatif dan instrumen kewangan adalah kunci untuk menyokong pertumbuhan firma dan menggalakkan kestabilan kewangan jangka panjang. Strategi yang menyeluruh diperlukan untuk membangunkan instrumen pembiayaan yang lebih luas bagi memenuhi keperluan pembiayaan PMKS yang pelbagai dengan lebih baik merentas kitaran hayat perniagaan.

## PINJAMAN PMKS OLEH INSTITUSI KEWANGAN

Institusi kewangan mempunyai jumlah pinjaman terkumpul PMKS yang tinggi sejak sedekad yang lalu, mencerminkan sokongan yang kukuh terhadap PMKS. Pinjaman terkumpul PMKS telah meningkat lebih dua kali ganda daripada RM141 bilion pada tahun 2010 kepada RM305 bilion pada tahun 2020 dan RM320 bilion pada tahun 2021. Sumbangan pinjaman PMKS daripada pinjaman perniagaan telah meningkat daripada 38.0% pada tahun 2010 kepada 45.0% pada tahun 2021, menunjukkan kepentingan PMKS sebagai pemain utama ekonomi oleh institusi kewangan.

Pada tahun 2021, jumlah penyaluran dan kelulusan pembiayaan untuk menyokong bantuan dan pemulihan PMKS melebihi tahun 2020 serta sebelum berlakunya pandemik. Bank terus mencakupi sebahagian besar penyaluran pembiayaan kepada PMKS melalui 98.0% daripada penyaluran pinjaman kepada PMKS pada tahun 2021 diperolehi daripada dana dalaman bank sendiri, dengan Dana Bank Negara Malaysia (BNM) untuk PMKS berfungsi sebagai dana tambahan.

Bank dan Institusi Kewangan Pembangunan telah meluluskan lebih daripada RM72 bilion pembiayaan kepada kira-kira 134,000 akaun PMKS pada tahun 2021 berbanding dengan jumlah prapandemik iaitu RM67 bilion kepada 146,000 akaun pada tahun 2020 dan RM71 bilion kepada 121,000 akaun dalam tempoh 2017 - 2019. Pada tahun 2021, bank telah menyalurkan pembiayaan sebanyak RM312 bilion kepada PMKS, melebihi RM257 bilion pada tahun 2020 dan RM300 bilion dalam tempoh prapandemik pada 2017 - 2019. Penyaluran, terutamanya untuk tujuan modal kerja, telah meningkat secara mendadak pada tahun 2021 apabila keperluan mudah tunai muncul seiring dengan perniagaan memasuki fasa pemulihan ekonomi negara. Oleh itu, kadar kelulusan juga telah bertambah baik, dengan hampir tiga daripada empat permohonan pembiayaan PMKS mendapat kelulusan pada tahun tersebut.



Pada tahun 2021, bank telah menyalurkan pembiayaan sebanyak RM312 bilion kepada PMKS, melebihi RM257 bilion pada tahun 2020 dan RM300 bilion dalam tempoh prapandemik pada 2017 - 2019

## MERAPATKAN JURANG DALAM PEMBIAYAAN PMKS

Institusi Kewangan Pembangunan (*Development Finance Institutions*, DFIs) didorong oleh sokongan berterusan daripada Kerajaan dan kawal selia yang fleksibel, terus memainkan peranan kitaran balas (*counter-cyclical*) dalam merapatkan jurang pembiayaan, terutamanya bagi perniagaan yang terjejas oleh pandemik. Lebih 25,000 PMKS mendapat manfaat daripada pembiayaan baharu yang berjumlah RM4.5 bilion daripada DFIs pada tahun 2021. Ini mencakupi kira-kira satu perlima daripada jumlah akaun pembiayaan PMKS yang diluluskan oleh institusi kewangan, lebih besar berbanding tahap prapandemik sebanyak 13.0% (2019). Pembiayaan merangkumi segmen seperti perusahaan mikro, firma pada peringkat permulaan, peminjam kali pertama dan sektor pelancongan yang sedang menghadapi cabaran lebih besar untuk mendapat akses kepada pembiayaan daripada bank komersial.

Kelulusan oleh DFIs sebahagian besarnya merangkumi penggunaan skim pembiayaan khas yang dibangunkan untuk menyokong pemulihan PMKS berdaya maju yang terjejas akibat pandemik, iaitu, Kemudahan Bantuan Khas di bawah Dana BNM untuk PMKS, skim Kerajaan dan program pinjaman khas oleh DFIs dengan ciri-ciri penyesuaian seperti bayaran balik sehingga satu tahun, jumlah ansuran yang lebih rendah serta pada kadar yang berpatutan.

## PERKHIDMATAN PEMBIAYAAN UNTUK MEMUDAH CARA PEMULIHAN PMKS

Ekosistem pembiayaan untuk PMKS diperkuuhkan dengan ketara sejak beberapa tahun dahulu dan terus dipertingkatkan semasa pandemik. Kewujudan ekosistem yang kukuh dan berkesan memain peranan penting dalam menyediakan sokongan kewangan kritikal kepada PMKS yang terjejas bagi memudah cara pemulihan PMKS pada masa yang tidak menentu ini. Antara kemudahan yang disediakan untuk menyokong pembiayaan PMKS ialah imSME, MyKNP dan AKPK.

### imSME

Salah satu langkah inovatif bagi memudah cara pembiayaan PMKS ialah pembangunan platform imSME oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC). Akronim "*I am mSME*", mewakili perusahaan mikro, kecil dan sederhana. imSME adalah platform pembiayaan dan rujukan pinjaman PMKS dalam talian yang pertama di Malaysia disokong oleh BNM dan bank yang terlibat. Platform ini bertindak sebagai portal rujukan pembiayaan sehenti dalam talian yang membolehkan PMKS memohon pembiayaan daripada pelbagai pemberi pinjaman serta memadankan pemohon dengan kemudahan atau pemberi pinjaman yang paling sesuai. imSME membolehkan akses kepada maklumat dengan pantas dan masa nyata mengenai pembiayaan dan pilihan pinjaman, sekali gus mengurangkan kos carian dan masa. Sejak bermulanya pada tahun 2018, platform pembiayaan atau platform rujukan pinjaman dalam talian ini telah merekodkan lebih 2.2 juta pelawat dengan 4,700 akaun diluluskan bernilai sebanyak RM488 juta.



### Khidmat Nasihat Pembiayaan (MyKNP)

MyKNP ialah khidmat nasihat pembiayaan yang diwujudkan oleh BNM dengan kerjasama CGC dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). MyKNP, yang diuruskan oleh CGC berperanan sebagai penasihat perkhidmatan kewangan kepada PMKS yang tidak berjaya mendapatkan pembiayaan perniagaan daripada bank. Platform ini membantu meningkatkan profil kelayakan pemohon serta menyediakan maklumat mengenai pembiayaan alternatif. Kira-kira 42,000 PMKS telah menerima bantuan melalui MyKNP pada tahun 2021.

### Agenzi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

AKPK merupakan agensi utama untuk membantu PMKS memperoleh lebih banyak akses dengan mudah terhadap perkhidmatan penyusunan semula hutang dan pendidikan kewangan. Pada September 2020, fungsi Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (*Small Debt Resolution Scheme*, SDRS) telah dipindahkan kepada AKPK untuk membolehkan platform tersebut memanfaatkan perkhidmatan dalam talian dan penglibatan menyeluruh seluruh negara yang kukuh melalui 12 cawangannya untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih berkesan kepada PMKS serta mengembangkan kapasiti SDRS dalam memudah cara penyelesaian hutang. Sejak bermulanya pada tahun 2003, SDRS telah mencapai hampir 100.0% kadar kejayaan dalam membantu lebih daripada 1,400 PMKS untuk menstruktur semula dan menjadualkan semula hutang mereka yang berjumlah RM2.3 bilion pada akhir Disember 2021. AKPK juga menyediakan Meja Bantuan khusus untuk PMKS pada November 2020 sebagai saluran alternatif bagi khidmat nasihat dan penyerahan permohonan bantuan bayaran balik. Meja bantuan secara maya ini tersedia dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam dari Isnin hingga Sabtu dan menyediakan bantuan kepada hampir 900 PMKS pada tahun 2021.

Carta 3.1: Ekosistem Sokongan Menyeluruh untuk Membantu Pemulihan PMKS



## MENYOKONG PMKS SELAIN PERKHIDMATAN KEWANGAN

Selain pemberian pinjaman, industri kewangan juga menyokong PMKS dengan menyediakan khidmat nasihat melalui unit perniagaan khas dalam bidang seperti pembinaan kapasiti.

Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Usahawan (*Centre for Entrepreneur Development and Research*, CEDAR), anak syarikat milik penuh SME Bank memberi tumpuan terhadap program pembangunan usahawan termasuk latihan, bimbingan, pementoran dan perkongsian pengetahuan dan maklumat seperti kertas penyelidikan, tinjauan sektor dan panduan perniagaan. Sekatan pergerakan semasa pandemik menyebabkan CEDAR membangunkan modul e-pembelajaran dan menjalankan program latihan dan pembinaan kapasiti dalam talian, sekaligus meningkatkan penyertaan PMKS dalam program ini. Pada tahun 2020, terdapat peningkatan ketara dalam bilangan peserta kepada 13,600 berbanding 2,300 pada tahun 2019.

Pusat Kecemerlangan Agrobank bekerjasama dengan agensi Kerajaan dan kumpulan industri bagi menjalankan program pembangunan, klinik perniagaan dan pementoran untuk usahawan dalam sektor pertanian dan industri makanan agro manakala Bank Rakyat telah menubuhkan beberapa Pusat Perniagaan PKS dan Koperasi (SME & Cooperatives Business Centre, SMEC) yang dikhaskan untuk pembangunan keusahawanan. SMEC ialah pusat sehenti yang menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan pembiayaan yang menyeluruh untuk PMKS dan koperasi bagi meningkatkan perniagaan mereka. Pada akhir Disember 2021 sebanyak 10 SMEC telah beroperasi di seluruh negara.

DFIs juga telah memulakan aktiviti tanggungjawab korporat bagi membantu segmen rentan seperti kumpulan berpendapatan rendah dan asnaf untuk meningkatkan pendapatan mereka melalui keusahawanan. Pada April 2021, Bank Rakyat melancarkan program RAKYATpreneur 2.0 untuk memupuk lebih 200 orang usahawan asnaf di seluruh negara. Inisiatif yang serupa turut diperkenalkan oleh SME Bank di bawah Program Keusahawanan Asnaf 2.0 atau ISHRAF 2.0 bagi menyokong usahawan asnaf mikro dan kecil dalam mengembangkan dan mengekalkan perniagaan mereka menerusi penerapan teknologi digital.

Bank juga telah meningkatkan penawaran penyelesaian kewangan digital untuk membantu perniagaan membuat peralihan dalam normal baharu, termasuk pembiayaan digital, menggalakkan pelanggan kepada e-pembayaran, membangunkan pasaran dalam talian dan menyediakan alatan perniagaan digital seperti sistem sumber manusia dan alat perakaunan.

Antara perkhidmatan sokongan PMKS yang disediakan oleh pelbagai bank ialah:

#### **CIMB SME Partners**

CIMB melalui panel rakan kongsinya, menawarkan harga eksklusif kepada pelanggan untuk menggunakan pakai perkhidmatan digital berkaitan logistik, e-dagang, pemasaran digital dan penyelesaian kesalinghubungan.

#### **iStart@HLB**

Hong Leong Bank membantu PMKS dengan melengkapkan perkhidmatan perbankan menerusi penyelesaian perniagaan digital seperti perakaunan, e-dagang dan logistik secara dalam talian.

#### **Pembiayaan Digital PKS Maybank**

Maybank menawarkan *Straight-Through-Financing* (proses automatik sepenuhnya untuk mempercepatkan transaksi kewangan) yang membolehkan pelanggan yang layak menerima kelulusan dan penyaluran dalam masa kurang daripada lima minit. Proses kelulusan kredit menggunakan pakai analitik lanjutan dan modul pembelajaran mesin berdasarkan kad skor kelulusan kredit sedia ada serta ciri-ciri lain seperti profil pelanggan, deposit, jenis kemudahan, sejarah kredit, transaksi perniagaan dan jenis perniagaan.

#### **Sama-Sama Lokal Maybank**

Maybank menawarkan PMKS tempatan untuk beralih perniagaan mereka kepada dalam talian tanpa mengenakan komisen bagi membolehkan perniagaan menerima 100.0% pendapatan melalui platform M2U. Platform ini menyediakan pendidikan dan latihan kepada peniaga, termasuk untuk penempatan produk, komunikasi dan pemasaran digital.

#### **Public Bank Enterprise Digital SME Assist**

Public Bank, dengan kerjasama rakan kongsi digital PMKS menyediakan pelanggan PMKS dengan alat perniagaan seperti sistem HR, alat perakaunan dan penyelesaian e-dagang untuk mengembangkan perniagaan mereka.

#### **Jom Transform UOB Bank**

UOB menawarkan pendedahan atau pemadanan dengan penyelesaian perniagaan digital kepada PMKS yang mengambil bahagian serta menyediakan latihan dan bengkel mengenai set kemahiran digital.

Bank juga telah meningkatkan penawaran penyelesaian kewangan digital untuk membantu perniagaan membuat peralihan dalam normal baharu, termasuk pembiayaan digital, menggalakkan pelanggan kepada e-pembayaran, membangunkan pasaran dalam talian dan menyediakan alatan perniagaan digital seperti sistem sumber manusia dan alat perakaunan





## BANTUAN UNTUK PMKS OLEH CREDIT GUARANTEE CORPORATION (CGC)

Skim jaminan kredit yang disediakan telah membantu memberi motivasi kepada institusi kewangan untuk meneruskan pemberian pinjaman ketika ketidaktentuan ekonomi apabila bank lebih cenderung mengelak risiko dan menunggu status sebenar prestasi pinjaman PMKS yang masih dalam bantuan pembayaran balik.

CGC terus menyediakan skim jaminan kepada PMKS dalam sektor perkhidmatan melalui dana BNM iaitu Kemudahan Bantuan dan Pemuliharan Bersasar (*Targeted Relief and Recovery Facility*, TRRF) yang menawarkan tempoh pembiayaan sehingga tujuh tahun dengan moratorium secara ansuran bulanan sekurang-kurangnya selama enam bulan.

Kemudahan Bantuan Bencana (*Disaster Relief Facility*, DRF) 2021 ialah kemudahan pembiayaan yang dibangunkan oleh BNM bagi meringankan beban kewangan PMKS yang terjejas akibat banjir dan membolehkan mereka meneruskan operasi perniagaan mereka. Selain daripada TRRF dan DRF, Kemudahan Teknologi Tinggi - Aspirasi Pelaburan Negara (*High Tech Facility - National Investment Aspirations*, HTF-NIA) diperkenalkan untuk menyokong PMKS berteknologi tinggi dan didorong inovasi yang terjejas akibat COVID-19 bagi memulihkan dan menggiatkan semula kapasiti inovasi negara. Kadar pembiayaan sehingga 5.0% setahun ditawarkan untuk pembiayaan termasuk yuran jaminan.

Melalui skim jaminan CGC, program ini telah memanfaatkan lebih 9,000 PMKS, menyediakan akses kepada pembiayaan bernilai hampir RM3 bilion pada tahun 2021. CGC menyediakan kelonggaran moratorium kepada PMKS, yang merupakan langkah pelepasan sementara yang membolehkan pelanggan menangguhkan bayaran balik pinjaman mereka. CGC terus menyokong dan memberi jaminan kepada pelanggan pembiayaan langsung untuk membolehkan perniagaan mereka kekal beroperasi ketika tempoh yang mencabar melalui program Bantuan Bayaran Balik Secara Bersasar (*Targeted Repayment Assistance*, TRA). Pada akhir tahun 2021, lebih daripada 50.0% pelanggan pembiayaan langsung CGC dan lebih 24,000 pelanggan jaminan telah diberikan bantuan di bawah program ini.

Sebagai tambahan, CGC secara proaktif telah menjangkau pelanggan yang memerlukan Penjadualan Semula & Penyusunan Semula (*Rescheduling & Restructuring*, R&R) bagi pinjaman mereka untuk menyokong PMKS dalam persekitaran yang mencabar ini. R&R terbuka kepada PMKS dengan pinjaman CGC sedia ada di bawah skim BizMula-i, Bizwanita-i, Penebusan & Penukar, Skim Risiko Penuh seperti BizSME dan Tabung Projek Usahawan Bumiputera (TPUB-i). Antara skim baharu yang diperkenalkan oleh CGC bagi memastikan PMKS mengekalkan perniagaan mereka termasuk yang berikut:

### **BizMikro-i**

Skim BizMikro-i menyediakan pilihan lain bagi usahawan mikro untuk mendapatkan pembiayaan dengan menggunakan penilaian psikometrik sebagai alat penilaian kredit alternatif. Skim ini bertujuan untuk menyediakan pembiayaan kepada PMKS yang tidak berpeluang (*unserved*) dan kurang mendapat peluang perkhidmatan kewangan (*underserved*) dengan membawa mereka ke dalam ekosistem kewangan formal. Usahawan mikro selalunya tidak mempunyai rekod prestasi dan cagaran untuk mengakses pembiayaan daripada institusi kewangan. Penilaian kredit alternatif diperlukan untuk menilai PMKS di dalam segmen ini.

### **BizBina-i**

BizBina-i ialah skim pembiayaan langsung yang disediakan untuk semua pelanggan CGC sedia ada yang operasi perniagaannya terjejas akibat banjir. Skim ini meringankan beban kewangan dan membantu PMKS untuk meneruskan operasi perniagaan mereka berikutan bencana alam dengan kadar pengurangan keuntungan sebanyak 1.5% setahun dan tempoh lanjutan kepada lima tahun dengan moratorium selama enam bulan. Skim ini bertujuan bagi membolehkan lebih banyak PMKS untuk terus kekal bertahan dan meneruskan perniagaan mereka.

## PEMBIAYAAN ALTERNATIF

Walaupun pembiayaan alternatif kepada hutang tradisional adalah amat penting bagi PMKS pada peringkat permulaan, berpertumbuhan tinggi dan inovatif, pembangunan teknik pembiayaan alternatif mungkin lebih relevan terhadap populasi PMKS yang lebih luas. Jurang modal juga wujud bagi firma yang ingin melaksanakan peralihan penting dalam aktiviti perniagaan mereka seperti perubahan pemilikan dan kuasa, serta bagi PMKS yang ingin memanfaatkan dan menambah baik struktur modal mereka. Kebergantungan kepada pembiayaan hutang berbanding ekuiti akan mempunyai kos lebih tinggi, kerana pinjaman dari firma yang sudah mempunyai jumlah hutang yang besar cenderung mempunyai kadar faedah yang lebih tinggi dan meningkatkan risiko masalah kewangan dan kebankrapan. Oleh itu, keputusan Kerajaan untuk memperuntukkan lebih banyak dana ke dalam pembiayaan alternatif akan menyokong keperluan PMKS yang kurang mendapat liputan dari institusi kewangan tradisional dan membuka peluang kepada perniagaan yang telah terjejas akibat COVID-19.

Oleh itu, Suruhanjaya Sekuriti telah berusaha untuk mengukuhkan saluran pembiayaan alternatif untuk memenuhi keperluan pembiayaan PMKS seperti Modal Teroka (*Venture Capital, VC*), Pendanaan Ramai berasaskan Ekuiti (*Equity Crowdfunding, ECF*) dan Pembiayaan antara Rakan Setara (*Peer-to-Peer, P2P*). Sepanjang 2021, pasaran modal Malaysia kekal berdaya tahan dan teratur dalam keadaan persekitaran global dan domestik yang mencabar. Jumlah dana yang dikumpul dalam pasaran modal kekal teguh, meningkat kepada RM130.9 bilion pada tahun 2021 (2020: RM114.6 bilion), melebihi purata lima tahun prapandemik sebanyak RM121.4 bilion, iaitu RM16.6 bilion dikumpul melalui pasaran ekuiti, manakala RM114.3 bilion dikumpul melalui pasaran bon korporat. Sementara itu, saluran pembiayaan alternatif melalui pembiayaan ECF dan P2P terus meningkat terutamanya dalam menyokong keperluan pembiayaan PMKS. Pertumbuhan pembiayaan alternatif meningkat sebanyak 149.2% pada tahun 2021 iaitu sebanyak RM2.4 bilion dikumpul (RM1.4 bilion daripada pembiayaan ECF / P2P dan RM1.1 bilion daripada modal teroka / ekuiti persendirian).

### Modal Teroka (*Venture Capital, VC*) dan Ekuiti Swasta (*Private Equity, PE*)

Sehingga 31 Disember 2021, jumlah syarikat yang berdaftar adalah sebanyak 124 (rujuk Jadual: 3.1). Segmen VC terdiri sebanyak 105 syarikat berdaftar (syarikat pengurusan modal teroka dan syarikat modal teroka), manakala segmen PE terdiri daripada 19 syarikat berdaftar (syarikat pengurusan ekuiti swasta atau dan syarikat ekuiti swasta).

Jadual 3.1: Statistik Peserta Industri

Sumber Dana	31 Disember 2020	31 Disember 2021
Bilangan Syarikat Berdaftar	127	124
Bilangan Syarikat Pengurusan Modal Teroka dan Syarikat Modal Teroka Berdaftar	106	105
Bilangan Syarikat Pengurusan Ekuiti Swasta dan Syarikat Ekuiti Swasta Berdaftar	21	19
Bilangan Profesional VC dan PE*	175	344

\* Profesional dengan lebih daripada empat tahun pengalaman

Sumber: Laporan Tahunan 2021, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Jumlah dana komited dalam industri pada tahun 2021 bagi VC dan PE masing-masing sebanyak RM5.2 bilion dan RM9.6 bilion (rujuk Jadual 3.2), dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM14.8 bilion. Bagi VC, agensi Kerajaan dan syarikat pelaburan (45.0%), dana kekayaan negara (27.9%) dan pelabur korporat (19.7%) membentuk tiga sumber pembiayaan teratas (rujuk Carta 3.2). Bagi PE, sebahagian besar sumber komitmen adalah daripada pelabur korporat (28.6%), pelabur individu & perniagaan keluarga (19.1%) dan institusi kewangan (11.9%) (rujuk Carta 3.3). Dari segi peringkat perniagaan, pelaburan VC pada tahun 2021 bertumpu

pada peringkat pembangunan awal (51.3%), diikuti peringkat permulaan (20.5%) dan peluang peringkat pertumbuhan (17.9%). Tiga syarikat berdaftar teratas mengikut jumlah komitmen pelaburan pada akhir tahun 2021 adalah Creator, Xeraya Capital dan MAVCAP.

Jadual 3.2: Statistik Utama Industri (RM juta)

Perkara	2021		2020	
	Ekuiti Swasta	Modal Teroka	Ekuiti Swasta	Modal Teroka
Jumlah dana komited di bawah pengurusan [1]	9,648.42	5,183.50	7,385.73	4,314.34
Jumlah modal dikeluarkan [2]	6,884.29	3,870.73	5,874.77	3,187.31
Anggaran modal tersedia untuk pelaburan [3]=[1]-[2]	3,495.88	1,312.77	1,510.96	1,127.03
Jumlah syarikat pelaburan	41	211	31	311


Nota: Statistik dilaporkan pada angka laporan kendiri oleh VC / firma PE berdaftar

Sumber: Laporan Tahunan 2021, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Carta 3.2: Sumber Dana untuk Modal Teroka (2021: RM5.2 bilion)



Carta 3.3: Sumber Dana untuk Ekuiti Swasta (2021: RM9.6 bilion)




Nota: Agensi Kerajaan dan syarikat pelaburan: Termasuk syarikat pelaburan kementerian (cth. Menteri Kewangan (Diperbadankan)), agensi Kerajaan, badan berkanun dan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan yang ditubuhkan untuk tujuan menguruskan pelaburan dana awam (cth. PNB, Ekuinas).

Sumber: Laporan Tahunan 2021, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Dari segi industri sasaran, perubatan dan bioteknologi (63.6%) mempunyai sumbangan pelaburan VC yang tertinggi pada tahun 2021, diikuti oleh maklumat dan komunikasi (25.9%) dan perkhidmatan kewangan (4.3%). Bagi PE, kebanyakkan pelaburan disalurkan kepada dagangan borong dan runcit (35.0%) pada tahun 2021, diikuti oleh perkhidmatan penginapan dan makanan (32.2%) dan perkhidmatan kewangan (8.2%) (rujuk Carta 3.4).

Carta 3.4: Pelaburan dalam 5 Industri Sasaran Teratas



Sumber: Laporan Tahunan 2021, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

### Pendanaan Ramai Berasaskan Ekuiti (Equity Crowdfunding, ECF)

Jumlah dana yang dikumpulkan melalui ECF sejak penubuhannya telah mencecah RM420.9 juta. Pada tahun 2021, jumlah dana yang dikumpulkan meningkat kepada RM221.6 juta daripada RM127.7 juta pada tahun 2020. Sebanyak 104 penerbit telah berjaya mengumpul dana melalui 104 kempen pada tahun 2021 (rujuk Jadual 3.3). Bilangan penerbit meningkat sebanyak 33.0% pada tahun 2021 daripada tahun 2020.


Jadual 3.3: Penerbit dan Kempen

Perkara	2020	2021
Bilangan Penerbit	78	104
Bilangan Kempen	80	104

Sumber: Laporan Tahunan 2021, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Saiz kempen pada tahun 2021 masih kekal sebagai amaun pengumpulan dana yang lebih besar, dengan 86.0% daripada kempen berjaya mengumpul melebihi RM500,000. Subsektor aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal menerima dana paling besar pada tahun 2021 sebanyak RM60.3 juta (rujuk Carta 3.5).

Carta 3.5: Lima Aktiviti Ekonomi Teratas Mengikut Dana Dikumpul Keseluruhan



Sumber: Laporan Tahunan 2021, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Sebagai sebahagian daripada evolusi berterusan pasaran ECF, beberapa inisiatif telah diperkenalkan pada tahun 2021 untuk memenuhi keperluan perniagaan yang lebih luas dan mendorong pertumbuhan pasaran:

- Had pengumpulan dana tunggal seumur hidup di platform ECF dinaikkan kepada RM20 juta daripada RM10 juta sebelum ini bagi memudah cara syarikat pada peringkat pemulaan dan PMKS memperoleh pembiayaan peringkat awal secara fleksibel dan kompetitif;
- Senarai penerbit ECF yang layak telah ditambah dengan memasukkan syarikat awam tidak tersenarai; dan
- Kelulusan dana mikro pertama diberikan kepada pengendali ECF untuk meluaskan penawaran produk di platform ECF. Dana mikro ialah kaedah biasa yang digunakan oleh pemodal teroka / pelabur pemangkin untuk melabur dalam syarikat pada peringkat permulaan atau peringkat pertumbuhan.



## Pembiayaan antara Rakan Setara (P2P)


Sejak mula dilaksanakan, jumlah dana yang dikumpulkan melalui pembiayaan P2P telah mencecah RM2.3 bilion. Pada tahun 2021, jumlah dana dikumpulkan adalah sebanyak RM1.14 bilion, iaitu lebih dua kali ganda jumlah dana yang dikumpulkan pada tahun 2020 melalui pelaksanaan 14,301 kempen yang berjaya. Sebanyak 1,988 penerbit telah mendapat manfaat daripada kempen ini (rujuk Jadual 3.4). Saiz kempen pada tahun 2021 masih kekal dengan jumlah pengumpulan dana yang lebih kecil, dengan 70.0% daripada kempen mengumpul sebanyak RM50,000 dan ke bawah. Dari segi aktiviti ekonomi, subsektor Perdagangan Borong dan Runcit; Pembinaan Kenderaan Bermotor dan Motosikal kekal sebagai sektor terbesar pada tahun 2021 dengan RM514.4 juta (rujuk Carta 3.6).

Jadual 3.4: Penerbit dan Kempen

Perkara	2020	2021
Bilangan Penerbit	1,338	1,988
Bilangan Kempen	7,932	14,301

Sumber: Laporan Tahunan 2021, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Carta 3.6: Lima Aktiviti Ekonomi Teratas mengikut Dana Dikumpul Keseluruhan



Sumber: Laporan Tahunan 2021, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Pentingnya, platform pembiayaan alternatif seperti ECF dan pembiayaan P2P telah memberi manfaat kepada lebih 4,000 PMKS, dengan jumlah dana terkumpul sebanyak RM2.7 bilion sejak bermulanya pembiayaan ini. Walaupun saiznya masih agak kecil, saluran pembiayaan alternatif telah berkembang menjadi sumber pembiayaan yang berdaya maju untuk PMKS, meningkatkan jangkauan saluran pembiayaan ini kepada syarikat kecil dan yang baru muncul. ECF dan pembiayaan P2P telah membantu menangani keperluan pembiayaan PMKS semasa pandemik, kerana kedua-dua pasaran telah mengumpul lebih RM1.8 bilion sejak bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020.

Walaupun saiznya masih agak kecil, saluran pembiayaan alternatif telah berkembang menjadi sumber pembiayaan yang berdaya maju untuk PMKS, meningkatkan jangkauan saluran pembiayaan ini kepada syarikat kecil dan yang baru muncul

## Dana Pelaburan Bersama Malaysia (Malaysia Co-Investment Fund, MyCIF)

Sejak ditubuhkan pada tahun 2019, MyCIF telah menerima peruntukan sebanyak RM180 juta daripada Kerajaan untuk melabur bersama dengan pelabur swasta di platform ECF dan pembiayaan P2P. Sehingga kini, MyCIF telah berjaya membuat pelaburan bersama berjumlah lebih daripada RM357 juta dalam lebih 16,000 kempen ECF dan pembiayaan P2P serta memberi manfaat kepada 2,280 PMKS. Dana tersebut melakukan pelaburan bersama dengan lebih RM1.4 bilion daripada pelabur swasta.



## Siri Pembiayaan Hijau Pasaran Modal

Pada Februari 2021, SC telah melancarkan NaviGate: Siri Pembiayaan Hijau Pasaran Modal, sebuah program untuk mewujudkan kesedaran dan hubungan yang lebih baik antara syarikat hijau dengan pasaran modal. Edisi pertama NaviGate yang berlangsung secara maya pada Februari 2021, seramai 100 peserta dan 40 PMKS daripada sektor teknologi hijau dan tenaga lestari di Malaysia menyertai program yang menghubungkan mereka kepada platform ECF dan pembiayaan P2P. NaviGate menunjukkan penekanan berterusan SC dalam memupuk keterangkuman pasaran modal dan dalam memudahkan pecutan agenda Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (*Sustainable and Responsible Investment, SRI*) untuk pasaran modal Malaysia, melengkapkan inisiatif yang dilaksanakan oleh Capital Market Malaysia (CMM). Sesi yang julung kali diadakan itu disokong oleh Pusat Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Malaysia (Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation, MGTC) dan Pihak Berkusa Pembangunan Tenaga Lestari (Sustainable Energy Development Authority, SEDA) Malaysia.


Sesi NaviGate kedua telah diadakan pada Mei 2021, anjuran CMM dan disokong oleh Bank Pembangunan Malaysian Bhd dan Danajamin Nasional Bhd. Sesi ini dihadiri oleh lebih 200 peserta yang tertumpu kepada syarikat yang mempunyai keperluan pembiayaan lebih besar untuk membiayai projek hijau dan lestari mereka melalui terbitan Sukuk SRI dan Bon berlabel ASEAN. Ia bertujuan untuk mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi mengenai SRI melalui pelbagai saluran pembiayaan pasaran modal serta menggalakkan hubungan yang lebih baik antara syarikat hijau dan berfokuskan kelestarian dengan pasaran modal.

## Artikel Khas

# Kemudahan Pembiayaan untuk PMKS yang Terjejas Akibat Pandemik COVID-19

Terdapat peningkatan yang ketara dalam peruntukan untuk bantuan pembiayaan di bawah Dana BNM untuk PMKS (Dana BNM) sejak bermulanya pandemik COVID-19 pada Mac 2020, dengan peruntukan prapandemik sebanyak RM9.1 bilion meningkat kepada RM31.1 bilion pada Disember 2021. Dengan peruntukan yang lebih besar, kemudahan di bawah Dana BNM telah dipertingkatkan dan diperluaskan manakala kemudahan baharu juga diperkenalkan untuk memastikan dana tersebut kekal responsif terhadap keperluan PMKS. Pada 29 Disember 2021, dana tersebut mempunyai sejumlah RM10.3 bilion untuk permohonan baharu daripada PMKS merentas semua sektor.

Walaupun Dana BNM hanya bertindak sebagai langkah pelengkap kepada peruntukan pembiayaan PMKS yang lebih besar oleh institusi kewangan, dana ini tetap penting dalam mengurangkan cabaran kewangan PMKS dan telah dimanfaatkan oleh lebih daripada 52,000 PMKS dengan jumlah tenaga kerja melebihi satu juta pekerja. Lebih daripada 80.0% penerima dana terdiri daripada perusahaan mikro dan kecil, iaitu merupakan segmen rentan dan terjejas teruk semasa pandemik.



<sup>1</sup> Kemudahan lain termasuk Kemudahan Agromakanan (AF) dan Kemudahan Bantuan Bencana (DRF). Tidak termasuk RM10 bilion Kemudahan Bantuan Khas (SRF) yang telah digunakan sepenuhnya

<sup>2</sup> Setakat 31 Disember 2021, termasuk peruntukan tambahan yang diumumkan semasa Bajet 2022

<sup>3</sup> Sehingga 30.0% untuk TRRF dan 50.0% untuk PTF

## Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF)

Kemudahan Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF) diperkenalkan sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk membantu sektor pelancongan. Tujuan kemudahan ini adalah untuk menyokong PMKS Malaysia dalam sektor pelancongan, dengan mengekalkan kapasiti mereka dan membantu mereka menyesuaikan diri dan kekal berdaya maju selepas COVID-19. PMKS dan perusahaan mikro yang layak boleh memohon pembiayaan masing-masing sehingga RM75,000 dan RM500,000 dengan kadar pembiayaan sehingga 3.5% setahun untuk tempoh pembiayaan sehingga tujuh tahun.

## Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF)

Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF) diperkenalkan pada November 2020, menyasarkan pemberian bantuan dan sokongan pemulihan PMKS dalam subsektor perkhidmatan bukan pelancongan. Subsektor tersebut termasuk perkhidmatan peribadi (seperti membaiki komputer dan dobi & perkhidmatan dandan diri), makanan & minuman, penjagaan kesihatan, kerja sosial, perdagangan borong & runcit dan perniagaan perkhidmatan. Kemudahan ini, boleh diakses melalui 18 institusi kewangan terlibat yang menyediakan pembiayaan modal kerja pada kadar pembiayaan yang berpatutan sehingga 3.5% termasuk bayaran jaminan, tempoh sehingga tujuh tahun dan termasuk tempoh moratorium sekurang-kurangnya enam bulan. Bagi memenuhi keperluan PMKS dengan lebih baik, skop kemudahan tersebut telah diperluaskan bagi membolehkan PMKS menggunakan sehingga 30.0% daripada pinjaman untuk membiayai semula pembiayaan perniagaan sedia ada mereka. Jaminan perlindungan disediakan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) dan CGC. TRRF terbukti memberi manfaat besar kepada PMKS, dengan 90.0% daripada penerima merupakan perusahaan mikro atau kecil, PMKS yang baru ditubuhkan dengan kurang daripada tiga tahun beroperasi dan peminjam kali pertama, disebabkan oleh kekurangan rekod prestasi, yang lazimnya akan menghadapi cabaran untuk mendapatkan pembiayaan. Lebih daripada 20,000 PMKS, dengan jumlah tenaga kerja sekitar 300,000 dan sebahagian besarnya daripada subsektor borong & runcit, restoran dan hotel, telah mendapat manfaat daripada RM8 bilion yang diperuntukkan kepada TRRF.

Lebih daripada 20,000 PMKS, dengan jumlah tenaga kerja sekitar 300,000 dan sebahagian besarnya daripada subsektor borong & runcit, restoran dan hotel, telah mendapat manfaat daripada RM8 bilion yang diperuntukkan kepada TRRF

## Kemudahan Teknologi Tinggi - Aspirasi Pelaburan Nasional (HTF-NIA)

Kemudahan Teknologi Tinggi - Aspirasi Pelaburan Nasional (HTF-NIA) dengan peruntukan sebanyak RM800 juta telah diperkenalkan untuk memulih dan menyokong PMKS berteknologi tinggi dan dipacu inovasi yang terjejas akibat COVID-19 dan menggiatkan semula kapasiti inovasi negara. Kadar pembiayaan sehingga 3.5% setahun ditawarkan untuk pembiayaan tanpa jaminan atau sehingga 5.0% setahun termasuk yuran jaminan (dengan jaminan perlindungan oleh CGC).

## Kemudahan Automasi dan Digital PKS (ADF)

Kemudahan Automasi dan Digital PKS (ADF) ialah kemudahan sebanyak RM1 bilion yang bertujuan untuk memberi insentif bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan dengan kadar pembiayaan sehingga 4.0% setahun, termasuk yuran jaminan. Jaminan perlindungan disediakan oleh SJPP.

## Kemudahan Semua Sektor Ekonomi (AES)

Kemudahan Semua Sektor Ekonomi (AES) bertujuan untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan oleh PMKS dan untuk menyokong pertumbuhan. Pembiayaan meliputi modal kerja dan perbelanjaan modal (contohnya pembelian mesin dan peralatan atau kos pengubahsuaian premis perniagaan) dengan pembiayaan maksimum sebanyak RM500,000 bagi setiap PMKS pada kadar pembiayaan sehingga 7.0% setahun.

## Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF)

Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF) mempunyai peruntukan RM500 juta yang bertujuan menyokong perusahaan mikro termasuk pekerja gig dalam platform digital dan mereka yang bekerja sendiri. Kemudahan adalah untuk modal kerja dan perbelanjaan modal.

## Kemudahan Bantuan Bencana (DRF) 2021

Kemudahan Bantuan Bencana (DRF) 2021 ialah kemudahan pembiayaan yang diwujudkan oleh BNM untuk mengurangkan beban kewangan PMKS yang terjejas akibat banjir dan membolehkan mereka meneruskan operasi perniagaan.

## Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan (BRF)

Institusi kewangan terlibat dan rakan kongsi pembiayaan alternatif yang terbabit dengan kemudahan ini menawarkan pelbagai pembiayaan berdasarkan ekuiti yang digabungkan bagi membantu PMKS membiayai perniagaan mereka tanpa meningkatkan beban hutang secara berlebihan. Peruntukan sebanyak RM1 bilion telah disediakan untuk kemudahan ini.



Institusi kewangan terus membantu perniagaan yang memerlukan bantuan pinjaman selepas tamat tempoh keseluruhan enam bulan moratorium pada 30 September 2020. Bagi tujuan ini, bank dan DFIs telah memperkenalkan pelbagai pakej bersasar untuk peminjam PMKS yang terjejas dalam bentuk moratorium lanjutan, pengurangan sementara dalam pembayaran balik pinjaman dan fleksibiliti bayaran balik yang disesuaikan untuk meringankan beban kewangan peminjam mengikut keadaan kewangan mereka. Untuk bantuan selanjutnya bagi pemohon, proses permohonan telah dipermudahkan, dengan permohonan dalam talian diperkenalkan manakala waktu operasi cawangan bank dilanjutkan, termasuk beroperasi pada hujung minggu.

Peralihan kepada langkah-langkah bantuan yang lebih bersasar memastikan bahawa lebih banyak sumber tersedia untuk membantu peminjam daripada golongan rentan dan yang mengalami tekanan kewangan sementara membolehkan bank memberi sokongan yang lebih baik terhadap ekonomi yang lebih luas melalui pinjaman berterusan. Langkah bantuan aliran tunai daripada bayaran pinjaman tertangguh yang digabungkan dengan kesan positif langkah pemotongan kos dan penerapan digital yang dipercepatkan akibat pandemik, adalah penting bagi membantu PMKS untuk menangani cabaran perniagaan dengan lebih baik semasa PKP.

Antara Oktober 2020 dan Mei 2021, lebih daripada 49,000 PMKS berjaya menyusun semula komitmen pembiayaan mereka di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman bersasar dengan majoriti diberikan moratorium atau lanjutan tempoh pinjaman. Antara 1 Jun hingga 24 Disember 2021, sebanyak 95,000 peminjam PMKS mendapat bantuan bayaran balik di bawah Pakej PEMULIH.

## Artikel Khas

# Pembiayaan Berkaitan Kelestarian



Pandemik COVID-19 telah menjadi satu peringatan yang mendorong Kerajaan, perniagaan dan pelabur untuk memberi perhatian yang lebih terhadap isu Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance, ESG*) dan menggalakkan semua pihak berkepentingan untuk memacu pemulihan kelestarian. Oleh itu, Kerajaan dan institusi kewangan juga meningkatkan usaha mereka untuk membantu PMKS mengamalkan amalan kelestarian.

Antara bantuan yang ditawarkan ialah:

### Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (LCTF)

Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (*Low Carbon Transition Facility, LCTF*) diwujudkan untuk menggalakkan dan menyokong PMKS bagi menerap amalan kelestarian untuk memastikan daya tahan perniagaan. Kemudahan tersebut disediakan oleh BNM bersama-sama dengan penyertaan institusi kewangan secara padanan dengan menawarkan pembiayaan kepada PMKS untuk beralih kepada kelestarian dan amalan rendah karbon dalam operasi perniagaan mereka, contohnya, dalam meningkatkan penggunaan bahan mentah yang lestari dan tenaga yang boleh diperbaharui serta menambah baik kecekapan tenaga di bangunan atau jentera untuk membantu perniagaan memenuhi keperluan global seperti Mekanisme Pelarasian Sempadan Karbon EU (*EU Carbon Border Adjustment Mechanism, CBAM*) 2023. Sebanyak RM2 bilion telah diperuntukkan untuk kemudahan ini dengan RM1 bilion daripada BNM dan RM1 bilion daripada institusi kewangan terlibat.

LCTF yang diperkenal mulai 3 Februari 2022 sehingga penggunaan dana sepenuhnya, terbuka kepada PMKS daripada semua sektor yang bertujuan untuk membiayai perbelanjaan modal atau modal kerja bagi memulakan atau memudah cara peralihan kepada rendah karbon dan operasi kelestarian. Projek dan aktiviti LCTF yang boleh digunakan, tetapi tidak terhad adalah termasuk, mendapatkan pensijilan kelestarian; meningkatkan penggunaan bahan yang lestari untuk pengeluaran; meningkatkan kecekapan tenaga di bangunan & peralatan dan memasang peralatan penjanaan di tapak bangunan untuk tenaga boleh diperbaharui. PMKS adalah layak mendapat pembiayaan maksimum sehingga RM10 juta dengan tempoh sehingga 10 tahun dan kadar pembiayaan sebanyak 5.0% setahun termasuk yuran jaminan, jika berkenaan. Jaminan perlindungan disediakan oleh CGC dan SJPP.

### Skim Pembiayaan Pembangunan Mampan (SDFS)

Bank Pembangunan Malaysia memulakan Skim Pembiayaan Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Financing Scheme, SDFS*) untuk menyokong usaha Kerajaan bagi melaksanakan 17 Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals, SDGs*) di bawah agenda Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Development Programme, UNDP*) 2030 bagi pembangunan yang mampan. Dana sebanyak RM2 bilion menyediakan separa pembiayaan untuk pemerolehan aset atau pembangunan infrastruktur yang akan menyumbang secara positif kepada mana-mana satu daripada 17 matlamat pembangunan mampan UNDP. Menyasarkan empat sektor utama yang diberi mandat, iaitu, infrastruktur, maritim, minyak & gas dan teknologi. Dana tersebut mula tersedia dari Januari 2021 sehingga 31 Disember 2023, terbuka kepada syarikat tempatan yang berdaftar dan sekurang-kurangnya 51.0% dimiliki oleh rakyat Malaysia. Margin pembiayaan adalah sehingga 80.0%, dengan tempoh sehingga 15 tahun untuk perbelanjaan modal dan lima tahun bagi perbelanjaan operasi.

## Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS)

Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (*Green Technology Financing Scheme*, GTFS) telah dimulakan oleh Kerajaan pada tahun 2010 untuk mempercepatkan pertumbuhan sektor teknologi hijau dengan memudah cara akses yang lebih besar terhadap pembiayaan melalui penyertaan institusi kewangan bagi usahawan dan syarikat yang menceburi sektor perniagaan hijau. MGTC (dahulunya dikenali sebagai GreenTech Malaysia) ditugaskan untuk memudah cara skim ini, menilai permohonan bagi memastikan projek memenuhi kriteria teknologi hijau, membantu dalam penyelesaian antara pemohon dan institusi kewangan serta membuat pemantauan dan pengauditan kemajuan projek. Sejak penubuhannya, GTFS, membiayai sebanyak 319 projek usaha niaga hijau. Skim awal yang berakhir pada Disember 2017, telah digunakan sepenuhnya oleh institusi kewangan terlibat sehingga RM3.5 bilion. Oleh kerana permintaan yang menggalakkan daripada industri kewangan, Kementerian Kewangan melanjutkan skim itu dari tahun 2019 sehingga 2020 dengan suntikan baharu sebanyak RM2 bilion daripada institusi kewangan terlibat.

GTFS 2.0 diumumkan secara rasmi semasa Ucapan Bajet 2019 dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion. Skim ini menyediakan insentif dalam bentuk rebat sebanyak 2.0% pada kadar faedah untuk tujuh tahun pertama dan dengan jaminan perlindungan Kerajaan sebanyak 60.0%. Peminjam pembiayaan terdiri daripada tiga kategori iaitu pengeluar teknologi hijau, pengguna teknologi hijau dan Syarikat Perkhidmatan Tenaga (*Energy Service Companies*, ESCOs).

Jadual 1: Prestasi GTFS 2.0 sehingga Disember 2020

Sektor	Projek Hijau Diluluskan	Projek dengan Pembiayaan Terjamin	Jumlah Pembiayaan Ditawarkan (RM juta)	Pelaburan Hijau (RM juta)	Pengurangan Pelepasan GHG (tCO <sub>2</sub> eq/tahun)	Pekerjaan Hijau
Kecekapan Tenaga	2	1	28	32	38	6
Tenaga Boleh Diperbaharui	125	109	1,884	2,340	1,274	470
Sisa	5	2	6	8	3	15
Air	-	-	-	-	-	-
Pengangkutan	-	-	-	-	-	-
Bangunan	-	-	-	-	-	-
Pembuatan	-	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>132</b>	<b>112</b>	<b>1,918</b>	<b>2,380</b>	<b>1,315</b>	<b>491</b>

Sementara itu, GTFS 3.0 yang akan diurus dan dijamin oleh Danajamin telah dilancarkan pada 6 November 2020 sebagai sebahagian daripada agenda Kerajaan untuk menyokong SRI serta memacu piawaian hijau dan lestari di Malaysia. Skim sebanyak RM2 bilion ini menyokong penerbitan SRI dan bon hijau yang dibuka untuk permohonan sehingga 31 Disember 2022.







## Teknologi, Inovasi dan Pendigitalan

Bab

**4**



## Bab 4

# Teknologi, Inovasi dan Pendigitalan


### PENDIGITALAN PEMACU PERUBAHAN

Peralatan digital membawa faedah yang ketara kepada firma. Pendigitalan mengurangkan kos transaksi dengan menyediakan akses yang lebih baik dan cepat terhadap penyaluran maklumat dan komunikasi antara pekerja, pembekal dan rangkaian. Ini boleh membantu integrasi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dalam pasaran global, melalui pengurangan kos yang berkaitan dengan pengangkutan dan operasi rentas sempadan serta meluaskan skop bagi perkhidmatan perdagangan dengan ketara. Pendigitalan turut memudahkan akses kepada sumber, termasuk kewangan (contoh pinjaman antara rakan setara), latihan dan saluran pengambilan pekerja termasuk perkhidmatan Kerajaan yang semakin tersedia secara dalam talian. Pendigitalan juga menyokong inovasi dan memberi akses yang lebih besar kepada aset inovasi, serta memberi peluang bagi firma menjana data dan menganalisis operasi mereka sendiri dengan cara baharu bagi memacu prestasi yang lebih baik.

Cabar terbesar kebanyakan firma adalah pengambilan langkah pertama terhadap pendigitalan. Sebaik sahaja peralihan terhadap teknologi digital dibuat, terdapat pelengkap yang kukuh dalam teknologi yang boleh mendorong penerapan pendigitalan selanjutnya. Sebagai contoh, platform digital seperti media sosial dan pasaran e-dagang menyediakan skop penting untuk mengoptimumkan operasi tertentu pada kos yang sangat rendah melalui perkhidmatan risikan perniagaan dan analisis data.

## Jurang PKS terhadap penerapan teknologi adalah besar dalam banyak bidang

Kadar penyerapan, median OECD, berdasarkan peratusan purata negara oleh perusahaan yang menggunakan teknologi pada 2015 - 2018



*Sumber: SME Digitalisation to Building Back Better, OECD*

Oleh itu, merapatkan jurang produktiviti antara firma besar dan firma lain merupakan kunci untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan lebih meluas, kemakmuran dan mengurangkan ketidaksamaan pendapatan pada peringkat global. Salah satu cara terbaik dan lazim disebut untuk meningkatkan potensi produktiviti buruh PMKS secara keseluruhan adalah melalui transformasi digital.

Pendigitalan boleh menjadi pemacu perubahan untuk PMKS, melalui kontrak pintar (*smart contract*) dan automasi pelbagai fungsi pentadbiran pejabat (*back office*). Pendigitalan boleh mengurangkan isu pembayaran lewat dan meningkatkan aliran tunai perniagaan. Menjalankan perniagaan secara dalam talian dan berdagang merentas sempadan juga membolehkan PMKS mencapai bilangan pelanggan yang sama seperti pesaing yang lebih besar. Menurut Vodafone, PMKS yang telah melakukan pendigitalan berkemungkinan besar mendapat peluang perniagaan baharu semasa pandemik, dua kali ganda lebih berbanding firma kurang pendigitalan. Laporan lain telah menunjukkan bagaimana pendigitalan telah membina daya tahan perniagaan untuk jangka masa panjang dengan meningkatkan pendapatan sebelum faedah dan cukai sebanyak 12.0 - 20.0% pada tahun pertama dan meningkatkan kelajuan kepada pasaran secara purata sebanyak 40.0 - 50.0%.

## LANDSKAP EKONOMI DIGITAL MALAYSIA

Terdapat pertumbuhan ketara dalam landskap ekonomi digital Malaysia berikutan pandemik COVID-19 yang telah membuka jalan kepada perniagaan digital baharu dan pada masa yang sama, menggalakkan perniagaan tradisional beralih kepada dalam talian untuk terus berdaya saing.



Berdasarkan Laporan e-Economy SEA 2021 yang dikeluarkan oleh Google, Temasek dan Bain & Company, Malaysia sedang mengorak langkah ke arah normal baharu selepas pandemik dengan menerusi anjakan kekal dalam penggunaan digital. Pertumbuhan pasaran digital negara yang meningkat mendadak sebanyak 47.0% daripada RM59 bilion (USD14 bilion) pada 2020 kepada RM88 bilion (USD21 bilion) pada 2021 didorong oleh lonjakan ketara sebanyak 68.0% dalam e-dagang dan dijangka mencecah RM147 bilion (USD35 bilion) menjelang tahun 2025.

Pandemik telah menyebabkan anjakan kekal terhadap penerapan digital iaitu 94.0% daripada pengguna didapati masih menggunakan perkhidmatan digital dan 98.0% berhasrat untuk meneruskannya pascapandemik. Selain itu, perniagaan juga menjadi lebih cekap dalam penggunaan teknologi dengan 43.0% daripada usahawan digital di Malaysia percaya bahawa mereka tidak akan dapat kekal dalam tempoh pandemik ini tanpa platform digital. Justeru, ini telah mempercepatkan penerimaan digital oleh peniaga, dengan 98.0% kini menerima pembayaran digital dan 72.0% menggunakan penyelesaian pinjaman digital.

Berdasarkan Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi 2020 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, sumbangan teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology, ICT*) kepada KDNK meningkat kepada 22.6% (2020: 19.2%), mencatatkan pertumbuhan dua angka iaitu sebanyak 10.4% pada tahun 2020 berbanding 7.3% pada tahun sebelumnya. Sementara itu, sumbangan e-dagang kepada KDNK pada 2020 adalah pada 11.5% (2019: 8.5%), berjumlah RM163.3 bilion daripada RM129.2 bilion pada tahun 2019. Sektor pembuatan kekal sebagai penyumbang utama kepada nilai ditambah kasar e-dagang dengan sumbangan sebanyak 54.5% diikuti oleh sektor perkhidmatan pada 41.7%. Penutupan kedai fizikal disebabkan sekatan pergerakan dan pergerakan terhad di seluruh negara telah mendorong pengguna untuk membeli-belah secara dalam talian, lantas mempercepatkan pertumbuhan pasaran e-dagang di Malaysia.

Bagi sektor pendidikan, bantuan digital telah memudah cara sesi pembelajaran yang telah terjejas akibat daripada pandemik. Penggunaan sistem alternatif iaitu Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), adalah contoh terbaik tentang bagaimana penerapan pendigitalan menyumbang kepada peningkatan taraf hidup.



Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) telah menggariskan beberapa tumpuan utama yang menekankan kepentingan ekonomi digital terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Contohnya, inisiatif pendigitalan kebangsaan dijangka membantu mencapai sasaran 25.5% sumbangan digital ekonomi kepada KDNK negara menjelang 2025.

Kerajaan juga telah mengenal pasti subsektor seperti ekonomi gig yang akan menjadi sumber penting kepada pertumbuhan ekonomi negara. Subsektor ini dijangka membuka peluang yang lebih luas kepada rakyat kerana ekonomi gig menawarkan perkhidmatan dan platform berdasarkan digital.

## MEMACU EKONOMI DIGITAL: PENGENALAN MENGENAI RANGKA TINDAKAN (BLUEPRINT) EKONOMI DIGITAL MALAYSIA (MyDIGITAL)

Ekonomi digital Malaysia dipacu oleh Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), merupakan hala tuju ekonomi digital negara sehingga tahun 2030. MyDIGITAL menetapkan visi negara untuk menjadi peneraju serantau bagi ekonomi digital serta membangunkan sosioekonomi yang inklusif dan mampan berdasarkan tiga objektif utama yang didorong oleh enam teras dan 22 strategi.

Tiga objektif tersebut ialah:



Selaras dengan objektif tersebut, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif mengenai pembangunan bakat digital dengan penekanan kepada inovasi ICT di sekolah, mengukuhkan penyampaian sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (*science, technology, engineering and mathematics*, STEM) merentas sistem pendidikan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia) dan meningkatkan kemahiran dan latihan kemahiran semula tenaga kerja sedia ada.

Inisiatif kebangsaan lain termasuk Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan (National eCommerce Strategic Roadmap, NESR) yang dilancarkan pada tahun 2021 dan Blueprint Produktiviti Malaysia pada tahun 2017 untuk meningkatkan penerapan pendigitalan oleh PMKS melalui penyertaan dalam e-dagang dan penerapan teknologi inovatif.

## INOVASI DALAM SEKTOR PEMBUATAN DAN PERKHIDMATAN

Inovasi adalah salah satu faktor penentu utama produktiviti dan pertumbuhan jangka masa panjang. Menyokong pelaksanaan inovasi oleh PMKS dapat memupuk pertumbuhan inklusif dengan mengurangkan jurang produktiviti dan jurang gaji antara PMKS dan syarikat besar. Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (Malaysian Science and Technology Information Centre, MASTIC) telah menjalankan Kajian Inovasi Kebangsaan (National Survey of Innovation, NSI) 2018 yang merangkumi aktviti inovasi sepanjang tempoh 2015 – 2017. NSI-2018 mengkaji sejumlah 2,020 firma iaitu 717 firma (35.5%) adalah dalam sektor pembuatan dan 1,303 firma (64.5%) dalam sektor perkhidmatan. Dari segi saiz, firma bersaiz kecil dan sederhana mewakili hampir 73.0% daripada firma dalam sektor pembuatan dan 78.0% dalam sektor perkhidmatan.

Jadual 4.1: Saiz Firma mengikut Sektor

Saiz Firma	2018	
	Pembuatan (%)	Perkhidmatan (%)
Kecil	35.2	43.8
Sederhana	37.5	34.5
Besar	27.3	21.7
Jumlah	100	100


Sumber: Kajian Inovasi Kebangsaan 2018 dipetik daripada Laporan Petunjuk Sains, Teknologi & Inovasi Malaysia, MASTIC

Kajian NSI-2018 menunjukkan bahawa 65.0% daripada responden boleh dikategorikan sebagai firma inovatif manakala 35.0% adalah firma bukan inovatif. Kajian tersebut mendapat objektif terpenting aktiviti inovasi bagi firma sektor pembuatan dan perkhidmatan adalah untuk:



NSI-2018 turut mengkaji empat jenis aktiviti inovasi iaitu produk, proses, pemasaran dan organisasi. Inovasi pemasaran adalah yang paling ketara dalam sektor perkhidmatan diikuti oleh inovasi produk, proses dan organisasi. Sebaliknya, fokus sektor pembuatan adalah masing-masing pada inovasi proses, produk, pemasaran dan organisasi (rujuk Carta 4.1).

Carta 4.1: Kategori Aktiviti Inovasi Berdasarkan Jenis dan Sektor Perniagaan



Sumber: Kajian Inovasi Kebangsaan 2018 dipetik daripada Laporan Petunjuk Sains, Teknologi & Inovasi Malaysia, MASTIC


Walaupun penyertaan firma dalam aktiviti berkaitan inovasi meningkat, majoriti responden terus menyatakan tentang kekurangan kesedaran mengenai insentif Kerajaan dan sokongan yang tersedia untuk aktiviti inovasi. Mereka juga menyatakan bahawa proses dan prosedur yang terlibat untuk mendapatkan insentif adalah rumit dan mengambil masa. Oleh itu, adalah penting untuk membangunkan sistem inovasi kebangsaan yang berkesan dan inklusif. Ini melibatkan kerjasama *Triple Helix* yang memfokuskan usaha sama antara Kerajaan, sektor swasta dan institusi pengajian tinggi (IPT).

## Artikel Khas

# Buku Panduan Digital PKS

Buku Panduan Digital PKS telah dilancarkan oleh Malaysia Digital Economy Malaysia (MDEC) pada Ogos 2021 yang bertujuan sebagai rujukan utama kepada PKS yang berminat untuk memulakan penerapan digital. Selain menyediakan panduan kepada PKS untuk memulakan perjalanan ke arah pendigitalan, Buku Panduan ini juga menyenaraikan trend baru yang akan memberi impak kepada PMKS, menerangkan kepentingan pendigitalan dan memberi panduan kepada PKS mengenai inisiatif yang terdapat di Malaysia yang boleh dimanfaatkan oleh PKS. Buku Panduan ini dibangunkan bersama dengan International Data Corporation (IDC), satu organisasi yang menyediakan analisis pasaran dan tinjauan teknologi.

Buku Panduan ini disasarkan untuk firma bersaiz kecil dan sederhana, terutamanya perniagaan tradisional yang ingin memulakan perjalanan mereka dalam pendigitalan. Perniagaan yang sedang merancang untuk menambah baik perniagaan mereka menerusi pendigitalan akan melihat Buku Panduan ini sebagai sebuah repositori idea dan cadangan yang bermanfaat. Buat masa ini, Buku Panduan Digital PKS memberi fokus kepada industri peruncitan dan makanan & minuman serta mempunyai dua rujukan panduan untuk setiap sektor.



Buku Panduan ini disasarkan kepada firma bersaiz kecil dan sederhana, terutamanya perniagaan tradisional yang ingin memulakan perjalanan mereka dalam penerapan digital



### Buku Panduan Digital Pantas

Menawarkan maklumat yang mudah difahami untuk rujukan segera dengan menyediakan pandangan menyeluruh untuk perniagaan.

### Buku Panduan Digital PKS

Dokumen penuh dengan pendekatan yang lebih berstruktur dalam memaparkan keperluan digital, teknologi, matlamat perniagaan dan amalan terbaik dalam membantu PKS meningkatkan keupayaan digital mereka.

## Artikel Khas

# MyAssist MSME

Program MyAssist MSME merupakan inisiatif Kerajaan melalui SME Corp. Malaysia di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Program ini yang direka bentuk untuk membantu PMKS mengharungi ketidaktentuan ekonomi semasa pandemik COVID-19, telah dilancarkan secara maya pada 30 Jun 2020.



MyAssist MSME menawarkan khidmat nasihat dan maklumat perniagaan, bimbingan dan peluang pemasaran digital, sokongan teknologi dan kemudahan inovasi, pemadanan perniagaan serta inisiatif pelbagai saluran secara dalam talian. Sehingga Disember 2021, platform ini mempunyai 1,073 pengguna berdaftar dan telah menerima 50,467 pelawat.

Empat komponen utama MyAssist MSME adalah pusat maklumat, khidmat nasihat, tiga platform yang terdiri daripada MeetMe, MatchMe dan e-Pameran dan medium maklum balas interaktif. Perkhidmatan yang disediakan oleh komponen ini adalah seperti berikut.

Pusat Maklumat mengenai insentif di bawah PENJANA dan pakej rangsangan lain serta program pembangunan PMKS.

MeetMe menyediakan khidmat nasihat perniagaan secara dalam talian dengan sokongan kaunselor perniagaan yang diperakui, agensi Kerajaan dan institusi kewangan. Pengguna platform ini boleh mendapatkan nasihat dan rundingan mengenai perniagaan, kemudahan kewangan, fasilitasi perdagangan serta perkara yang berkaitan dengan sumber manusia, penjenamaan dan teknologi. Melalui MeetMe, sejumlah 143 sesi khidmat nasihat perniagaan telah diadakan sepanjang tahun 2021.

MatchME adalah perkhidmatan padanan perniagaan dalam talian dengan penyertaan oleh pelbagai syarikat induk yang terdiri daripada firma multinasional, firma besar berkaitan Kerajaan, syarikat luar negara, pasar raya besar dan penyedia platform e-dagang. Pada tahun 2021, 22 syarikat induk dan 228 PMKS telah menyertai dalam platform ini. Platform ini telah mengadakan 52 sesi pemadanan perniagaan dan menjana potensi jualan sebanyak RM9.7 juta.

e-Pameran merupakan platform 3D interaktif yang memperkenalkan produk dan perkhidmatan PMKS melalui pameran secara maya. Platform ini juga mempunyai kemudahan troli membeli-belah untuk menggalakkan pembelian dalam talian. Pada tahun 2021, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama 45 Kementerian & agensi dan institusi kewangan telah menyediakan 520 ruang perniagaan untuk pameran secara maya yang menarik penyertaan sebanyak 506 PMKS. Platform ini menerima 29,022 pelawat pada tahun tersebut. Bagi tujuan e-dagang, MyAssist MSME disepakujukan dengan platform WarongKu bagi membolehkan PMKS memasarkan produk mereka secara digital.

Sebanyak 73 sesi webinar telah dianjurkan dalam platform ini yang telah menarik sejumlah 54,469 penonton.







## Sorotan Khas

## Sorotan Khas

# Membangun Semula dengan Lebih Baik untuk PMKS Malaysia



Penularan pandemik COVID-19 yang pantas di seluruh dunia telah memberi kesan teruk yang tiada bandingannya ke atas ekonomi global. Sekatan pergerakan yang tidak pernah berlaku sebelum ini di kebanyakan negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, China dan Jepun, bertujuan untuk membendung penularan virus telah mengakibatkan gangguan bekalan rantaian global yang amat besar, pemberhentian pekerja secara meluas, penurunan pendapatan secara mendadak dan kejatuhan permintaan global.

Pandemik ini merupakan satu peringatan kepada Malaysia. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia telah terjejas teruk oleh krisis kesihatan ini yang telah memberi kesan serius kepada sektor utama dalam negeri iaitu pembuatan, perkhidmatan, pertanian dan pembinaan. Kesan daripada langkah pembendungan yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah mencetuskan gangguan rantaian bekalan, permintaan yang lebih rendah, pengangguran yang tinggi, sentimen pengguna yang lemah dan keyakinan perniagaan yang rendah di seluruh negara. Kesan ini dengan pastinya telah menyebabkan kejatuhan mendadak dalam pengeluaran yang mengakibatkan lebihan kapasiti.

Pandemik yang berpanjangan terus menjaskan ekonomi dalam negeri dengan majoriti perniagaan tempatan berjuang untuk bertahan dan pendapatan korporat dalam kebanyakan industri merosot. Ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 5.6% pada tahun 2020 yang merupakan prestasi paling buruk negara dari segi

pertumbuhan ekonomi sejak Krisis Kewangan Asia 1997. Dengan tanda pemulihan ekonomi yang semakin jelas susulan langkah strategik yang diambil oleh Kerajaan dalam menguruskan krisis ekonomi sejak tahun 2020, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara telah mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 3.1% pada tahun 2021<sup>[1]</sup>.

Menyedari hakikat bahawa menerapkan pendekatan 'keadaan seperti biasa' dalam menangani cabaran pascapandemik COVID-19 bukan merupakan satu pilihan, Kerajaan Malaysia telah menggiatkan usaha untuk membantu, khususnya PMKS, dengan melaksanakan inisiatif peningkatan pendapatan dan program pembinaan kapasiti di kawasan bandar dan luar bandar, serta dengan menggalakkan keusahawanan dan memudah cara akses kepada kemudahan pembiayaan. Memandangkan kerentenan dan kelemahan yang berlaku susulan pandemik bukanlah perkara baru, namun telah menjadi semakin buruk disebabkan oleh krisis tersebut, Kerajaan menggunakan kesukaran ini sebagai peluang untuk membuat pembaharuan ekonomi dan 'membangun semula dengan lebih baik'<sup>[2]</sup>.

Dalam usaha membina semula negara dengan lebih baik berpandukan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) memainkan peranan penting dalam memacu transformasi ekonomi negara dalam landskap pascakrisis COVID-19 baru. RMKe-12 menjangkakan bahawa 90.0% PMKS akan mendigitalkan operasi perniagaan mereka menjelang tahun 2025<sup>[3]</sup>. Mengutamakan pendigitalan PMKS sebagai agenda kebangsaan merupakan satu pemacu perubahan yang kukuh bagi ekonomi. Pendigitalan membolehkan PMKS melakukan transformasi, bersaing dan menembusi pasaran global. PMKS akan dilengkapi dengan kemahiran bagi membolehkan pendigitalan proses perniagaan mereka menjelang tahun 2025. Mereka juga akan dibantu untuk mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang setanding dengan piawaiant arabangsa bagi meningkatkan daya saing<sup>[4]</sup>.

Selain daripada menyokong lebih banyak strategi pertumbuhan inklusif dan menekankan kesejahteraan PMKS susulan pandemik, mempercepatkan penerapan dan penyesuaian PMKS kepada inovasi digital adalah kunci untuk membina semula ekonomi yang lebih kukuh. Bajet 2022 memberi tumpuan kepada penyediaan insentif bagi menggalakkan lebih banyak PMKS menerapkan teknologi digital, dengan sebanyak RM400 juta telah diperuntukkan untuk meningkatkan pendigitalan, teknologi dan inovasi.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah strategik dalam segi dasar, strategi dan kemudahan dalam mengendalikan krisis sejak bermulanya pandemik. Tahun 2021 menyaksikan pengenalan beberapa lagi pakej rangsangan dan pelbagai inisiatif baharu untuk mengurangkan impak pandemik ke atas PMKS. Sejumlah 16 inisiatif bantuan kewangan telah diperkenalkan untuk PMKS pada tahun 2021 di bawah Bajet 2021, pakej rangsangan ekonomi PERMAI, PENJANA dan PEMERKASA.

Langkah strategik tersebut telah terbukti berkesan dalam mengurangkan impak ke atas PMKS dan terus diperkuat oleh asas ekonomi negara yang kukuh, PMKS meningkat semula kepada pertumbuhan positif pada tahun 2021 dengan menyumbang sebanyak 37.4% kepada KDNK, 47.8% kepada guna tenaga dan 11.7% kepada eksport. Meskipun sumbangan PMKS kepada ekonomi adalah lebih rendah, tidak dapat disangkal bahawa perkara ini merupakan pencapaian yang membanggakan di saat pelbagai cabaran yang melanda dalam negeri dan global akibat pandemik<sup>[2]</sup>.

Tahun 2021 menyaksikan pengenalan beberapa lagi pakej rangsangan dan pelbagai inisiatif baharu untuk mengurangkan impak pandemik ke atas PMKS. Sejumlah 16 inisiatif bantuan kewangan telah diperkenalkan untuk PMKS pada tahun 2021 di bawah Bajet 2021, pakej rangsangan ekonomi PERMAI, PENJANA dan PEMERKASA


Ekonomi Malaysia kini berada pada landasan pemulihan yang lebih kukuh susulan usaha pemvaksinan yang berjaya dan penarikan balik secara penuh sekatan pergerakan. Aktiviti ekonomi telah meningkat sejak kesemua 13 negeri dan tiga wilayah persekutuan beralih kepada Fasa Empat Pelan Pemulihan Negara pada 3 Januari 2022. Dengan pengurangan langkah sekatan dalam operasi perniagaan dan dipercepatkan lagi oleh pembukaan sempadan negara pada 1 April 2022 sebagai sebahagian daripada peralihan negara ke fasa endemik, kesemua sektor ekonomi di Malaysia telah kembali normal secara beransur-ansur<sup>[5]</sup>.

Kerajaan bertekad penuh dalam matlamatnya untuk mewujudkan ekosistem PMKS yang kondusif dan menyeluruh dengan meningkatkan keupayaan keusahawanan PMKS dan mengukuhkan landskap perniagaan, bagi memastikan PMKS kekal di landasan pemulihan secara beransur-ansur dan seterusnya menjadi pemain yang mampan dan berdaya saing di peringkat global. Bagi membangunkan semula ekonomi supaya bertahan dalam era digital pascapandemik, pendekatan menyeluruh yang melibatkan Kerajaan, pengawal selia, sektor swasta, organisasi masyarakat sivil dan institusi kewangan adalah penting bagi menangani cabaran dan peluang mendatang. Kerajaan bersedia untuk memastikan program dan inisiatif yang memenuhi pelbagai keperluan PMKS boleh diakses oleh semua PMKS di seluruh negara. Paling penting, PMKS perlu meraih peluang untuk menggunakan sumber tersedia bagi mempercepat pemulihan ekonomi mereka dan mara ke arah masa depan yang cemerlang.

Antara inisiatif utama yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan pada tahun 2021 yang berperanan penting dalam memudah cara pemulihan PMKS dan bermatlamat untuk meningkatkan lagi pembangunan PMKS bagi jangka masa sederhana dan jangka masa panjang sehingga tahun 2030 adalah:



## Dasar Negara mengenai Industri 4.0 (Industry4WRD)



Sumber: Laporan Industry4WRD, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Industry4WRD mensasarkan untuk mentransformasi industri pembuatan Malaysia dan perkhidmatan yang berkaitan menjadi satu industri yang lebih pintar, lebih sistematis dan berdaya tahan. Penilaian Kesediaan (Readiness Assessment, RA) Industry4WRD menilai keupayaan dan kesediaan PKS untuk menerapkan teknologi dan proses IR 4.0, mengenal pasti jurang dan bidang untuk penambahbaikan serta membangunkan strategi dan pelan yang boleh dilaksanakan bagi merapatkan jurang tersebut.

Kerajaan menyediakan pembiayaan penuh kepada PKS yang berkelayakan untuk menjalani RA, manakala firma lain boleh mendapatkan potongan cukai sekali ber sehingga RM27,000 bagi melaksanakannya. Setelah RA dilaksanakan, firma akan menerima laporan komprehensif mengenai tahap kesediaan mereka berhubung pembangunan modal insan, proses dan teknologi serta pelan intervensi strategik. Sebanyak 1,056 PKS telah mengambil bahagian dalam program RA sejak tahun 2019.

Kerajaan telah meluluskan peruntukan siling sebanyak RM100 juta untuk Industry4WRD-RA dan Dana Intervensi di bawah RMKe-12. Peruntukan sebanyak RM14 juta telah disediakan untuk Industry4WRD-RA bagi tempoh 2021 - 2025.

## DANA INTERVENSI

Dana Intervensi Industry4WRD merupakan kemudahan sokongan kewangan yang direka bagi membantu PKS dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan untuk membuat lonjakan kepada IR 4.0. Semua PKS yang telah melengkapkan program Industry4WRD-RA layak untuk menerima pembiayaan tersebut. Pendanaan disediakan melalui geran padanan 70:30 berdasarkan perbelanjaan yang layak sehingga maksimum RM500,000.

Dana tersebut menerima 355 permohonan pada tahun 2021, dengan 187 syarikat yang diluluskan telah menerima geran berjumlah RM66 juta. Dana ini akan terus dilaksanakan sepanjang tempoh RMKe-12 dengan peruntukan siling sebanyak RM86 juta dan petunjuk prestasi utama dengan kadar kelulusan minimum sebanyak 172 PKS.

Program ini direka bagi memacu firma mencapai keupayaan seperti berikut:

- penyampaian yang lebih cepat (masa yang lebih singkat daripada pembentukan idea kepada pengeluaran);
- kualiti produk yang lebih tinggi dengan kurang kerosakan (kawalan kualiti yang lebih baik dengan pengurangan pemeriksaan secara manual);
- fleksibiliti yang lebih besar (penyesuaian terhadap perubahan dan keupayaan yang lebih besar untuk berinovasi);
- pengoptimuman proses melalui sistem bersepada yang lebih baik dan kecekapan yang lebih tinggi; dan
- daya saing yang lebih tinggi.

**Dana tersebut menerima 355 permohonan pada tahun 2021, dengan 187 syarikat yang diluluskan telah menerima geran berjumlah RM66 juta**

## PROGRAM IMUNISASI INDUSTRI COVID-19 KERJASAMA AWAM-SWASTA (PIKAS)

Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) merupakan sebahagian daripada Fasa 4 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bagi mempercepat pemvaksinan untuk rakyat Malaysia. PIKAS menasarkan untuk meningkatkan pengambilan vaksin untuk pekerja dalam subsektor pembuatan kritikal dalam rantai bekalan seperti elektrik & elektronik, pemprosesan makanan, besi & keluli, peranti perubatan, peralatan perlindungan peribadi, minyak & gas dan produk getah termasuk pembuatan sarung tangan perubatan, bagi mengurangkan kluster COVID-19 di tempat kerja dan seterusnya membantu mempercepat pemulihan ekonomi Malaysia.

PIKAS beroperasi di bawah dua model iaitu pemvaksinan di pusat vaksinasi kegunaan awam dan tapak kerja di premis kilang atau lokasi yang diluluskan dan dikenal pasti oleh syarikat. Pekerja syarikat yang berdaftar di bawah PIKAS telah divaksin secara percuma, namun majikan dikehendaki membayar kos pentadbiran vaksin sebanyak RM45 untuk satu dos bagi setiap pekerja. Berdasarkan kos ini, RM15 adalah untuk menampung kos



pentadbiran vaksin yang perlu dibayar kepada ProtectHealth, sebuah entiti bukan berasaskan keuntungan di bawah Kementerian Kesihatan, perkhidmatan pengamal perubatan & jururawat dan pengurusan logistik untuk vaksin. Sementara itu, RM30 adalah untuk pengurusan pusat pemvaksinan, pelupusan sisa perubatan, ambulans, keselamatan dan perkhidmatan berkaitan yang lain. Syarikat yang memilih model di tapak kerja membayar RM15 untuk setiap satu dos bagi setiap pekerja dan juga dikehendaki menyediakan pusat pemvaksinan dalam premis kilang mereka atau di lokasi yang diluluskan.

Bagi menggalakkan majikan mendaftarkan pekerja mereka di bawah PIKAS, Kerajaan pada 28 Jun 2021 telah memperuntukkan RM150 juta di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) bagi menyediakan insentif berikut:

 Majikan yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) boleh menggunakan sehingga 10.0% daripada baki levi semasa mereka untuk membayar kos pentadbiran vaksin.

 Potongan cukai untuk majikan ke atas perbelanjaan, termasuk kos peralatan dan perkhidmatan untuk menyediakan pusat pemvaksinan di tapak kerja. Tambahan juga, potongan cukai turut diperluas kepada sumbangan yang dibuat melalui projek komuniti atau kebajikan untuk pemvaksinan.

 Syarikat akan diberi pertimbangan untuk beroperasi pada kapasiti penuh apabila semua pekerja telah divaksin sepenuhnya (telah menerima dua dos vaksin).

Sepanjang program ini, seramai 1,005,128 pekerja telah divaksin di antara pelancarannya pada 16 Jun 2021 dan sehingga program berakhir pada 31 Oktober 2021. Daripada jumlah tersebut, seramai 962,382 orang telah divaksin sepenuhnya.

## RANGKA KERJA PELESTARIAN PLASTIK MALAYSIA (MALAYSIA PLASTIC SUSTAINABILITY ROADMAP, MPSR) 2021 - 2030

Sejak bermulanya pandemik ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program yang bertujuan untuk menangani keperluan PMKS. Matlamat amnya adalah untuk menyediakan sokongan dan dana kepada pemilik perniagaan dalam masa terdekat. Pandemik ini juga telah memaksa banyak perniagaan untuk memikirkan semula bagaimana mereka mengukur kejayaan dan prestasi perniagaan mereka. Sebelum COVID-19, kebanyakan perniagaan memberi tumpuan yang lebih kepada pengurusan keuntungan dan pertumbuhan. Pandemik ini telah mengajar kepentingan kebolehsuaian, daya tahan dan kemampuan memandangkan aspek berkenaan adalah sangat kritikal dalam perniagaan. Prospek pemulihan bergantung pada aspek ini. Selari dengan ini, MPSR 2021 - 2030 telah dibangunkan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) untuk membantu perniagaan dalam usaha mereka ke arah kelestarian.

MPSR 2021 - 2030, yang dilancarkan pada 10 Disember 2021, melengkapkan Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018 - 2030 yang bermatlamat untuk mengurangkan kesan plastik sekali guna terhadap alam sekitar. Rangka kerja ini mengambil pendekatan berfasa dan menyeluruh untuk memacu agenda negara bagi ekonomi plastik yang lestari berdasarkan prinsip kitaran.

Ekonomi kitaran bagi plastik bertujuan untuk mengurangkan sisa dan pencemaran, dengan plastik pada akhir kitaran hayat akan diguna semula, dikitar semula atau dilupuskan dengan cara yang bersih dan selamat seterusnya dikembalikan semula ke alam semula jadi sekiranya terdapat kebocoran dalam sistem pengumpulan. Pendekatan sedemikian bukan sahaja memberi manfaat kepada persekitaran dan kesihatan awam tetapi juga merangsang inovasi bahan dan proses.

Rangka kerja tersebut menggariskan strategi dan pelan tindakan, termasuk dasar, peraturan, teknologi, penyelidikan & pembangunan serta pembiayaan bagi plastik daripada pengeluaran sehingga ke rawatan akhir hayat (*end-of-life treatment*), dengan matlamat untuk mencapai tahap kitaran plastik yang lebih tinggi di Malaysia.

Perkara yang ingin dicapai adalah peralihan keseluruhan rantaian nilai plastik daripada ekosistem linear kepada kitaran, termasuk inovasi reka bentuk, usahasama rantaian bekalan, industri kitar semula bernilai tinggi, kecekapan sumber serta kebertanggungjawaban pengeluar dan pemilik jenama dalam mengurus kesan akhir hayat produk mereka.

Matlamat yang ditetapkan untuk setiap tahun sasaran adalah:

Menjelang tahun 2022, plastik sekali guna - senarainya yang berdasarkan kriteria khusus akan dimansuhkan secara berperingkat dan piawaian pascapengguna polietilena trefatalat kitar semula (rPET) halal akan digunakan

Menjelang tahun 2025, 25.0% daripada pembungkusan plastik terpakai akan dikitar semula

Menjelang tahun 2030, 100.0% pembungkusan plastik akan boleh dikitar semula; purata 15.0% kandungan kitar semula akan digunakan sebagai bahan input dalam pembuatan plastik; dan purata kadar terkumpul untuk kitaran semula ialah 76.0%.

Salah satu strategi rangka kerja ini adalah skim Peluasan Tanggungjawab Pengeluar (*Extended Producer Responsibility, EPR*), dengan pengeluar bertanggungjawab untuk memulih dan mengurus sisa pascapengguna mereka. EPR akan dilaksanakan secara berperingkat daripada jangkauan sehingga penerapan skim EPR secara sukarela dalam kalangan pemain industri bermula tahun 2022 sehingga 2025. Perkara ini akan disusuli dengan pengenalan mengenai skim EPR mandatori menjelang tahun 2026 yang akan dikukuhkan dengan rangka kerja undang-undang bagi memastikan kebolehlaksanaannya dan kemudahan pemantauan.

Syarikat multinasional dan PMKS boleh menyumbang dalam merealisasikan visi rangka kerja ini bagi mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan perlindungan persekitaran, dengan membentuk model perniagaan lestari dan inklusif yang sesuai dengan keperluan rantaian bekalan global serta melalui:

-  Menyesuaikan dan menerap agenda kelestarian dalam model perniagaan mereka seperti EPR dan menambah baik reka bentuk kelestarian serta membangunkan pelan pelaksanaan EPR PMKS khusus yang seajar dengan ekosistem dan kesediaan PMKS;
-  Memperkasa sektor tidak formal dalam ekosistem PMKS; dan
-  Menyertai program latihan ekonomi kitaran yang bakal dilancarkan pada tahun 2023, yang kini sedang dibangunkan oleh KASA.

Kitar semula dan inovasi ekonomi kitaran yang lebih meluas sering disalah erti dan tidak dianggap sebagai berpotensi untuk dilabur oleh institusi kewangan. Campur tangan Kerajaan akan membantu memudah cara pembiayaan dan membolehkan PMKS berinovatif untuk berkembang dan menyumbang ke arah pengitaran plastik dan perniagaan yang lestari.

## Artikel Khas

# Inisiatif Pemulihan pada Tahun 2021 dan 2022

### PELAN PEMULIHAN NEGARA



#### BERDASARKAN TIGA PETUNJUK

##### PURATA BILANGAN

kes harian COVID-19 menunjukkan penurunan

##### KEUPAYAAN SISTEM KESIHATAN AWAM

seperti yang ditetapkan oleh penggunaan katil ICU

##### LIPUTAN IMUNISASI

dengan 2 dos vaksin

## FASA 1

Jun 2021

#### Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh dilaksanakan

- Susulan bilangan kes yang tinggi dilaporkan
- Sistem kesihatan awam berada pada tahap kritis
- Liputan imunisasi yang rendah

#### Peralihan daripada Fasa 1 bermula apabila:

- Bilangan kes menurun di bawah 4,000
- Sistem kesihatan awam tidak lagi berada di bawah tekanan ketara / penggunaan katil ICU yang berkurangan
- 10.0%** daripada populasi mendapat imunisasi

Sekatan pergerakan & sekatan aktiviti sosial berterusan

#### Sektor ekonomi:

- Pembukaan berperingkat & hanya 80.0% kakitangan dibenarkan bekerja
- Contoh aktiviti yang dibenarkan:
  - Pengeluaran simen
  - Peruncitan elektronik & komputer

Dianggarkan pada Julai & Ogos 2021

## FASA 2

- Contoh aktiviti yang dilarang:
  - Pembuatan tekstil
  - Peruncitan perabot

## FASA 3

Dianggarkan pada September & Oktober 2021

- Terdapat ruang untuk dipertimbangkan semula jika pekerja telah divaksin
- Aktiviti dengan risiko jangkitan tinggi (cth. di pub, spa, salun kecantikan) **MASIH DILARANG**
- Sekatan akan ditarik secara beransur-ansur untuk aktiviti sosial, pendidikan & sukan
- Parlimen akan dibenarkan bersidang semula**

- Peralihan daripada Fasa 3 bermula apabila:**
- Bilangan kes menurun di bawah 500
  - Tiada tanda tekanan ke atas sistem kesihatan awam
  - 60.0%** daripada populasi mendapat imunisasi / keimunan kelompok dicapai

Dianggarkan pada November & Disember 2021

## FASA 4

- Sebauh sektor ekonomi dibuka semula
- Lebih banyak aktiviti sosial dibenarkan
- Pelancongan dalam negeri dibenarkan dengan pematuhan ketat kepada SOP
- Perjalanan rentas negeri dibenarkan**

Pelan Pemulihan Negara (PPN) merupakan pelan empat fasa untuk melonggarkan sekatan dengan berhati-hati dan selamat, bergantung kepada pemvaksinan populasi. Melalui PPN, Kerajaan berhasrat untuk melonggarkan sekatan dengan mencapai lima objektif untuk melindungi nyawa dan kesejahteraan bagi:

- i. melindungi kesihatan awam dengan menguruskan penularan, meminimumkan kemasukan ke hospital dan kematian;
- ii. memastikan sistem penjagaan kesihatan dapat bertahan dengan cara yang mampan;
- iii. melaksanakan pemvaksinan secepat mungkin untuk melindungi Rakyat;
- iv. membuka semula masyarakat dan ekonomi seadil dan secepat mungkin; dan
- v. bersikap responsif dan fleksibel dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran yang berkembang.

PPN membentangkan garis panduan untuk setiap fasa, serta tiga paras ambang yang menunjukkan peralihan fasa boleh dipertimbangkan. Garis panduan tersebut terdiri daripada empat bidang tumpuan iaitu:

- Memperkuuh Respons Penjagaan Kesihatan terhadap Pandemik
- Imunisasi Rakyat
- Menyokong Rakyat dan Perniagaan
- Bergerak ke arah Kehidupan Normal Selanjutnya

Perniagaan telah terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Bermula daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama pada Mac 2020, banyak perniagaan terpaksa menutup operasi perniagaan. Penutupan ini membawa kepada kerugian besar dalam hasil pendapatan, seterusnya memberi kesan kepada keupayaan perniagaan untuk membayar pekerja, pinjaman, sewa dan bil-bil lain. Bagi menangani cabaran ini, Kerajaan menyediakan pelbagai program bantuan kepada perniagaan dan pekerja.

## PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI TAHUN 2021 DAN BAJET 2022

Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM75.8 bilion khusus untuk membantu PMKS secara langsung dan tidak langsung melalui pelbagai pakej rangsangan ekonomi pada tahun 2021 dan Bajet 2022. Pelaksanaan inisiatif dan program ini akan dapat membantu PMKS dalam mengurangkankekangan aliran tunai dan meningkatkan daya tahan perniagaan dan membolehkan mereka pulih secara beransur-ansur, selari dengan ramalan pertumbuhan ekonomi.

Pakej Rangsangan Ekonomi pada tahun 2021 terdiri daripada Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), PEMERKASA+ dan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

## PERMAI - RM4.5 BILION

Inisiatif utama termasuk:

### Akses kepada Pembiayaan (RM1.7 bilion)

- RM1 bilion untuk kemudahan jaminan melalui Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) untuk memperkenalkan Skim Rehabilitasi Sewa Beli Bas dan Teksi
- RM650 juta untuk Geran Khas Prihatin PERMAI
- RM66 juta diperuntukkan untuk pemandu pelancong, pemandu teksi, bas sekolah, bas pelancongan, kereta sewa dan kenderaan e-panggilan dengan bantuan kewangan sekali beri (one-off) sebanyak RM500
- Memperluas jumlah pembiayaan dan skop Skim Jaminan PRIHATIN Danajamin
- Sambungan Program MARA PRIHATIN: Peace of Mind 2.0

### **Pembangunan Modal Insan (RM1 bilion)**

- RM1 bilion untuk Program Subsidi Upah 3.0 yang dipertingkatkan di bawah PERKESO dengan semua majikan yang beroperasi di negeri-negeri PKP layak memohon, tanpa mengira sektor
- RM24 juta diperuntukkan untuk membiayai caruman penuh di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri PERKESO
- Melonggarkan syarat Sistem Insurans Pekerjaan atau SIP PRIHATIN

### **Meningkatkan Pendigitalan, Teknologi dan Inovasi (RM500 juta)**

- Kemudahan RM500 juta untuk inisiatif data percuma 1GB akan dilanjutkan sehingga 30 April 2021
- Pengecualian cukai untuk komputer, telefon bimbit dan tablet bernilai di bawah RM2,500 dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021.

### **Pembangunan Perusahaan Mikro (RM1 bilion)**

- Kemudahan kredit mikro RM1 bilion termasuk pinjaman mudah berjumlah RM390 juta oleh Bank Simpanan Nasional, RM350 juta oleh Agrobank dan RM295 juta oleh TEKUN

### **Akses kepada Pasaran (RM300 juta)**

- RM300 juta untuk mempercepat pelaksanaan Kempen e-Dagang Perusahaan Mikro dan PKS serta Kempen Shop Malaysia Online

## **PEMERKASA - RM8.6 BILION**

Inisiatif utama termasuk:

### **Akses kepada Pembiayaan (RM2.1 bilion)**

- RM2 bilion untuk Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar oleh Bank Negara Malaysia (BNM)
- RM50 juta di bawah SME Corp. Malaysia untuk pembiayaan bernilai sehingga RM250,000 pada kadar faedah 3.0%
- Geran padanan RM50 juta untuk membangunkan industri aeroangkasa dan peranti perubatan
- RM26 juta untuk kenaikan Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya daripada RM1,200 kepada RM1,500 setiap bulan
- Peruntukan RM10 juta dalam bentuk geran 70.0% di bawah PERKESO untuk usahawan wanita dan wanita bekerja sendiri
- Had pengumpulan dana untuk pembiayaan alternatif meningkat daripada RM10 juta kepada RM20 juta dan pendanaan ramai berdasarkan ekuiti akan diperluas kepada syarikat berhad tidak tersenari.
- Penubuhan Dana Amanah MySDG sebagai platform yang membolehkan pembiayaan daripada pelbagai sumber untuk membiayai projek yang memenuhi kriteria SDG
- Pelancaran Sukuk Lestari berjumlah tidak kurang daripada USD1 bilion
- Meningkatkan paras ambang keberhutangan daripada RM10,000 kepada RM50,000 untuk mengelakkan syarikat daripada menghadapi tindakan penggulungan (*winding up action*) oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

### **Pembangunan Perusahaan Mikro (RM1.5 bilion)**

- RM1 bilion untuk bantuan sekali beri (*one-off*) sebanyak RM1,000 untuk memanfaatkan kira-kira satu juta perusahaan mikro dan PKS di bawah Geran Khas Prihatin atau GKP 3.0
- RM450 juta dana tambahan untuk kemudahan pembiayaan kredit mikro melalui program di bawah BSN, TEKUN dan MARA
- RM50 juta untuk Skim Pembiayaan Mikro PEMERKASA-NITA di bawah BSN bagi menggalakkan usahawan wanita menceburi bidang perniagaan

- RM25 juta untuk Skim Mikrokredit ISTIMEWA di bawah BSN untuk orang kurang upaya menceburkan diri dalam perniagaan dengan had pembiayaan sehingga RM50,000 pada kadar faedah serendah 3.0%
- Skim Pembiayaan Mikro PEMERKASA-BELIA di bawah BSN untuk belia menceburti bidang perniagaan dengan pembiayaan sehingga RM50,000 pada kadar faedah serendah 3.0%
- RM15 juta untuk Geran Bantuan Khas sekali beri sebanyak RM3,000 untuk lebih daripada 5,000 agensi pelancongan yang berdaftar dengan MOTAC
- Bantuan tunai sekali beri sebanyak RM600 untuk pengusaha inap desa (*homestay*) yang berdaftar dengan MOTAC

#### **Meningkatkan Pendigitalan, Teknologi dan Inovasi (RM1.2 bilion)**

- RM700 juta untuk Kemudahan Automasi dan Pendigitalan oleh BNM
- Pembiayaan RM200 juta untuk pembangunan automasi, pendigitalan dan penggunaan teknologi hijau di bawah MIDF, dengan pengurangan kadar faedah pinjaman daripada 5.0% kepada 3.0% bagi tempoh 12 bulan bermula 1 April 2021
- Pinjaman mudah RM200 juta akan disediakan untuk membiayai pembelian mesin dengan geran insentif sehingga 20.0% ke atas nilai mesin di bawah SME Bank
- RM50 juta akan disediakan untuk Geran Automasi Pintar di bawah MIDA untuk PKS dan syarikat tahap pertengahan (*mid-tier*) bagi meningkatkan kecekapan operasi dan pembuatan
- RM50 juta akan disediakan untuk program Industry4WRD bagi menyokong IR 4.0 di bawah MITI

#### **Pembangunan Modal Insan (RM1 bilion)**

- RM700 juta untuk lanjutan Program Subsidi Upah 3.0 di bawah PERKESO selama tiga bulan lagi kepada sektor bersasar terutamanya pelancongan, borong & runcit dan sektor lain yang ditutup semasa PKP contoh gim & spa, pusat sukan
- RM300 juta akan diperuntukkan di bawah PERKESO untuk Penjana Kerjaya 2.0 dengan memperluas skop insentif pengambilan termasuk pekerjaan sementara dan pekerjaan gig
- RM10 juta diperuntukkan untuk Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar di bawah KPKT bagi menggalakkan penyertaan belia bandar dalam projek keusahawanan

#### **Akses kepada Pasaran (RM50 juta)**

- RM30 juta diperuntukkan untuk usahawan wanita melalui Kempen e-Dagang Perusahaan Mikro dan PKS dan Kempen *Shop Malaysia Online*
- RM20 juta diperuntukkan kepada KPWKM untuk membantu keusahawanan dalam kalangan orang kurang upaya dan warga emas untuk memasarkan produk membuat roti dan kraftangan mereka

#### **Pembangunan PKS Bumiputera (RM60 juta)**

- RM50 juta untuk Skim Pembiayaan Perniagaan Mikro PRIHATIN di bawah MARA untuk membantu perusahaan mikro Bumiputera, dengan jumlah pembiayaan maksimum RM50,000 pada kadar faedah serendah 3.0%
- RM10 juta untuk program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) bagi melahirkan seramai 250 usahawan belia Bumiputera baharu

#### **Langkah Lain (RM2.6 bilion)**

- Peruntukan tambahan RM2.5 bilion untuk projek berskala kecil pada tahun 2021 (daripada RM2.5 bilion)
- Peruntukan RM135 juta untuk lanjutan tiga bulan sehingga 30 Jun 2021 dengan 10.0% diskaun istimewa ke atas bil elektrik untuk mengurangkan kos perniagaan

## PEMERKASA+ - RM4.1 BILION

Inisiatif utama termasuk:

### Akses kepada Pembiayaan (RM2 bilion)

- RM2 bilion untuk Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF) dengan kadar faedah 3.5% untuk PKS yang terjejas oleh BNM

### Pembangunan Modal Insan (RM1.5 bilion)

- RM1.5 bilion untuk sebulan lanjutan bagi Program Subsidi Upah di bawah PERKESO terhadap semua sektor ekonomi yang terjejas, dengan had 500 pekerja bagi setiap permohonan
- Pekerja boleh meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka secara percuma melalui portal e-Latih yang menawarkan 400 modul dan kursus kemahiran

### Pembangunan Perusahaan Mikro (RM0.6 bilion)

- RM500 juta untuk tambahan RM500 kepada hampir satu juta PKS dan perusahaan mikro di bawah Geran Khas Prihatin (GKP), sekaligus menjadikan jumlah keseluruhan RM1,500 setiap perniagaan
- RM68 juta untuk bantuan sekali beri sebanyak RM500 kepada pemandu pelancong, pemandu teksi, pemandu bas dan pemandu carter & e-panggilan akan disalurkan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) pada Julai 2021

## PEMULIH - RM8.7 BILION

Inisiatif utama termasuk:

### Pembangunan Modal Insan (RM3.9 bilion)

- RM3.8 bilion untuk Program Subsidi Upah 4.0 di bawah PERKESO dengan majikan yang layak akan menerima subsidi upah sebanyak RM600 untuk tempoh empat bulan bagi setiap pekerja (sehingga 500 pekerja) tanpa syarat had gaji ditetapkan dan majikan boleh memohon pekerja yang berpendapatan melebihi RM4,000 / bulan
- Lanjutan program PenjanaKerjaya 3.0
- RM125 juta untuk inisiatif Place and Train khususnya untuk graduan dan belia

### Pembangunan Perusahaan Mikro (RM2.2 bilion)

- RM1.1 bilion dana tambahan untuk kemudahan pembiayaan kredit mikro melalui program di bawah BSN, Agrobank dan TEKUN
- RM 1 bilion untuk Geran Khas Prihatin 4.0 (GKP 4.0)
- RM37.2 juta untuk Bantuan Khas Taska
- RM30 juta untuk orang kurang upaya yang kehilangan pekerjaan atau menganggur dan bukan penerima Elaun Pekerja Kurang Upaya pada kadar RM500 seorang selama tiga bulan
- RM20 juta untuk Program Jaringan Inisiatif Umum

### Akses kepada Pembiayaan (RM2.1 bilion)

- RM2 bilion bantuan kewangan tambahan di bawah dana BNM untuk PKS
- Kemudahan pembiayaan RM100 juta dan bantuan kewangan untuk menyokong artis
- RM20 juta untuk program Dana Intervensi Pemulihian Ekonomi Koperasi dengan usahawan secara kolektif melalui koperasi boleh menjalankan aktiviti ekonomi

- RM15.9 juta untuk bantuan tunai sekali beri sebanyak RM3,000 kepada lebih daripada 5,300 agensi pelancongan berdaftar selepas beralih ke fasa ketiga Pelan Pemulihan Negara
- Program moratorium pinjaman tiga bulan atau penjadualan semula pembiayaan dengan melanjutkan tempoh pembiayaan sehingga 36 bulan untuk usahawan MARA
- Moratorium pinjaman enam bulan untuk B40, M40, T20 dan perusahaan mikro secara automatik apabila memohon manakala PKS yang terjejas adalah tertakluk kepada semakan dan kelulusan bank
- Meningkatkan had skim jaminan Kerajaan sebanyak RM20 bilion di bawah SJPP daripada RM36.5 bilion kepada RM56.5 bilion

#### **Meningkatkan Pendigitalan, Teknologi dan Inovasi (RM300 juta)**

- RM300 juta untuk Program Pemerkasaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK), dengan RM200 juta untuk perusahaan mikro dan RM100 juta untuk PKS

#### **Langkah Lain (RM150 juta)**

- RM150 juta diperuntukkan untuk pelaksanaan PIKAS dan meringankan kos syarikat

## **BAJET 2022 - RM49.9 BILION**

Bertemakan ‘Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera’, Bajet 2022 memberi tumpuan kepada tiga tonggak utama iaitu Memperkuuh Pemulihan, Membina Daya Tahan dan Memacu Pembaharuan bagi mendorong aktiviti pemulihan sosioekonomi dan agenda pembangunan negara. Pada tahun 2022, sejumlah RM49.9 bilion telah diperuntukkan sama ada untuk memanfaatkan PKS secara eksklusif atau boleh diakses oleh PKS bersama-sama perniagaan lain. Antara inisiatif utama termasuk:

- Akses kepada Pembiayaan - RM20.4 bilion
- Pembangunan Modal Insan - RM10.1 bilion
- Pembangunan PMKS Bumiputera - RM7.2 bilion
- Pembangunan Sektor Pertanian - RM2.7 bilion
- Pembangunan Perusahaan Mikro - RM1.8 bilion
- Pembangunan Industri Pelancongan - RM1.5 bilion
- Meningkatkan Pendigitalan, Teknologi dan Inovasi - RM0.4 bilion
- Akses kepada Pasaran - RM0.3 bilion
- Pembangunan Usahawan Wanita - RM0.2 bilion
- Langkah-langkah lain berjumlah RM5.3 bilion seperti Jalinan GLC: Memperkasa PMKS, insentif untuk artis, Dana Bantuan Sementara Bas Henti-Henti, Skim Padanan Pinjaman Pelaburan bagi inisiatif Platform Animasi Negara dan lain-lain lagi.

Antara insentif cukai utama yang boleh dimanfaatkan oleh PMKS:

- Penangguhan bayaran ansuran cukai pendapatan untuk PMKS selama enam bulan sehingga 30 Jun 2022
- Semua perniagaan dibenarkan meminda anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar pada bulan ke-11 sebelum 31 Oktober 2022
- Potongan cukai khas kepada pemilik bangunan atau premis perniagaan yang memberi pengurangan sewa kepada penyewa sekurang-kurangnya 30.0% daripada kadar asal dilanjutkan sehingga Jun 2022
- Menyemak semula kerugian perniagaan terkumpul yang tidak dapat diserap boleh dibawa ke hadapan daripada tujuh tahun taksiran berturut-turut kepada maksimum sepuluh tahun taksiran berturut-turut

- Pelepasan cukai individu dan potongan cukai kepada majikan ke atas kos yang berkaitan dengan pengambilan vaksin penggalak yang dibiayai sendiri
- Melanjutkan potongan cukai dua kali kepada syarikat yang menyediakan biasiswa kepada pelajar di institusi pengajian tinggi
- Meningkatkan pelepasan cukai sehingga RM4,000 untuk pencarum KWSP untuk turut meliputi caruman sukarela seperti mereka yang bekerja sendiri dalam ekonomi gig
- Pelepasan cukai sehingga RM7,000 bagi mereka yang mengikuti kursus dengan badan profesional contohnya kursus profesional dalam perakaunan, kewangan dan berkaitan ESG
- Melanjutkan potongan cukai sehingga RM300,000 ke atas kos pengubahsuaian dan baik pulih premis perniagaan sehingga 31 Disember 2022
- Melanjutkan potongan cukai sehingga RM50,000 ke atas perbelanjaan sewaan premis penginapan pekerja bagi syarikat yang berdaftar di bawah Safe@Work sehingga 31 Disember 2022
- Pengecualian cukai ke atas semua pendapatan perusahaan sosial untuk tempoh sehingga tiga tahun taksiran tertakluk kepada tempoh sah Akreditasi Perusahaan Sosial daripada Jawatankuasa Bersama Akreditasi Yayasan Hasanah dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
- Mengenakan cukai jualan ke atas barang yang tidak melebihi RM500 dari luar negara yang dijual secara dalam talian oleh penjual dan dihantar kepada pengguna di Malaysia melalui perkhidmatan kurier udara
- Pengecualian cukai perkhidmatan kepada perkhidmatan penghantaran makanan & minuman dan perkhidmatan logistik
- Pengecualian duti setem untuk produk Perlindungan Tenang serta produk insurans atau takaful lain dengan nilai premium atau sumbangan tidak melebihi RM250 untuk PMKS
- Melanjutkan insentif cukai untuk Program Latihan Amali Berstruktur sehingga tahun penilaian 2025 dan insentif ini juga diperluaskan untuk pelajar di peringkat Ijazah Sarjana, Sijil Profesional dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 dan 2





Kisah  
Inspirasi

# Usaha Tangga Kejayaan

Izuwan bin Rabie, Pengarah Urusan dan pengasas bersama Thirst Asia Sdn. Bhd. yang berusia 29 tahun merupakan usahawan cemerlang pada tahun 2016. Beliau mempunyai idea untuk menjual susu kocak (milkshake) dan smoothie semasa teh mutiara (bubble tea) Taiwan sedang hangat di pasaran ketika itu. Namun, versi susu kocak miliknya yang dijenamakan sebagai Thirst Milkshake adalah berbeza daripada banchuan Amerika. Susu kocak buatannya disesuaikan dengan perisa tempatan untuk memenuhi cita rasa tempatan.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa) dari Universiti Teknologi MARA itu pernah bekerja di sebuah bank selama setahun selepas menamatkan pengajian sebelum bapanya meminta untuk membantu menguruskan perniagaan restoran keluarga. Beliau bekerja di restoran tersebut selama tiga tahun dan telah cuba mengubah budaya dan hala tuju perniagaan tetapi tidak berjaya kerana perniagaan itu dijalankan secara tradisional.

Izuwan berkata, "Saya ingin memulakan perniagaan saya sendiri, menjadi ketua sendiri. Saya juga mempunyai minat dalam penjenamaan. Ketika itu saya membuat keputusan untuk membuka perniagaan sendiri walaupun bermula dengan skala yang kecil".

Beliau memulakan perniagaan susu kocak dengan modal sebanyak RM3,000, mengubah suai sendiri trak makanan dan membuka Thirst Milkshake and Smoothies Bar di depan rumahnya di Jalan Astana, Petra Jaya. Pada tahun 2017, Izuwan menerima geran sebanyak RM15,000 selepas menyertai program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) anjuran SME Corp. Malaysia dan dari situ, beliau berpindah ke pusat bandar dengan membuka kiosk berhampiran kawasan Kuching Water Front. Thirst Milkshake and Smoothies Bar yang pertama telah tiba di Kuching.

Penghijrahannya ke bandar terbukti membawa nasib yang baik berikutan hasil jualan jenama susu kocak dan smoothie miliknya meningkat dengan ketara, dengan pilihan nama yang menarik seperti Smashing



Strawberry, Wonder Cendol, Vanilla Abdul, Syed Caramel, Horlick Freak dan Vanilla Apong menjadi semakin terkenal. Pada tahun yang sama, Izuwan dan Dg Amira Fitriyaani, pengasas bersama (kini isteri) telah memformalkan perniagaan mereka dan Thirst Asia Sdn. Bhd. ditubuhkan.

Seperti yang akan dihadapi oleh semua usahawan, peringkat awal perniagaan bukanlah suatu tempoh yang mudah. Izuwan berkata pada peringkat awal perniagaannya, "Amat sukar untuk mengembangkan perniagaan dalam tempoh tiga tahun yang pertama. Banyak pengorbanan yang terpaksa dilakukan semata-mata untuk memastikan perniagaan terus berjalan. Saya tidak mengambil gaji dari tahun 2017 sehingga 2019 kerana saya meletakkan kembali 100% keuntungan ke dalam perniagaan".

Pada tahun 2019, beliau menerima tawaran yang sukar ditolak. "Putus beli-belah The Hills menawarkan kepada saya untuk membuka cawangan di sana. Sudah menjadi impian saya untuk mempunyai cawangan di pusat beli-belah dan apabila peluang itu datang, sudah pasti saya mengambilnya. Jualan meningkat dengan ketara di pusat beli-belah dan buat pertama kalinya, saya mampu memberi gaji kepada diri saya sendiri".



Dua tahun kemudian, Izuwan mendapat tawaran daripada sebuah pusat beli-belah yang lebih besar, Vivacity Megamall, untuk membuka cawangan di sana. Beliau membuka cawangan kedua di pusat beli-belah tersebut sebelum sekatan pergerakan kali kedua dilaksanakan sebulan selepas itu.

Mengimbas kembali, "Saya tidak pernah terfikir Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan dilaksanakan lagi selepas PKP yang pertama ditamatkan. Ini adalah mimpi ngeri buat saya kerana kami terpaksa menutup kedua-dua kiosk dan hanya boleh melakukan jualan secara dalam talian".

Walau bagaimanapun, Izuwan bukanlah seorang yang mudah berputus asa. Beliau memberi tumpuan kepada jualan secara dalam talian serta mendapatkan publisiti percuma untuk perniagaannya di media sosial dan di media arus perdana. Beliau turut menggalakkan pekerjaannya mempromosikan minuman kepada keluarga dan rakan-rakan dengan menawarkan komisen ke atas setiap jualan.

Beliau berterima kasih atas bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui pakej Geran Khas Prihatin 1.0 dan 2.0, bantuan oleh Kerajaan Negeri melalui program Bantuan Khas Sarawakku Sayang dan program TUBE Scale-up anjuran SME Corp. Malaysia, dengan semua program tersebut adalah sangat penting dalam membantu meneruskan perniagaannya.

Pandemik juga telah menjelaskan rancangan syarikat beliau. Izuwan menjelaskan, "Tempoh masa tersebut adalah tempoh yang paling sukar bagi kami semasa pandemik. Kami mengalami penurunan dan kerugian yang besar dalam jualan. Rancangan syarikat kami telah terganggu. Namun, saya mengambil masa yang sukar ini sebagai pengalaman untuk terus belajar. Sebagai seorang usahawan, saya perlu belajar untuk menempuh masa sukar dan sentiasa bersedia menghadapi apa jua cabaran yang mendarat".

Ditanya mengenai bagaimana beliau berjaya mempromosikan produknya, beliau menjelaskan, "Dalam era pendigitalan ini, kita tidak boleh melukannya tanpa media sosial kerana media sosial adalah platform terbaik untuk memasarkan perniagaan. Kami memanfaatkan pelbagai platform e-dagang sedia ada, seperti Grab Food dan Food Panda, untuk menggerakkan jualan serta menjalankan promosi



secara digital. Perniagaan kami mempunyai kewujudan yang berterusan di media sosial. Kami memastikan pelanggan tidak melupakan kami. Keadaan semasa telah menyedarkan saya betapa pentingnya perniagaan untuk mempunyai kehadiran dalam talian (*online presence*). Saya berharap untuk mempunyai kedai dalam talian tidak lama lagi supaya tidak bergantung sepenuhnya kepada kedai fizikal".

Sebagai sebahagian daripada rancangan kemampunan perniagaannya, beliau merancang untuk membuka cawangan ketiga yang juga akan berfungsi sebagai dapur pusat dan gudang. Penyediaan seperti itu katanya, "akan membolehkan saya membuka lebih banyak cawangan di sekitar Kuching. Saya juga bercadang untuk memfrancaiskan perniagaan saya bagi mengembangkannya ke seluruh Malaysia dan juga Asia Tenggara".

Nasihat Izuwan kepada bakal usahawan adalah untuk sentiasa memikirkan rancangan mereka dengan mendalam sebelum menceburi bidang perniagaan. "Untuk memulakan perniagaan, perkara pertama yang perlu dilakukan adalah mengenal pasti bakal pelanggan kita. Siapa yang akan membeli produk kita? Bagaimana kita menyesuaikan produk kita dengan pelanggan? Bagaimana kita meletakkan produk? Soalan-soalan ini merupakan soalan kritikal yang perlu kita tanyakan kepada diri sendiri sebelum perkara lain".

"Usahawan yang cemerlang juga harus mempunyai pengetahuan tentang pemasaran digital bukan hanya di Facebook atau Instagram. Mereka perlu membiasakan diri dengan semua platform, seperti YouTube, LinkedIn, Twitter dan Pinterest. Kerajaan boleh membantu dengan menaja program penggunaan platform ini untuk PMKS dalam membantu mereka menjadi lebih berdaya saing".

# Daripada Perunding IT kepada Petani Bandar

Apabila Ketua Pegawai Eksekutif Plant Cartridge Sdn. Bhd., Liang Chan Ning bekerja sebagai perunding IT untuk Kerajaan Papua New Guinea beberapa tahun lalu, sumber hasil segar dan berkualiti adalah sukar untuk diperoleh dan mahal. Pengalaman itulah yang akhirnya mendorong beliau untuk menukar kerjaya daripada perunding IT kepada petani bandar.

Beliau menjelaskan, "Saya pernah menjadi perunding IT dan bekerja dalam projek e-kerajaan selama lebih sedekad. Semasa bertugas di Papua New Guinea, saya mendapati amat sukar dan mahal untuk mendapatkan hasil yang segar dan berkualiti. Saya sedar bahawa projek e-kerajaan yang saya usahakan pada waktu itu terlalu mahal dan tidak begitu memberi manfaat kepada masyarakat yang kelaparan di luar sana. Perkara itu membuatkan saya berfikir untuk beralih kepada kerjaya yang lebih bermakna dalam bidang pertanian".

Liang bermula dengan menyertai sebuah syarikat sistem perladangan Australia yang membawa kepada tugas untuk menguruskan ladang perindustrian. Apabila majikannya mempunyai peluang perniagaan dalam membangunkan ladang perindustrian di Malaysia, Liang membuat keputusan untuk pulang ke tanah air dan bekerja dengannya. Namun, idea untuk membangunkan sistem pertanian bandar yang mampan dan tidak rumit masih mengganggu fikirannya.

"Pertanian industri," katanya, "adalah tidak mampan kerana memerlukan sumber yang besar. Saya sentiasa memikirkan bahawa pasti ada cara yang lebih baik untuk meningkatkan pengeluaran makanan tanpa perlu membersihkan kawasan tanah yang besar. Orang biasa perlu ada cara untuk menanam makanan mereka sendiri. Saya muahu membantu meningkatkan pengeluaran makanan yang mampan untuk meningkatkan keselamatan makanan (*food security*)". Semuanya datang secara tiba-tiba sewaktu Liang sedang menggunakan mesin pembancuh kopi. Jelas beliau, "Dengan penggunaan mesin kopi, anda boleh membuat pelbagai jenis kopi yang dibuat



oleh pembuat kopi (barista). Tidak perlu bersusah payah untuk menghasilkan kopi yang enak. Mengapa kita tidak boleh melakukan perkara yang sama dengan bercucuk tanam?"

Pada tahun 2015, Liang menuju ke perniagaan bersama rakan-rakannya yang mempunyai minat yang sama dengan latar belakang IT, sains pertanian, bioteknologi, kewangan dan reka bentuk produk dan menghabiskan masa selama dua tahun untuk mengkaji teknik yang berbeza, 'gagal berkali-kali, menghabiskan banyak wang dalam membuat prototaip dan ujian' sebelum akhirnya menghasilkan kit tumbesaran Plant Cartridge. Beliau berkata hampir RM1 juta telah dibelanjakan untuk membangunkan apa yang disifatkan sebagai 'kit tumbesaran tanpa tanah dengan hanya satu langkah (one-step, soil-less plug-and-grow kit) yang boleh digunakan oleh sesiapa sahaja mengikut arahan yang diberikan'. Rekaan itu telah memenangi Anugerah Pengkomersialan Malaysia 2019, dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM100,000.

Hari ini, Plant Cartridge, yang telah menerima status Koridor Raya Multimedia (status perintis untuk teknologi dan ciptaan) pada tahun 2016, beroperasi sebagai syarikat agritech tindanan penuh (*full-stack*) yang menggunakan pengetahuan daripada ciptaannya untuk pembangunan ladang teknologi canggih berskala industri bagi meningkatkan keselamatan makanan dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk penyelesaian merangkumi perkakasan, perisian dan proses dalam perladangan. Produknya juga telah dieksport ke Singapura, Thailand dan Filipina.

Liang berkata, "Kami mahu menyediakan penyelesaian dan teknologi yang efektif dari segi kos, mudah digunakan dan praktikal untuk pertanian moden dan mampan. Kami menceburi perniagaan ini kerana kami percaya akan kepentingan pertanian dan teknologi kami untuk memperkasakan petani dalam memodenkan amalan pertanian tradisional mereka dan meningkatkan keselamatan makanan".

Syarikat ini pada awalnya dibiayai sendiri oleh pengasas bersama manakala pembiayaan berikutnya datang daripada pelabur swasta dan modal teroka. Latihan disediakan melalui program MOSTI-Cradle Coach and Grow dan program MAGIC e@Stanford.

Mengimbang kembali peringkat awal perniagaan, Liang berkata, "Peringkat awal perniagaan adalah sukar, dengan waktu kerja yang panjang dan tekanan yang berterusan. Pembangunan produk perkakasan memerlukan modal yang besar, yang merupakan cabaran besar bagi syarikat peringkat permulaan seperti kami. Tambahan pula, dalam proses pertanian, ujian lapangan untuk mana-mana penyelesaian memerlukan tempoh ujian yang panjang mengikut kitaran tanaman. Ujian untuk tanaman boleh mengambil masa sehingga dua tahun dan melalui banyak kegagalan sebelum penyelesaian ditemui dan boleh dilaksanakan".

"Tempoh yang lama diambil untuk belajar daripada kegagalan, menimba pengalaman dan bersabar demi sebuah kejayaan. Kami berjaya melalui kesungguhan, kerja keras, matlamat yang satu dan pada asasnya kami juga adalah petani".

Syarikat ini telah terjejas teruk oleh pandemik, terutamanya semasa tempoh sekatan pergerakan. Tiada kerja pembangunan fizikal boleh dijalankan dan banyak pelaksanaan projek terpaksa ditangguhkan manakala gangguan dalam rantaian bekalan global telah mendorong kos ke 'tahap yang tidak dapat dibayangkan'. Liang bersyukur dengan pakej bantuan Kerajaan seperti Program Subsidi Upah yang telah



membantu mengelakkan pemberhentian pekerja dan terus mengekalkan pekerja dalam syarikat.

Mengenai rancangan masa depan syarikat, beliau berkata, "Kami akan meningkatkan usahasama dengan lebih ramai petani tempatan dan memanfaatkan pembukaan semula ekonomi dan sempadan antarabangsa dalam merebut peluang untuk berkembang di dalam dan luar negara. Tumpuan Kerajaan kepada IR 4.0 dan pertanian pintar juga akan menggalakkan petani tempatan untuk menerapkan penyelesaian dan teknologi kami".

Walau bagaimanapun, syarikat masih berdepan dengan beberapa halangan seperti kekurangan proses piawaian untuk memajak tanah dalam pertanian serta kekurangan pekerja yang berpengetahuan dan kesedaran tentang kepentingan pertanian lestari.

Liang menjelaskan, "Kami memerlukan tanah untuk melatih generasi baharu atau pakar pertanian yang cekik teknologi. Kerajaan boleh membantu dalam perkara ini dengan mengurangkan birokrasi dalam permohonan tanah. Bantuan Kerajaan juga diperlukan untuk meningkatkan lagi kesedaran tentang teknologi pertanian baharu. Berdasarkan pengalaman kami dengan graduan yang bekerja dengan kami, ramai yang kurang berpengetahuan dalam teknologi. Kami memerlukan bantuan Kerajaan untuk membantu mewujudkan kumpulan petani yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan".

Tambahnya, Kerajaan boleh menyediakan mekanisme pembiayaan yang lebih teguh dan fleksibel untuk syarikat membina semula modal kerja bagi membolehkan mereka kekal beroperasi sehingga ekonomi kembali pulih.

Liang percaya bahawa prospek pertanian adalah cerah memandangkan lebih ramai yang akan tertarik dengan adanya teknologi bagi menangani penglibatan kerja-kerja yang kecil dan membosankan.

# Menuju ke arah Automasi Rumah Pintar



Rumah pintar berasaskan *Internet of Things* (IoT) membolehkan pemiliknya mengawal peranti dari jauh melalui telefon pintar atau tablet. Walaupun belum diterima secara meluas pada masa ini, pasaran automasi rumah pintar dalam negeri dijangka akan berkembang seiring dengan taraf dan kualiti hidup yang lebih tinggi. BN Networks Sdn. Bhd., sebuah firma teknologi hartanah (*prop-tech*), telah berada dalam pasaran ini.

Syarikat ini membangunkan, mengeluarkan dan menyediakan penyelesaian IoT dari hujung ke hujung, termasuk automasi, kawalan iklim, keselamatan, hiburan, pengurusan tenaga dan pengawasan untuk kediaman persendirian dan komersial.

Ketua Pegawai Eksekutif dan pengasas bersama BN Networks, Tharma Maindran K. Gannasin (Tharma), 42, seorang usahawan dan Ahli Teknologi Profesional dengan MBA, telah terlibat dalam reka bentuk, pembangunan dan pembuatan elektronik terbenam sehingga menyediakan sistem bersepadu untuk pemaju dan projek hartanah semasa pekerjaannya sebelum ini.

Beliau mengimbas kembali, "Dalam sepuluh tahun yang lalu, pasaran sistem rumah pintar sangat berbeza dengan apa yang ada pada hari ini. Sistem pada masa itu adalah bermilk yang hanya berfungsi dengan platform

mereka sendiri dan agak mahal. Sistem tersebut telah terdawai keras dengan peranti berkabel, pada era pre-cloud dan pra-IoT. Saya dan rakan sekerja telah menjangkakan bahawa sistem rumah pintar akan berbeza daripada yang sedia ada tetapi majikan semasa kami bekerja ketika itu tidak menerima".

Tharma berkata apa yang beliau mahukan adalah untuk menyelesaikan masalah utama dalam pasaran dan menyediakan penyelesaian yang fleksibel dan lebih bijak untuk pelanggan dengan platform universal dan bukannya ekosistem tertutup.

Beliau menambah, "Apabila idea kami berkembang daripada konsep kepada prototaip dan kemudiannya kepada penyelesaian yang berdaya maju secara komersial, saya dan juga pengasas bersama nampak potensi tersebut. Ketika itulah kami membuat keputusan untuk memulakan perniagaan ini. Syarikat kami, BN Networks, akan menjadi penyedia penyelesaian rumah pintar yang menyediakan sistem tanpa wayar, berdasarkan teknologi terbuka dan boleh diskala dengan mudah".

BN Networks akhirnya mengeluarkan sistem bWave, penyelesaian IoT pertama yang dikomersialkan di Malaysia yang memberi kemenangan kepada pembangun sistem tersebut dengan pelbagai anugerah untuk kreativiti, inovasi dan kecemerlangan dalam ICT Malaysia.

Tharma menjelaskan, "bWave merupakan hab universal dan platform IoT yang bertindak sebagai pintu masuk yang menghubungkan dan mengawal peranti IoT melalui antara muka tunggal (*single interface*). Sistem tersebut memudahkan penerapan IoT dan pelaksanaan

terakhir dengan menyediakan perkhidmatan saling boleh kendali (*interoperability-as-a-service*). Berbanding mempunyai sepuluh aplikasi untuk mengawal sepuluh peranti yang berbeza, bWave, melalui telefon pintar atau tablet, menggabungkan semua peranti menjadi aplikasi khusus secara individu yang membawa setiap sudut rumah anda secara maya ke hujung jari anda”.

“Penyelesaian dan perkhidmatan tersebut telah berkembang daripada segmen rumah yang bersambung kepada bangunan dan komuniti pintar, hotel pintar dan wad pesakit pintar. Produk dan perkhidmatan kami adalah sesuai untuk pemaju harta tanah, syarikat telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan pemain industri hospitaliti yang ingin memanfaatkan penyelesaian IoT dengan masa yang minimum untuk dipasarkan. Kami telah membina ekosistem IoT yang membolehkan kami berkembang dengan mudah dan membantu perniagaan dalam melaporkan prestasi Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance, ESG*) mereka serta dalam mencapai mandat kelestarian”.

Syarikat ini mempunyai projek yang sedang berjalan untuk menggunakan penyelesaiannya kepada kira-kira 5,000 premis di Lembah Klang, Seremban dan Johor.

Melihat kembali tempoh awal perniagaan, Tharma berkata, “Pembentukan peringkat awal, pengesahan pasaran dan penambahbaikan produk sentiasa menjadi cabaran, terutamanya dalam industri berdasarkan perkakasan (*hardware-based industry*). Apabila anda menjalankan perniagaan sendiri, akan sentiasa ada keraguan sama ada keputusan yang betul telah dibuat. Akhirnya, apa yang membuatkan kami terus bertahan adalah naluri, kesungguhan dan ketabahan”.

Pembentukan awal BN Networks adalah melalui geran R&D produk yang disediakan oleh Dana Pembangunan Teknologi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi manakala pembentukan seterusnya bagi pengkomersialan diperoleh daripada PlaTCOM Ventures. Sejak itu, BN Networks telah menjalankan pengembangan perniagaan, pempelbagaian produk dan inovasi dengan pendapatan perniagaan serta pembentukan modal kerja daripada SME Bank.

Bagi memastikan kemampuan perniagaan, BN Networks sedang mengumpul dana pada tahun 2022 untuk menggaji lebih ramai tenaga kerja, meningkatkan belanjawan bagi pemasaran dan perhubungan awam serta mengembangkan jualan dalam semua segmen yang dikenal pasti. Perniagaan juga telah dipelbagaikan dengan aliran pendapatan dijangka daripada tiga saluran yang berbeza berbanding hanya satu.

Pada masa yang sama, syarikat ini juga telah mengenal pasti peluang baharu dan mewujudkan perkongsian serantau melalui usahasama perniagaan maya. Baru-baru ini, BN Networks telah memeterai Perjanjian Pembangunan Strategik dan Teknologi bersama syarikat Yanolia di Korea Selatan yang merupakan platform riadah global, untuk mengembangkan penyelesaian hotelnya ke pasaran Asia Tenggara. Tharma menambah bahawa BN Networks sedang mengembangkan langkah di tiga negara dan dijangka untuk meningkatkan lagi kewujudannya di Asia Tenggara menjelang tahun 2023.

Berhubung cabaran dalam tempoh pandemik, Tharma berkata, “Pandemik telah membawa kebaikan dan keburukan. Pandemik telah mengganggu rantaian bekalan elektronik global, menyebabkan masa pengurusan menjadi lebih lama dan melewatkkan penyiapan proses pembuatan. Sebaliknya, pandemik telah mempercepat penerapan automasi dan pendigitalan oleh perniagaan korporat dan komersial. Organisasi ini memperuntukkan belanjawan yang besar bagi penyelesaian pendigitalan dan automasi. Dengan kesedaran dan keinginan yang lebih tinggi untuk penyelesaian IoT, kami boleh menjangkakan pasaran akan berkembang”.

Kewangan BN Networks adalah satu lagi bidang yang terjejas tetapi syarikat ini berjaya mengekalkan operasi dengan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan seperti moratorium pinjaman perniagaan dan Program Subsidi Upah.

Menyentuh mengenai cara Kerajaan boleh membantu dalam pertumbuhan PMKS seperti BN Networks terutamanya semasa pandemik dan pascapandemik, Tharma berkata, “Dalam segmen perkakasan IT dan elektronik, kos menjalankan perniagaan adalah tinggi disebabkan oleh tarif kastam dan kos penghantaran. Kerajaan perlu mempertimbangkan untuk menurunkan tarif atau kos, atau sekurang-kurangnya mengurangkan impak kos ini memandangkan kos tersebut meningkatkan perbelanjaan operasi PMKS dan menjelaskan daya saing”.

Kepada mereka yang bercadang untuk menceburi bidang perniagaan seperti ini, Tharma menasihatkan, “Usahawan yang bercita-cita tinggi harus memberi tumpuan kepada dua elemen kritikal, iaitu pengesahan produk dan pelan perniagaan. Pengesahan produk memastikan bahawa apa yang kita tawarkan kepada pasaran dapat menangani masalah yang dihadapi oleh pengguna. Model perniagaan yang baik dapat membantu dalam memastikan kemampuan perniagaan”.

# Terbang Tinggi di Aeroangkasa

Terdapat banyak syarikat Malaysia ditubuhkan untuk menjadi sebahagian daripada rantai bekalan global aeroangkasa manakala sebahagiannya pula telah menjadikan kewujudan mereka dirasai sebagai syarikat sokongan dalam industri aeroangkasa tempatan. Micron Concept Aerostructures, suatu kehadiran baharu dalam industri, merupakan salah satu syarikat yang telah meninggalkan kesan dalam industri aeroangkasa tempatan.

Syarikat ini yang telah ditubuhkan pada tahun 2016, merupakan sebahagian daripada kumpulan syarikat Micron Concept yang pertama kali memulakan perniagaan di separuh lot kedai sebagai pangkalannya di Klang, Selangor, pada tahun 1999.

Ketua Pegawai Eksekutif Micron Concept Aerostructures, Lim Vee Hong berkata, "Syarikat pertama di bawah kumpulan ini ditubuhkan pada tahun 1999 sebagai sebuah syarikat pemesinan dan pemasangan kejutan. Setelah beberapa tahun, kami mengembangkan sayap ke dalam automasi, minyak & gas dan kemudiannya aeroangkasa pada tahun 2005 apabila kami mula mengeluarkan komponen untuk sebuah syarikat aeroangkasa. Pada tahun 2011, kami membuat keputusan untuk mencebur

industri ini dengan penubuhan sel aeroangkasa. Kami memperoleh pensijilan AS9100 pada tahun 2013. Micron Concept Aerostructures telah ditubuhkan bagi memberi tumpuan terhadap pembuatan komponen penggerakan, dalaman dan struktur aero untuk industri aeroangkasa".

Ditanya mengenai mengapa beliau membuat keputusan untuk mencebur industri khusus dengan piawaian yang ketat dan tidak berkompromi, beliau berkata, "Saya sentiasa mahu menyahut cabaran kerana saya gembira melihat visi saya berjaya. Memang sukar menjadi seorang usahawan tetapi ia sangat menggembirakan dan memuaskan apabila melihat perniagaan itu berkembang, dari dahulunya hanya sekadar idea kini menjadi kenyataan".

Lim menambah, "Halangan untuk memasuki industri aeroangkasa adalah tinggi dan adalah penting untuk melakukan kajian menyeluruh terhadap industri sebelum menceburinya. Ia juga adalah penting untuk mempunyai model perniagaan yang mampan serta mempunyai produk atau perkhidmatan yang unik untuk ditawarkan kepada industri".

Salah satu cabaran yang dihadapi oleh syarikat, terutamanya pada peringkat awal, adalah dalam pengambilan pekerja. Lim menjelaskan, "Aeroangkasa adalah salah satu industri terkemuka yang menerapkan teknologi IR 4.0. Saya percaya industri ini telah menjana lebih daripada 25,000 pekerjaan mahir,



dengan penduduk tempatan merangkumi 95.0% daripada jumlah pekerja. Kami menghadapi kesukaran dalam pengambilan pekerja memandangkan aeroangkasa merupakan industri khusus dan pekerja dengan kemahiran tersebut adalah terhad. Ramai pendatang baharu dalam pasaran pekerjaan lebih berminat untuk meneruskan kerjaya dalam bidang IT selari dengan peralihan global ke arah teknologi dan pendigitalan. Mujurlah kini terdapat banyak institusi yang menyediakan pendidikan dan latihan berkaitan penerbangan, maka ini membantu mengurangkan jurang penawaran dan permintaan pekerja”.

Cabarani lain yang dihadapi oleh syarikat pada peringkat awal adalah membina kesedaran jenama. Lim menjelaskan, “Persaingan adalah sukar apabila kita berada dalam pasaran khusus dengan lebih daripada 240 syarikat berkaitan aeroangkasa merangkumi syarikat multinasional dan firma tempatan. Bagi pendatang baharu seperti kami, membina kesedaran jenama adalah sukar pada peringkat awal, terutamanya dengan pelbagai syarikat terkemuka. Promosi dilakukan terutamanya melalui laman web kami dan penyertaan dalam pameran perdagangan bagi mewujudkan kesedaran jenama. Promosi dari mulut ke mulut oleh pelanggan yang berpuas hati terus menjadi bantuan terbesar untuk kami”.

Beliau menambah, “pada dasarnya, faktor utama yang membolehkan syarikat mencapai kejayaan dalam aeroangkasa adalah komitmen penuh daripada pasukan kami untuk memberi kesan yang bermakna dalam perniagaan ini. Kami telah membina hubungan yang baik dengan pelanggan dan mendapat kepercayaan mereka dengan menyediakan produk yang berkualiti. Kami bekerja rapat dengan pelanggan untuk mengenal pasti dan memahami jurang mereka. Dari situ, kami membangunkan hala tuju teknologi untuk membantu mereka merapatkan jurang tersebut. Dan kami dapat melakukan ini untuk kepuasan pelanggan, terima kasih kepada pasukan kami yang dipacu inovasi.”

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan penurunan dalam tempahan dan memperlambangkan pertumbuhan industri susulan pemberhentian perjalanan udara bagi kebanyakan tempat di dunia dan penurunan dalam pembinaan pesawat baharu. Lim berkata pemain industri tempatan, seperti mereka yang lain di seluruh dunia, telah membuat pelaburan modal berdasarkan kadar pembinaan pesawat sebelum



pandemik. Dengan kemerosotan dalam perniagaan yang disebabkan oleh pandemik, syarikat menghadapi cabaran kewangan seperti aliran tunai operasi. Beliau bersyukur dengan pakej bantuan kewangan Kerajaan seperti moratorium yang telah meringankan beban pembayaran semula pinjaman buat sementara waktu dan membolehkan perniagaan memperuntukkan semula dana bagi operasi harian susulan kesannya ke atas jualan perniagaan ketika itu.

“Pasukan kami merupakan faktor utama dalam membantu kami mengharungi cabaran pandemik. Sokongan padu daripada ahli pasukan yang sentiasa mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos dan menjadikan operasi kami lebih cermat telah membantu syarikat untuk terus bertahan pada masa yang tidak menentu ini”. Syarikat ini dibiayai sebahagian besarnya melalui dana dalaman oleh syarikat induk, Micron Concept Engineering, bersama-sama dengan bantuan Kerajaan dalam bentuk geran teknologi baharu daripada MIDA dan SME Corp. Malaysia.

Lim mencadangkan, salah satu cara Kerajaan dapat membantu PMKS adalah dengan mewujudkan kemudahan perdagangan bagi firma yang berurus dengan pembekal antarabangsa mengikut syarat pembayaran tunai semasa penghantaran (*cash-on-delivery*). Kemudahan ini akan meringankan beban kewangan PMKS yang bergelut dengan cabaran aliran tunai dengan ketara. Di samping itu, beliau menambah bahawa PMKS harus melihat cara yang lebih inovatif untuk mendorong kos pembuatan yang lebih rendah seterusnya kekal berdaya saing pada peringkat global.





Melangkah  
ke Hadapan

## Melangkah ke Hadapan

# PMKS Malaysia ke arah Kelestarian

Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) telah menetapkan hala tuju strategik pembangunan negara untuk bergerak ke hadapan. RMKe-12, dengan objektif Malaysia sebagai sebuah negara yang Makmur, Inklusif dan Mampan telah menjadikan lonjakan kemampanan (*advancing sustainability*) sebagai salah satu tema untuk menjamin pertumbuhan ekonomi berterusan dan meningkatkan kualiti hidup, di samping melindungi alam sekitar, memulihara sumber asli dan menjamin kesihatan bumi.

Malaysia berhasrat untuk beralih daripada model ekonomi linear konvensional kepada model ekonomi kitaran yang mampan. Ini membolehkan negara mencapai anjakan sistemik ke arah daya tahan jangka panjang, menghentikan amalan penggunaan dan pengeluaran yang tidak lestari serta menangani isu perubahan iklim, kemerosotan alam sekitar dan kehilangan biodiversiti. Sejajar dengan itu, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah melancarkan Rangka Kerja Pelestarian Plastik Malaysia 2021 - 2030 untuk mengalihkan keseluruhan rantai nilai plastik kepada amalan yang lestari dan menerapkan prinsip ekonomi kitaran. Ekosistem kitaran yang lestari meliputi keseluruhan elemen daripada inovasi reka bentuk, kerjasama rantaian bekalan, industri kitar semula bernilai tinggi, kecekapan penggunaan sumber melalui pengilang dan sifat tanggungjawab pemilik jenama dalam menguruskan kesan akhir hayat produk mereka bagi memastikan kitaran rantaian nilai plastik.

Firma berada di persimpangan yang penting dalam menyokong Kerajaan untuk merealisasikan aspirasi negara bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan pengagihan yang adil dan saksama untuk semua. PMKS, sebagai tulang belakang ekonomi Malaysia, perlu mengambil peranan yang proaktif ke arah menyokong agenda ini. Berdasarkan Banci Ekonomi 2016, sebanyak 7,155 PMKS (0.8% daripada jumlah 907,065 PMKS) memperuntukkan perbelanjaan pematuhan alam sekitar dengan perwakilan tertinggi dalam sektor perkhidmatan (55.4%), diikuti oleh pembuatan (24.8%) dan pembinaan pada 14.2%. Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance, ESG*) masih belum menjadi satu tumpuan utama PMKS kerana perundangan merupakan faktor pendorong dan bukannya keuntungan.

**Satu pelan tindakan menyeluruh diperlukan bagi memastikan lebih ramai PMKS mengamalkan kelestarian, iaitu ekosistem yang lebih baik termasuk infrastruktur yang kukuh perlu dibangunkan bagi memudahkan proses penerapan ESG oleh pemain kecil**

Satu pelan tindakan menyeluruh diperlukan bagi memastikan lebih ramai PMKS mengamalkan kelestarian, iaitu ekosistem yang lebih baik termasuk infrastruktur yang kukuh perlu dibangunkan bagi memudahkan proses penerapan ESG oleh pemain kecil. Tindakan utama yang boleh dilaksanakan untuk membimbing dan mempercepatkan penerapan ESG dalam kalangan PMKS termasuk:

- a) Tinjauan pasaran dari segi akses PMKS kepada data tempatan atau antarabangsa mengenai kelestarian, maklumat mengenai amalan terbaik oleh pemain kecil dalam pasaran tempatan atau di seluruh rantau, menanda aras terhadap pemain kecil di negara membangun / maju.
- b) Pendekatan didorong permintaan melalui tiga perspektif iaitu:
  - Syarikat besar menggalakkan pembekal PMKS mereka untuk menerap amalan ESG dalam pengurusan rantaian bekalan mereka. Program Pembangunan dan Rangkaian Vendor boleh dimanfaatkan untuk jangka pendek.
  - Perubahan cara berfikir dengan beralih ke arah penggunaan lestari perlu berlaku pada peringkat pengguna. Setelah pengguna memahami nilai kelestarian, perubahan tersebut secara beransur-ansur akan dicerminkan pada corak pembelian yang didorong hijau dan menarik lebih banyak PMKS ke arah penerapan piawaian ESG.
  - Mempromosikan produk dan perkhidmatan kewangan yang menggalakkan daya maju ekonomi, perlindungan persekitaran dan kesaksamaan sosial.
- c) Khidmat nasihat teknikal melalui platform khusus atau berpusat untuk memudah cara dan membina kapasiti PMKS mengenai kelestarian.
- d) Insentif dalam bentuk cukai dan bukan cukai dengan memperkenalkan bantuan kewangan khas yang disesuaikan ke arah kelestarian dengan tidak mengguna pakai kemudahan pembiayaan bukan hijau yang sedia ada. Produk kewangan baharu ini perlu mengambil kira elemen kelestarian perniagaan seperti kapasiti pengeluaran, bahan mentah, penyelidikan dan pembangunan (*research & development, R&D*), inovasi dan bakat bagi PMKS untuk mengubah model perniagaan mereka ke arah kelestarian.

Menyedari hakikat kekurangan sumber dan pengetahuan seringkali menghalang PMKS daripada melaksanakan sepenuhnya prinsip dan tindakan kelestarian merentas fungsi perniagaan mereka, SME Corp. Malaysia dan UN Global Compact Network Malaysia & Brunei (UNGCMYB) telah membangunkan Pusat Tindakan PKS Lestari (Action Centre for Sustainable SMEs, ACCESS). Platform kelestarian khusus untuk PKS ini menyedia bantuan berkaitan seperti penilaian ESG PKS, pembinaan kapasiti, modul e-pembelajaran dan peluang meluaskan rangkaian. ACCESS telah diumumkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob semasa pelancaran SMIDEX 2021 pada 7 Disember 2021.

## ACCESS

Pusat Tindakan PKS Lestari

Platform digital Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance, ESG*) dalam talian yang menawarkan perniagaan dengan keupayaan untuk:



Dalam platform ini, PKS akan dinilai dari segi tahap kematangan ESG perniagaan menerusi Penilaian ESG PKS yang dibangunkan oleh UNGCMYB dan Nottingham University Business School Malaysia. PKS yang berminat untuk memulakan perjalanan kelestarian boleh mendaftar untuk mengikuti Program Kelestarian PKS selama enam bulan yang terdiri daripada sesi e-pembelajaran, bengkel, sesi bimbingan yang disesuaikan dan bantuan bagi membangunkan pelan kelestarian perniagaan firma secara individu. Setelah selesai mengikuti program, PKS akan dianugerahkan sijil daripada UNGCMYB dan lencana digital ACCESS. Sehingga kini, kumpulan pertama yang terdiri daripada 17 PKS telah memulakan perjalanan kelestarian mereka.

Kelestarian dalam sesuatu perniagaan merupakan perjalanan keusahawanan jangka panjang yang akan membawa mereka melalui evolusi idea perniagaan, inovasi dan kreativiti. Ini merupakan satu peluang yang perlu direbut oleh perniagaan bagi menunjukkan kepimpinan dalam transformasi model perniagaan, operasi dan juga mempengaruhi rantai nilai dengan mendapatkan sumber secara berhemah dan menangani isu ESG, iaitu amat penting bagi mencapai pembangunan yang mampan. Oleh itu, ini akan membolehkan PMKS terus mendahului pesaing mereka dalam persekitaran perniagaan yang mencabar dan berdaya saing ini.







Lampiran

## Lampiran 1

# Senarai Program Pembangunan PMKS dan Keusahawanan Terpilih pada Tahun 2022

### AKSES KEPADA PEMBIAYAAN

PELAKSANA / AGENSI	NAMA PROGRAM	OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI
<b>AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (AIM)</b>		
Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)	Skim Pembiayaan Ikhtiar	Mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia dengan menyediakan pembiayaan kepada isi rumah yang tidak berkemampuan bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti ekonomi yang berdaya maju untuk meningkatkan pendapatan isi rumah termasuk i-Mesra, i-Srikandi dan i-Wibawa
<b>KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)</b>		
Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	Agriprentice	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan pendapatan bersih petani kepada lebih RM4,000 sebulan</li> <li>Mewujudkan usahawan tani baharu yang mampu menjalankan pengeluaran pertanian, pemprosesan dan perkhidmatan berskala besar serta produk berkualiti</li> </ul>
<b>KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (K-KOMM)</b>		
Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)	Skim Insentif Penyelidikan untuk Perusahaan (RISE)	<p>Insentif kewangan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>menggalakkan penyelidikan dalam bidang strategik</li> <li>meningkatkan pembangunan aktiviti penyelidikan &amp; inovasi yang berdaya saing tinggi</li> <li>menambah baik bekalan bakat berkebolehan &amp; berpengetahuan saintifik</li> </ul>

PELAKSANA / AGENSI	NAMA PROGRAM	OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)</b>		
SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia)	Ekosistem PKS Inklusif (I-SEE)	Memperkasa kumpulan 40% terendah dalam piramid pendapatan dengan memanfaatkan inovasi. Program akan menggalakkan transformasi komuniti, termasuk perusahaan mikro di kawasan luar bandar menerusi bimbingan dan penyediaan sokongan teknikal, kewangan dan pengurusan
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)	i-SMART / Skim Anjakan Usahawan	Menyediakan pembiayaan kepada PKS Bumiputera untuk mengembangkan perniagaan mereka
Bahagian Pembangunan Francais & Vendor (BPFV)	Halal Technology Transformation Program (HTTP)	Meningkatkan kapasiti pengeluaran dengan menyediakan perundingan teknikal, peralatan mesin atau sistem automasi, jika sesuai
<b>KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (MOHE)</b>		
Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE)	Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengukuhkan hubungan jaringan awam-swasta melalui penyediaan penyelesaian daripada Institusi Pengajian Tinggi dan Institusi Penyelidikan Awam kepada industri</li> <li>Meningkatkan produktiviti melalui inovasi / teknologi yang bersesuaian</li> <li>Menggalakkan penyertaan penyelidik untuk memberikan penyelesaian berdasarkan permintaan industri</li> </ul>
<b>KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA, INDUSTRI DAN PELABURAN (MINTRED) SARAWAK</b>		
Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan (MINTRED) Sarawak	Subsidi Faedah untuk Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bank Negara: Menyokong PKS dalam sektor pelancongan dengan mengekalkan kapasiti dan membantu mereka melaksanakan pelaburan yang perlu bagi menyesuaikan dan kekal berdaya maju selepas COVID-19</li> <li>Sarawak: Membantu PKS Sarawak yang telah lulus pinjaman Bank Negara Malaysia di bawah PTF dengan mensubsidi bayaran faedah selama 3.5 tahun semasa pandemik COVID-19</li> </ul>

PELAKSANA / AGENSI	NAMA PROGRAM	OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)</b>		
Bahagian Pembangunan Usahawan Desa	Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)	Menyediakan pembiayaan untuk usahawan luar bandar dalam sektor pembuatan, perkhidmatan, pertanian dan pelancongan desa
<b>PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BERHAD (PUNB)</b>		
Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)	Program JUMPER	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempersiapkan graduan muda Bumiputera dan pemegang sijil dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menceburkan diri dalam sektor runcit dan pengedaran</li> <li>• Membantu graduan muda Bumiputera dan pemegang sijil untuk memulakan perniagaan dalam perniagaan runcit dan pengedaran melalui mekanisme yang berstruktur dan sistematis</li> <li>• Meningkatkan kebolehgajian para graduan</li> </ul>

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PELAKSANA / AGENSI	NAMA PROGRAM	OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI
<b>LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)</b>		
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	Latihan Memperkasa Usahawan Sedia Ada	Kursus / bengkel untuk kumpulan sasaran berdasarkan permintaan mereka untuk meningkatkan kemahiran, memperoleh pengetahuan dan meningkatkan produktiviti serta mengembangkan daya saing dalam kalangan usahawan. Latihan akan dilaksanakan oleh Wilayah FELDA dan juga melalui usahasama dengan agensi lain
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)</b>		
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)	Mewujudkan Syarikat TITAN	Platform perniagaan yang komprehensif untuk mewujudkan syarikat TITAN (serupa dengan unicorn)

PELAKSANA / AGENSI	NAMA PROGRAM	OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI
Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)	INSKEN Bumiputera Business Coaching Programme (IBBC)	Menyediakan kemahiran & pengetahuan keusahawanan yang komprehensif dalam mengembangkan perniagaan yang mampan melalui pembangunan perniagaan, latihan, perundingan dan pemudahcaraan
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)	Upward Migration	Membantu PKS dalam mengukuhkan pertumbuhan & kelestarian perniagaan mereka dan mengembangkan perniagaan mereka ke peringkat seterusnya

#### KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM)

HRD Corp	Kemahiran PKS	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membolehkan PKS meningkatkan pembangunan mereka dengan meningkatkan kemahiran</li> <li>• Menggalakkan majikan PKS melatih pekerja mereka secara berterusan dan sistematis untuk meningkatkan tahap kecekapan mereka</li> <li>• Melahirkan lebih ramai pekerja mahir untuk industri agar kekal berdaya saing dan mampan dalam pasaran global</li> <li>• Menyokong PKS untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos perniagaan</li> </ul>
----------	---------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

#### KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)	Program Pembangunan Pengekspor Wanita (WEDP)	Program bantuan eksport yang direka untuk syarikat wanita PKS. Program ini membantu PKS untuk membangunkan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menembusi dan mengembangkan lagi pasaran eksport mereka
Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii)	MARii Unlimited (CAE)	Inisiatif MARii Unlimited membenarkan pengeluar peralatan asal (OEM) domestik dan pengeluar komponen mengakses perisian Kejuruteraan Berbantuan-Komputer dan penyelesaikan menerusi skim penyewaan

PELAKSANA / AGENSI	NAMA PROGRAM	OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI
		Terdapat pelbagai perkhidmatan tersedia untuk pengamal reka bentuk dan perkakas di Malaysia – termasuk penyewaan (harian / mingguan / bulanan) kuasa penyelesaian pengkomputeran CAE, analisis produk & perkakas ( <i>stamping</i> ), analisis struktur dan penyelesaian simulasi ranap. Pengurangan kos pengesahan reka bentuk adalah kunci untuk mencapai daya saing dalam industri automotif
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)</b>		
Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)	Karnival Usahawan Desa (KUD@KPLB)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempromosi dan menjadi salah satu medium untuk mewujudkan akses pasaran produk / perkhidmatan usahawan luar bandar kepada pemborong, pengedar dan pembeli</li> <li>• Meningkatkan jumlah pengeluaran oleh usahawan luar bandar dengan kapasiti yang besar bagi memenuhi permintaan yang tinggi</li> <li>• Mempromosikan dan mewujudkan kesedaran dalam kalangan usahawan tentang insentif yang disediakan oleh Kerajaan untuk mengembangkan perniagaan mereka</li> </ul>
<b>KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)</b>		
Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI)	Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional (NTIS) - Pembangunan Kapasiti dan Perkongsian	Terus membangunkan bakat keusahawanan dan sebagai persediaan ekonomi masa hadapan
<b>KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)</b>		
Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	Kursus Teknikal Belia Tani (Youth Agrotech)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengubah persepsi mengenai sektor pertanian</li> <li>• Memberi tinjauan mengenai senario pertanian semasa</li> </ul>

## INFRASTRUKTUR

PELAKSANA / AGENSI	NAMA PROGRAM	OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI
<b>KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (K-KOMM)</b>		
MYNIC Berhad	MYDX.MY	Pengenalan Direktori Digital Malaysia yang akan menyenaraikan entiti perniagaan yang sah (perniagaan yang mendaftar domain .MY) meliputi semua sektor dan menjadi portal sehenti untuk rakyat Malaysia dan pengguna global untuk mencari perniagaan dan tarikan di Malaysia. Inisiatif ini memberi manfaat kepada 320,000 pengguna .MY
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)</b>		
Sistem Sokongan Elektronik Perlesenan Perniagaan (BLESS)	Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem Sokongan Elektronik Perlesenan Perniagaan (BLESS)	Menyediakan perkhidmatan untuk memproses permohonan lesen secara dalam talian
<b>KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA, INDUSTRI DAN PELABURAN (MINTRED) SARAWAK</b>		
Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan (MINTRED) Sarawak	Taman Perindustrian Demak Laut Fasa 2C	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan lot industri dan infrastruktur yang lebih baik melalui pembangunan yang teratur</li> <li>Mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif untuk transformasi secara berperingkat bagi komuniti perniagaan tempatan</li> <li>Menggalakkan pertumbuhan PMKS yang kukuh serta mewujudkan lebih banyak aktiviti ekonomi</li> </ul>
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)</b>		
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)	Penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan di Pusat Komuniti Desa (PKD Napoh)	Menambah baik infrastruktur dan kemudahan semasa di PKD Napoh untuk menarik lebih ramai pengunjung ke kawasan tersebut
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)	Pembangunan Premis Ekonomi Luar Bandar	Pembinaan premis perniagaan untuk membantu usahawan luar bandar mengembangkan perniagaan mereka

PELAKSANA / AGENSI	NAMA PROGRAM	OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)</b>		
Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)	Rural Business Outlet (RBO@KPLB)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan platform jualan tetap kepada usahawan terpilih</li> <li>Mempromosikan produk usahawan desa ke peringkat nasional</li> <li>Membantu usahawan memajukan syarikat dan meningkatkan hasil jualan produk usahawan desa</li> <li>Memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan secara tidak langsung dengan peningkatan pengeluaran produk</li> <li>Membantu usahawan dalam mengenal pasti potensi produk mereka dengan bimbingan lanjut daripada program</li> <li>Membantu menambah pendapatan usahawan desa</li> </ul>
<b>KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)</b>		
Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia)	Program Pengkomersialan Kraf - Pemasaran Kraf Secara Digital	Mempromosi dan memasarkan produk kraf tempatan secara dalam talian serta memaparkan maklumat berkaitan ekosistem dalam industri kraf negara dengan berkonsepkan ' <i>Global Reach Local Identity</i> '
<b>PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BERHAD (PUNB)</b>		
Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)	Premis PROSPER	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membeli premis runcit di lokasi strategik</li> <li>Meningkatkan pemilikan Bumiputera dalam harta komersial</li> </ul>
<b>KERAJAAN NEGERI SABAH (NEGERI SABAH)</b>		
Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO / EPU, JPM)	Pembangunan Premis Perniagaan (SEDCO / EPU, JPM). <ul style="list-style-type: none"> <li>Taman Industri Kecil dan Sederhana SEDCO</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Taman Industri Kecil dan Sederhana SEDCO - penyediaan premis perindustrian untuk usahawan</li> <li>Arked Perniagaan Pekan Muhibbah - Sg. Manila, Sandakan</li> <li>Bazaar Masjid Al-Kauthar, Tawau</li> <li>Premis Perniagaan Kg. Paris, Kinabatangan</li> <li>Pembinaan 12 unit 2 tingkat (Blok D &amp; E) Fasa 2 di Pelantong, Beluran, Sabah</li> <li>Kedai Sook Fasa V (4 unit 2 tingkat &amp; 4 unit 3 tingkat)</li> <li>2 blok rumah kedai dan hotel (hotel 2 tingkat &amp; rumah kedai 1 tingkat) Pulau Bum Bum Semporna</li> </ul>

PELAKSANA / AGENSI	NAMA PROGRAM	OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI
Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS)	Pembangunan Usahawan Desa (PUD)	Membina dan menaik taraf infrastruktur untuk Pusat Keusahawanan Desa (PKD) / Tamuniaga / Pusat Kemahiran Komuniti dan menyediakan peralatan yang diperlukan untuk usahawan beroperasi, memulakan dan mengembangkan perniagaan dan juga menaik taraf bangunan mereka

## PENERAPAN INOVASI DAN TEKNOLOGI

PELAKSANA / AGENSI	NAMA PROGRAM	OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI
<b>KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (K-KOMM)</b>		
MYNIC Berhad	Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME) - Penjenamaan Digital melalui BIZ.MY (pendaftaran percuma) & GO2 Brand Standard & lain-lain kategori domain	<p>Peruntukan 20,000 unit nama domain BIZ.MY digabungkan dengan GO2 Brand Standard (aplikasi pemasaran digital) PERCUMA untuk tahun pertama kepada semua PMKS yang baru berdaftar dan sedia ada dengan objektif utama:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• mendapatkan lebih ramai PMKS dalam talian menggunakan .MY dan bukannya domain luar lain seperti .COM</li> <li>• mendidik &amp; memberi kesedaran tentang kepentingan mempunyai kehadiran dalam talian yang betul</li> <li>• mendidik &amp; memberi kesedaran tentang kepentingan mendapatkan nama domain mereka sebagai penjenamaan digital seperti yang diamalkan di peringkat global</li> <li>• pemerolehan data untuk tujuan strategik negara</li> </ul>
Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)	Program Transformasi Pendigitalan PKS	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan PKS dengan galakan ke arah yang betul dalam penerapan penyelesaian digital</li> <li>• Menyediakan panduan praktikal langkah demi langkah dalam penerapan penyelesaian digital</li> <li>• Menyediakan cadangan langkah seterusnya untuk PKS meningkatkan operasi perniagaan dan meningkatkan rantaian nilai teknologi</li> </ul>

PELAKSANA / AGENSI	NAMA PROGRAM	OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)</b>		
Bahagian Dasar & Hubungan Antarabangsa (BDHA)	Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi - I4.0 Accelerator Programme	Meningkatkan penerapan teknologi industri 4.0 oleh PKS
<b>KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)</b>		
Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii)	Sistem 4R2S	Sistem pengurusan baharu 4R2S (Pembaikan, Guna Semula, Kitar Semula, Pembuatan Semula, Perkhidmatan, Alat Ganti) yang akan diterapkan oleh perniagaan sedia ada dan baharu dalam sektor selepas jualan
Halal Development Corporation (HDC) Berhad	Program Perkongsian Sumber Halal ( <i>Halal Sourcing Partnership Program, HSPP</i> )	Memudah cara PKS halal Malaysia ke arah kesediaan keupayaan untuk menjadi pemain dalam rantai bekalan halal dan <i>Home Grown Halal Champion</i>
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)</b>		
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)	Program Transformasi Kualiti Produk	Menggalakkan potensi produk usahawan dengan meningkatkan imej produk melalui transformasi pembungkusan produk dan bahan pemasaran
Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Program Pembangunan Standard Perniagaan	Menyediakan bantuan standard pembangunan perniagaan yang tertumpu kepada pensijilan untuk 1,650 usahawan Bumiputera dalam tempoh 2021 - 2025
<b>KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)</b>		
Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI)	Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional (NTIS) - Operasi	Menggalakkan inovasi dan pengkomersialan produk / penyelesaian inovatif tempatan untuk menangani masalah tempatan, sektor dan negara
NanoMalaysia Berhad (NMB)	Program Scale Up Nanoteknologi - Nanotech Remote Energy System (NREGs)	Fasa 1 - Penskalaan Penjanaan Teknologi Fasa 2 - Pembangunan Ekosistem Fasa 3 - Pengkomersialan dan Perindustrian

PELAKSANA / AGENSI	NAMA PROGRAM	OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI
<b>KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)</b>		
Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia)	Program Reka Bentuk & Pembangunan Kraf	Memberi tumpuan kepada pembangunan rekaan produk baharu yang berkualiti dan berdaya saing bagi memenuhi keperluan pasaran dalam dan luar negara

## AKSES KEPADA PASARAN

PELAKSANA / AGENSI	NAMA PROGRAM	OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI
<b>LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)</b>		
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	Program SAWARI	Promosi dan pemasaran produk usahawan FELDA ke outlet SAWARI melalui Program Vendor SAWARI (PVS)

## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Akuakultur (CCDC)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti dan membangunkan infrastruktur dan menyediakan logistik pemasaran</li> <li>Menggalakkan penyertaan Persatuan Nelayan / usahawan sebagai nelayan akuakultur</li> </ul>
---------------------------------------	----------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

## KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (K-KOMM)

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)	Pemerkasaan Perniagaan Digital: Penerapan eDagang ( <i>Digital Empowered Business : Adoption - eCommerce</i> )	Menggalakkan perbelanjaan dalam talian untuk memberi manfaat kepada penjual tempatan di pasaran domestik dan eksport
--------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

PELAKSANA / AGENSI	NAMA PROGRAM	OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)</b>		
UDA Holdings Berhad (UDA)	<p>Program Insentif Baharu Usahawan UDA Holdings Berhad untuk tahun 2021:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. UDA One Stop Retail Centre (Hab PKS)</li> <li>2. UDA Craft Corner Konsep Kedai Di Malaysia: 'Satu Daerah, Satu Industri' (Contoh: Grand Bazaar, Pusat Bandar Bukit Bintang)</li> <li>3. Hab Usahawan Malaysia: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Morten Walk Melaka</li> <li>• KL Heritage Valley</li> </ul> </li> </ol>	Mempelbagaikan dan mengukuhkan akses pasaran untuk keluaran Bumiputera, produk tempatan dan PKS dengan menyediakan ruang perniagaan di kawasan bandar
Bahagian Pembangunan Francais & Vendor (BPFV)	PKPKS - Halal Outreach Program for Entrepreneurship (HOPE)	<p>Meningkatkan bilangan usahawan yang mempunyai sijil halal melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• latihan pegawai mengenai proses pensijilan halal sebagai Pegawai Pembangunan Halal (HDO)</li> <li>• bimbingan HDO kepada pengusaha dalam mendapatkan sijil halal</li> </ul>
<b>KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA, INDUSTRI DAN PELABURAN (MINTRED) SARAWAK</b>		
Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan (MINTRED) Sarawak	Bazar Rakyat Online Sarawaku Sayang (BROSS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membantu usahawan memasarkan produk mereka secara dalam talian sepanjang bulan Ramadhan</li> <li>• Terus membantu usahawan BROSS melalui latihan dalam talian</li> </ul>

PELAKSANA / AGENSI	NAMA PROGRAM	OBJEKTIF PROGRAM / AKTIVITI
<b>KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)</b>		
Halal Development Corporation (HDC) Berhad	<i>Malaysia Global Halal Show: Bridging Halal Markets</i>	Memudah cara PKS halal Malaysia untuk mengeksport produk dan perkhidmatan halal dan menembusi pasaran halal yang baru
SIRIM Berhad	Program Peningkatan Produk dan Kualiti	Memupuk, membimbing dan membangunkan PKS daripada perusahaan mikro kepada firma kecil dan firma sederhana untuk pengembangan pasaran
<b>KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (MPIC)</b>		
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)	Program Promosi Pasaran Tempatan dan Antarabangsa	Meningkatkan jualan industri (PKS) dalam pasaran tempatan dan antarabangsa
<b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB)</b>		
Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)	DesaMall@KPLB	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperluas pasaran produk serta perkhidmatan usahawan luar bandar melalui platform e-dagang</li> <li>• Meningkatkan hasil jualan usahawan luar bandar kepada 10.0% sehingga 30.0% setahun melalui perniagaan dan pemasaran dalam talian</li> <li>• Membantu usahawan luar bandar menambah baik mutu dan kualiti produk untuk kesediaan berniaga dalam talian (<i>online business readiness</i>)</li> </ul>

## Lampiran 2

# Glosari Singkatan

### ORGANISASI / PERSATUAN / INSTITUSI

NAMA	AKRONIM
Majlis Penasihat Perniagaan APEC	ABAC
Jawatankuasa Penyelaras ASEAN bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana	ACCMSME
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit	AKPK
Agensi Pengangkutan Awam Darat	APAD
Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik	APEC
Yayasan Asia Pasifik Kanada	APFC
Persatuan Negara-negara Asia Tenggara	ASEAN
Bank Negara Malaysia	BNM
Bank Simpanan Nasional	BSN
Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Usahawan	CEDAR
Perbadanan Jaminan Kredit Malaysia Berhad	CGC
Bank Pedagang Antarabangsa Perdagangan Berhad	CIMB
Pasaran Modal Malaysia	CMM
Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia	FMM
Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia	HRD Corp
Perbadanan Data Antarabangsa	IDC
Kementerian Alam Sekitar dan Air	KASA
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	KPKT
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	KPWKM
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	KUSKOP
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	KWSP
Majlis Amanah Rakyat	MARA
Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia	MASTIC
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia	MATRADE

NAMA	AKRONIM
Pengurusan Modal Teroka Malaysia	MAVCAP
Perbadanan Pembangunan Multimedia	MDEC
Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia	MGTC
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia	MIDA
Malaysian Industrial Development Finance Berhad	MIDF
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	MITI
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	MOTAC
Majlis Pembangunan Keusahawanan Nasional	MPKN
Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan	MPUPK
Pertubuhan Keselamatan Sosial	PERKESO
Permodalan Nasional Berhad	PNB
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	SC
Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari	SEDA
Syarikat Jaminan Pembentangan Perniagaan	SJPP
Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana	SME Corp. Malaysia
Suruhanjaya Syarikat Malaysia	SSM
Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu	UNDP
Bank Bersatu Luar Negara	UOB
Bank Dunia	WB

## DANA

NAMA	AKRONIM
Kemudahan Automasi dan Digital PKS	ADF
Kemudahan Agromakanan	AF
Kemudahan Bantuan Bencana	DRF
Kemudahan Peralihan Rendah Karbon	LCTF
Dana Pelaburan Bersama Malaysia	MyCIF
Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi	PEMERKASA
Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi	PEMULIH
Pelan Jana Semula Ekonomi Negara	PENJANA

NAMA	AKRONIM
Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia	PERMAI
Pembiayaan Pelancongan PENJANA	PTF
Skim Pembiayaan Pembangunan Mampan	SDFS
Kemudahan Bantuan Khas	SRF
Tabung Projek Usahawan Bumiputera	TPUB-i
Bantuan Bayaran Balik Secara Bersasar	TRA
Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar	TRRF

## PROGRAM KERAJAAN

NAMA	AKRONIM
Pusat Tindakan PKS Lestari	ACCESS
Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera, Wanita dan Belia	BWYEDP
Pemasaran & Latihan Digital	DMT
Geran Khas Prihatin	GKP
Program Rantaian Global PKS	GLOSMEP
Skim Pembiayaan Teknologi Hijau	GTFS
Program Keusahawanan Asnaf	ISHRAF
Kemudahan Perusahaan Mikro	MEF
Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta	PIKAS
Program Pemerkaasan Pendigitalan Usahawan Kecil	PUPUK
Program Subsidi Upah	PSU
Nilai Tindakan Kelestarian untuk Pengeksport	SAVE
Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil	SDRS
Tunas Usahawan Belia Bumiputera	TUBE
Program Pembangunan Vendor	VDP

## TERMA LAIN

NAMA	AKRONIM
Tiga Dimensi	3D
Kemudahan Semua Sektor Ekonomi	AES
Kecerdasan Buatan	AI
Perniagaan Kepada Perniagaan	B2B
Perniagaan Kepada Kerajaan	B2G
Terendah 40%	B40
Ketua Pegawai Eksekutif	CEO
Penyakit Coronavirus	COVID-19
Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik	CPTPP
Institusi Kewangan Pembangunan	DFIs
Pendapatan Sebelum Faedah dan Cukai	EBIT
Kerjasama Ekonomi & Teknikal	ECOTECH
Pendanaan Ramai berdasarkan Ekuiti	ECF
Organisasi Pembangunan Keusahawanan	EDO
Elektrik & Elektronik	E&E
Ekonomi, Persekitaran dan Sosial	EES
Peluasan Tanggungjawab Pengeluar	EPR
Alat Penilaian Kesediaan Eksport	ERAT
Syarikat Perkhidmatan Tenaga	ESCO
Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus	ESG
Makanan dan minuman	F&B
Pelaburan langsung asing	FDI
Perjanjian perdagangan bebas	FTA
Gas rumah hijau	GHG
Syarikat berkaitan Kerajaan	GLC
Revolusi Perindustrian Keempat	4IR
I am mSME	imSME
Pasukan Petugas Peringkat Tinggi	HLTF
Sumber Manusia	HR

NAMA	AKRONIM
Kemudahan Teknologi Tinggi - Aspirasi Pelaburan Negara	HTF-NIA
Pelan Tindakan Individu	IAP
Teknologi maklumat dan komunikasi	ICT
Dasar Negara Mengenai Industri 4.0	Industry4WRD
Unit Rawatan Rapi	ICU
Institusi Pengajian Tinggi	IPT
Teknologi Maklumat	IT
Keluaran Dalam Negeri Kasar	KDNK
Petunjuk Prestasi Utama	KPI
Kumpulan Pertengahan 40%	M40
Maybank To You	M2U
Syarikat multinasional	MNC
Memorandum Persefahaman	MOU
Rangka Kerja Pelestarian Plastik Malaysia	MPSR
Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia	MyDigital
Khidmat Nasihat Pembangunan	MyKNP
Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan	NESR
Pelan Pemulihan Negara	NRP
Kajian Inovasi Kebangsaan	NSI
Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah	PdPR
Ekuiti swasta	PE
Programme Efficiency Review	PER
Pusat Internet Desa	PID
Pusat Internet Komuniti	PIK
Perintah Kawalan Pergerakan	PKP
Perusahaan Kecil & Sederhana	PKS
Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana	PMKS
Program Perolehan Impak Sosial Kerajaan	PPISK
Penilaian Kesediaan	RA
Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau	RCEP

NAMA	AKRONIM
Penyelidikan dan pembangunan	R&D
Rancangan Malaysia Kedua Belas	RMKe-12
Polietilena Tereftalat Kitar Semula	rPET
Penjadualan Semula dan Penyusunan Semula	R&R
Matlamat Pembangunan Mampan	SDG
Asia Tenggara	SEA
Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri	SKSPS
Pusat Perniagaan PKS & Koperasi	SMEC
Pelan Tindakan Bersepadu PKS	SMEIPA
Kumpulan Kerja Perusahaan Kecil dan Sederhana	SMEWG
Prosedur Operasi Standard	SOP
Skim Perlindungan Sosial	SPS
Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab	SRI
Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik	STEM
Kumpulan Tertinggi 20%	T20
Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga	TEKUN
Produktiviti Faktor Menyeluruh	TFP
Modal Teroka	VC

## Lampiran 3

# Definisi PMKS

Bagi definisi PMKS, kriteria kelayakan sedia ada, iaitu jualan tahunan dan bilangan pekerja kekal sama tetapi paras ambang telah ditingkatkan kepada:

- Sektor pembuatan: Jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang
- Sektor perkhidmatan dan sektor lain: Jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang

Definisi terperinci mengikut kategori iaitu mikro, kecil dan sederhana adalah seperti berikut:

Saiz	Mikro		Kecil		Sederhana	
	Jualan Tahunan	Pekerja	Jualan Tahunan	Pekerja	Jualan Tahunan	Pekerja
Pembuatan	< RM300,000	< 5 pekerja	RM300,000 hingga < RM15 juta	5 hingga < 75 pekerja	RM15 juta hingga ≤ RM50 juta	75 hingga ≤ 200 pekerja
Perkhidmatan & lain-lain faktor			RM300,000 hingga < RM3 juta	5 hingga < 30 pekerja	RM3 juta hingga ≤ RM20 juta	30 hingga ≤ 75 pekerja

Nota: < kurang daripada  
≤ tidak melebihi

Mengikut definisi, semua PMKS mesti merupakan entiti yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau badan lain yang setaraf dengannya. Entiti di bawah dianggap sebagai bukan PMKS:

- Tersenarai awam di papan utama
- Subsidiari kepada:
  - Syarikat tersenarai awam di papan utama;
  - Syarikat multinasional (MNC);
  - Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC);
  - Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD); dan
  - Perusahaan milik Kerajaan Negeri.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## SME Corporation Malaysia

Agenzia di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)

Aras 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral,  
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur

Talian Info: 1300-30-6000 | Faks: 03-2775 6001

info@smecorp.gov.my

www.smecorp.gov.my

www.facebook.com/smecorp

twitter.com/smecorp

www.myassist-msme.gov.my